

Jilid 1  
Bil. 63



Hari Khamis  
9hb Julai, 1987

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 10473]**

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:**

**Penghantaran Balik Encik Hocoglu Seugi Ozturk Tuncak ke Turkey [Ruangan 10558]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pindaan) [Ruangan 10564]**

**USUL-USUL:**

**Jawatankuasa Pertubuhan Antara Parlimen-parlimen ASEAN (AIPO) [Ruangan 10622]**

**Akta Acara Kewangan 1957—**

**Menambah Butiran Baru: Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan [Ruangan 10626]**

**UCAPAN PENANGGUHAN:**

**Ruangan Hiburan di RTM—Y.B. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad [Ruangan 10647]**

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA** (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO DR LING LIONG SIK**, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' DR LIM KENG YAIK**, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE**, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, **TUAN ANWAR BIN IBRAHIM** (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, **DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR**, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, **TUAN DAIM ZAINUDDIN** (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, **DATO' CHAN SIANG SUN**, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Taph).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).

„ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

„ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

„ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).

„ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).

„ DR V. DAVID (Puchong).

„ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

„ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).

„ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

„ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).

„ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).

„ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

„ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

„ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).

„ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).

„ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

„ TUAN HU SEPANG (Rasah).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

„ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).

„ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

„ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

„ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).

„ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).

„ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).

„ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).

„ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

„ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

„ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

„ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

„ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

Yang Berhormat DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).



Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,  
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,  
P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Khamis, 9hb Julai, 1987

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

## PROJEK IKHTIAR

**1. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Perdana Menteri menjelaskan tentang "Projek Ikhtiar" bagi menolong keluarga miskin di negara ini, setakat ini:

- (a) berapa ramaikah bilangan keluarga miskin yang telah mendapat faedah dari projek ini;
- (b) adakah projek ini telah meluaskan aktiviti-aktivitinya ke seluruh negara pada masa kini. Kalau tidak, mengapa; dan
- (c) adakah projek ini dilaksanakan menurut kaedah ekonomi Islam dan berapakah jumlah wang yang disediakan bagi satu-satu projek.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini seramai 213 orang telah mendapat pinjaman di bawah Projek Ikhtiar. Pada masa ini Projek Ikhtiar ini dijalankan di lima kawasan di Barat Laut Selangor sahaja dan ianya akan berjalan selama 3 tahun dari 1986 ke 1988 sebagai projek perintis.

Keputusan sama ada hendak diperluaskan ke kawasan lain adalah bergantung kepada hasil penilaian yang akan dibuat pada akhir tempoh perintis dan juga kepada kemampuan kewangan untuk digunakan bagi memberi pinjaman kepada peserta-peserta. Pinjaman yang diberikan adalah mengikut konsep "Alkardo Hassan". Buat masa sekarang peruntukan modal yang ada untuk tujuan ini adalah sebanyak \$300,000 yang mana ia merupakan sumbangan daripada pihak Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YPPIM).

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, apakah garis panduan ataupun kriteria pemilihan kawasan-kawasan yang hendak diwujudkan bagi melaksanakan rancangan ini dan adakah rancangan ini sekiranya dilaksanakan ataupun dimajukan terus boleh mengatasi masalah ataupun mengurangkan masalah kemiskinan di negara ini.

**Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Kawasan yang ditentukan adalah diputuskan oleh Jawatankuasa Bertindak yang mempelopori Projek Ikhtiar ini. Jadi, di peringkat awal ini telah dikenalpasti supaya kawasan ini dijalankan di Selangor. Sama ada ianya akan diteruskan untuk memastikan ia berjaya atau tidak akan terpulang kepada kajian penilaian yang akan menentukan sama ada perkembangan kemajuan dan kemungkinan daya hidup projek ini akan dapat diteruskan dan juga bergantung kepada

peruntukan modal yang dapat digunakan untuk terus memberi penolongannya kepada golongan fakir-miskin.

### **SISTEM BANK TIDAK RASMI**

**2. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal "sistem bank yang tidak rasmi" (unofficial banking system) yang menikmati kepercayaan orang ramai yang ternyata dalam pemungutan wang dalam deposit sebanyak \$6 billion oleh koperasi-koperasi, syarikat kredit, peminjam-peminjam wang, tukang emas dan kedai pajak gadai dalam masa 5 tahun yang lalu dan jumlah ini adalah lebih dari jumlah yang didepositkan dengan institusi bank yang rasmi.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, deposit dalam sistem bank (terdiri daripada bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar) sejak 5 tahun kebelakangan ini (1981 sampai 1986) bertambah sebanyak lebih daripada \$37,000 juta. Jumlah deposit pada akhir tahun 1986 ialah \$75,200 juta. Kerajaan tidak mempunyai data mengenai deposit dalam apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban iaitu "sistem bank yang tidak rasmi".

Walau bagaimanapun, adalah dianggarkan bahawa jumlah deposit di luar sistem bank amatlah kecil berbanding dengan jumlah deposit yang tersimpan dalam simpanan bank ataupun sistem bank. Deposit dalam 24 Koperasi Pengambilan Deposit (KPD) berjumlah sebanyak lebih kurang \$1,500 juta, manakala deposit dalam 27 institusi pengambilan deposit haram yang disiasat oleh Bank Negara berjumlah lebih \$38.8 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, undang-undang bersangkut dengan aktiviti koperasi sedang disemak untuk menentukan koperasi hanya boleh menerima deposit daripada ahli-ahli bagi tujuan tertentu sahaja. Aktiviti-aktiviti koperasi akan diawasi dan pelaburan kumpulan wang yang dikumpul akan dihadkan.

Adalah ditegaskan bahawa Kerajaan tidak akan bertolak ansur untuk mengambil tindakan ke atas mereka yang terlibat di dalam aktiviti pengambilan deposit secara haram serta menyalahgunakan wang yang dikumpulkan daripada orang ramai.

Di sini Kerajaan ingin menegaskan bahawa orang ramai juga tidak sunyi daripada kesalahan untuk memasuki wang mereka dalam sistem bank yang tidak rasmi itu. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak lari daripada tanggungjawab. Kerajaan akan terus mengambil tindakan undang-undang ke atas setiap orang-orang yang melanggar undang-undang dan melakukan kesalahan jenayah. Bank Negara bersama-sama dengan pihak polis sedang giat berusaha untuk mendedahkan dan mengumpulkan bukti-bukti nyata yang dapat menyokong tindakan ke atas mereka yang melakukan kesalahan dan jika ada cukup bukti yang bersabit, Kerajaan melalui kuasa-kuasa yang ada padanya akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya termasuk membeku aset-aset mereka dan membawa mereka ke mahkamah.

Kegagalan KPD sepatutnya menjadi satu pengajaran kepada orang ramai supaya tidak terpengaruh dengan kadar-kadar faedah yang tinggi yang ditawarkan oleh KPD secara haram. Orang ramai seharusnya menyimpan wang mereka dalam institusi-institusi pengambilan deposit yang berlesen di mana keselamatan deposit mereka sentiasa di bawah penyeliaan pihak berkuasa.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berasa hairan pihak Kementerian tidak sedar ada satu sistem yang besar di luar bank rasmi. Adakah pihak Timbalan Menteri sedar apabila dua-tiga hari dahulu beliau mengatakan dalam Parlimen ada 27 buah kedai/firma credit leasing yang ada kutip \$38 juta, barangkali \$38 juta ini dikutip daripada pendeposit-pendeposit. Adakah Kerajaan sedar di dalam negara kita ada 3,000 firma/kedai credit leasing, dan kalau dikirakan ini sekurang-kurangnya \$3.8 billion ada disimpan di dalam kedai-kedai credit leasing, dan kalau sedar, apakah langkah akan diambil? Saya harap jangan tutup mata sahaja.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi bahawa orang ramai juga tidak terkecuali daripada kesilapan, mereka telah pun menyimpan wang mereka dalam sistem bank yang tidak rasmi tadi yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, telah saya katakan tadi Kerajaan tidak lari daripada tanggungjawab jika sekiranya terdapat sebarang bukti yang menunjukkan bahawa sistem bank yang tidak rasmi itu mengambil deposit secara haram. Kerajaan akan bertindak dan jika sekiranya kes itu bersabit, kita akan bawa mereka ke mahkamah ataupun, mengikut kuasa-kuasa yang ada, kita akan membekukan aset bank-bank yang tidak rasmi itu.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, sama ada beliau sedar bahawa baru-baru ini banyak penyelewengan berlaku bukan sahaja dalam koperasi-koperasi yang berkenaan tetapi juga dalam syarikat kredit termasuk kedai-kedai tukang emas dan kedai pajak gadai oleh kerana perkara tentang penyeliaan dan juga penguatkuasaan undang-undang

adalah tidak berkesan dan mengakibatkan berlaku banyak kes penyelewengan ini? Saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tentang hal ini dan jika sekiranya beliau sedar, saya ingin bertanya apakah tindakan pihak Kerajaan hendak ambil untuk memastikan bahawa undang-undang ini sentiasa dikuatkuasakan dengan cara yang berkesan untuk mengatasi masalah seperti yang saya katakan tadi?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan sedar berkenaan dengan kes-kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, tetapi mengikut anggaran yang didapati dalam rekod kita, iaitu sistem yang dikatakan sistem bank tidak rasmi itu, mengikut bancian ataupun maklumat kita deposit yang terdapat di situ tidaklah begitu besar berbanding dengan sistem bank rasmi. Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat ada bukti yang menunjukkan bahawa sistem bank yang tidak rasmi itu telah menyeleweng, saya minta Yang Berhormat bekerjasama dengan Kerajaan memberikan bukti-bukti yang nyata supaya pihak yang berkenaan itu boleh dibawa ke tengah dan di dakwa di mahkamah ataupun kita mengambil tindakan yang lain sewajar dengan kesalahan mereka.

Perkara yang kedua bersangkut paut dengan pajak gadai dan sebagainya, sekarang ini kita sedang menjalankan suatu "exercise" supaya pajak gadai dan juga sistem bank yang dikatakan tidak rasmi itu akan disiasat daripada satu masa ke satu masa dan di sini saya bagi pihak Kerajaan ingin mendapat kerjasama daripada Ahli Yang Berhormat, jika sekiranya ada sebarang bukti atau sebarang maklumat yang berkaitan dengan masalah tersebut.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama

ada beliau sedar bahawa untuk mengajar orang yang menipu pendeposit-pendeposit dengan berkesan, tindakan mahkamah haruslah diambil dengan segera dan sekiranya Yang Berhormat sedar, dalam kes-kes yang disiasat sekarang oleh Bank Negara, sama ada tindakan mahkamah itu dapat disegerakan supaya pihak yang menipu boleh diajar dengan berkesan?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**

Tuan Yang di-Pertua, tentu sekali jika sekiranya buktinya cukup untuk membawa seseorang itu ke mahkamah, mereka akan didakwa di mahkamah tetapi seperti yang kita faham, proses menyelesaikan satu-satu kes ke mahkamah itu tidaklah begitu pendek atau mengambil masa yang panjang dan kadang kala sampai berbulan-bulan. Jadi kalau sekiranya kes-kes ini dapat di bawa ke pengetahuan Kerajaan, kita akan menentukan bahawa orang-orang yang bersalah ataupun menyeleweng duit rakyat itu boleh dan mesti di bawa ke tengah.

**ANAK ORANG ASLI—  
PELAJARAN TINGGI**

**3. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk mengujudkan satu sistem yang lebih dinamik supaya kanak-kanak Orang Asli dapat diberi peluang meneruskan pelajaran mereka yang peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya menjadi rakyat yang lebih berguna kepada bangsa dan negara.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan supaya anak-anak Orang Asli dapat menerima pelajaran hingga ke peringkat tinggi seperti penduduk-penduduk Malaysia yang lain dan seterusnya menjadi

rakyat yang boleh berguna. Untuk mencapai hasrat tersebut, Kementerian Pendidikan telah menjalankan di antara lain tindakan-tindakan berikut:

- (1) sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) supaya di mana yang boleh peluang dan kemudahan yang secukupnya dapat disediakan kepada anak-anak Orang Asli demi kepentingan pendidikan mereka;
- (2) mengambilalih di mana yang boleh sekolah-sekolah yang ditadbirkan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ke bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan;
- (3) menempatkan guru-guru terlatih Kementerian Pendidikan di sekolah-sekolah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli;
- (4) memberi peluang seluas-luasnya kepada anak-anak Orang Asli memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh, sekolah-sekolah di bawah Rancangan Khas dan Pusat-pusat Pengajian Tinggi;
- (5) mengadakan skim latihan khas kepada tenaga pengajar Jabatan Hal Ehwal Orang Asli supaya profesionalisme perguruan mereka dapat ditingkatkan; dan
- (6) menyediakan kemudahan asrama kepada anak-anak Orang Asli yang bersekolah di sekolah-sekolah yang dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih di atas penerangan yang telah diberikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan dan di sini saya ingin bertanya setakat ini adakah banciaan yang telah dibuat oleh Kementerian ini sendiri berkenaan

jumlah murid-murid anak-anak Orang Asli yang bersekolah?

Kedua, berapakah jumlah anak-anak Orang Asli yang duduk di pendalaman yang masih belum dapat belajar di sekolah-sekolah yang ada di dalam negara kita ini?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sentiasa ada mengambil bantuan, tetapi angka-angkanya saya tidak dapat diberikan sekarang sebab saya berkehendakkan notis dahulu.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai cara kelima iaitu tenaga pengajar kepada anak-anak Orang Asli, ingin saya mendapat penjelasan adakah tenaga-tenaga pengajar ini terdiri daripada Orang-orang Asli yang telah mendapat pendidikan dan kalau belum ada, adakah cadangan Kementerian Pendidikan untuk memberi peluang kepada anak-anak Orang Asli sendiri menjadi tenaga pengajar ataupun guru atau pendidik?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan ada rancangan untuk mengambil pelajar-pelajar dari Orang Asli untuk menjadi tenaga pengajar tetapi mereka mestilah mematuhi syarat-syarat yang sudah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu mereka mesti mendapat kelulusan di dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ataupun kalau mereka hendak menjadi seorang guru yang lebih tinggi, mereka mesti mendapat kelulusan dari universiti.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, oleh kerana Orang Asli jadi bumiputera yang asal dalam negara ini dan bukan orang Melayu, orang China atau orang India (*Disampuk*), adakah Orang Asli dalam negara kita jadi bumiputera asli, bukan sahaja bumiputera, dan adakah Kerajaan

bercadang untuk memberi keistimewaan yang tinggi sekali kepada anak-anak Orang Asli?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan ada memberi kepentingan dan keutamaan untuk memberi faedah kepada Orang-orang Asli. Di bidang-bidang kesihatan juga kita pun boleh lihat, kita memberi keutamaan dalam perubatan kepada Orang Asli, dan dalam bidang pelajaran pun kita memberi concession, jika dapat diberi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye.

**Tuan R. Karpal Singh:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Cukuplah itu.

## CUKAI KORPORAT MALAYSIA

**4. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa cukai korporat Malaysia sebanyak 40 peratus adalah yang tertinggi dalam rantau Asean dan salah satu yang tertinggi di dunia; sama ada beliau akan mengambil langkah-langkah untuk menyemak semula cukai dan merendhkannya ke paras yang munasabah bagi menjadikan Malaysia lebih kompetitif dan menarik kepada pelabur-pelabur asing.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula kadar cukai korporat yang dikenakan sekarang ini.

Walaupun pada lahirnya cukai korporat di Malaysia agak tinggi, tetapi Kerajaan telah memberi banyak

galakan pelaburan kepada pengusaha-pengusaha yang ingin melabur di Malaysia. Antara galakan-galakan yang diberikan ialah taraf perintis, elaun cukai pelaburan, pengurangan pendapatan larasan, elaun eksport, potongan bagi penggalakan eksport dan elaun bangunan perindustrian. Dengan pemberian galakan-galakan pelaburan yang dinyatakan tadi cukai korporat di Malaysia sebenarnya adalah rendah dan setanding dengan negara-negara di rantau ini. Ini telah menjadi daya tarikan terutama kepada pelabur-pelabur yang ingin melabur di negara ini.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk menimbang permintaan bagi mengurangkan cukai korporat ini. Tetapi di sini saya suka bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa banyak persatuan-persatuan perniagaan termasuk pengilangan di negara kita telah beberapa kali mendesak Kerajaan supaya menimbang untuk mengurangkan cukai korporat ini, memandangkan bahawa kadar cukai ini adalah sangat tinggi apabila dibandingkan dengan negara-negara ASEAN dan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk memberi pertimbangan yang wajar memandangkan bahawa tidak dapat dinafikan pengurangan cukai korporat ini ialah salah satu cara untuk membantu menarik lebih banyak pelaburan ke negara kita.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, tadi telah saya katakan bahawa pada masa ini Kerajaan tidak berniat untuk mengkaji semula kadar cukai korporat yang dikenakan sekarang ini dan mengenai soalan Yang Berhormat berkaitan dengan pelaburan asing, jadi saya telah pun menjawab soalan tersebut.

Walau bagaimanapun ingin saya nyatakan di sini, bahawa selain daripada galakan-galakan yang telah pun kita beri kepada pelabur-pelabur asing, telah kita katakan bahawa banyak daripada perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi secara "absolute" mengurangkan cukai korporat.

Sebagai contoh, saya boleh sebut di sini mengenai cukai-cukai yang dikenakan atas syarikat di Malaysia, kita dapat kurangkan misalnya, cukai pendapatan syarikat yang dikenakan 40%, cukai pembangunan 5%, dan bagi cukai keuntungan berlebihan yang lebih daripada \$2 juta, kita kenakan 3%. Jika kita bandingkan ini dengan negara-negara ASEAN misalnya, Singapura mengenakan 33% secara "absolute", Indonesia mengenakan di antara 25% hingga 35%, Filipina 35% dan Thailand 35%. Tetapi galakan-galakan cukai yang sedia ada, yang terdapat pada hari ini, taraf perintis umpamanya, tempoh pengecualian cukai di antara 5 tahun sampai 10 tahun, bermakna syarikat-syarikat yang diberi taraf tersebut tidak dikenakan cukai 40%, cukai pembangunan 5% dan cukai keuntungan yang berlebihan yang saya sebutkan tadi. Begitu juga dengan Elaun Cukai Pelaburan atau Investment Tax Allowance, dengan izin, kilang ini diberi untuk perbelanjaan modal iaitu kilang loji, mesin dan alat-alat yang lain begitu juga elaun cukai pelaburan yang berkaitan dengan kadar maksima yang diberi sebanyak 100%. Jadi dengan contoh-contoh ini dari segi "absolute"nya cukai korporat mungkin kurang daripada yang ada pada hari ini.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):**  
Padang Terap!



**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Mengenai soalan tambahan ke atas Soalan No. 3 tadi yang ditanya oleh Yang Berhormat dari Jelutong, saya minta dia tarik balik—Peraturan Mesyuarat 36 (10) (c)—boleh atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat duduk dahulu, tidak boleh bangkitkan perkara point of order kalau perkara itu sudah berlalu. Yang Berhormat dari Padang Terap, teruskan!

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa kajian-kajian mengenai dunia pelaburan antarabangsa mendapati bahawa cukai korporatlah yang merupakan faktor utama, iaitu faktor yang paling significant, dengan izin, di dalam menarik pelaburan-pelaburan luar negeri, walau pun wujud lain-lain insentif.

Yang kedua, apakah dakwaan yang mengatakan lain-lain faktor yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi? Sebenarnya mengurangkan cukai korporat kita ke tahap yang rendah, itu hanya satu dakwaan, dengan izin, hypothetical sahaja.

Yang ketiga, jikalau Kerajaan sedar, apakah Kerajaan bercadang mengadakan kajian-kajian yang sama untuk mengetahui faktor sebenar yang paling penting di dalam menarik pelaburan luar negeri.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya tadi, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula

kadar cukai korporat yang dikenakan. Jika sekiranya Yang Berhormat mencadangkan kepada Kerajaan supaya disemak semula, kita akan mengambil perhatian.

#### **TAMAN NEGARA ENDAU/ ROMPIN**

**5. Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauh manakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menjadikan kawasan rimba Endau Rompin sebagai Taman Negara dan adakah pihak Kerajaan negeri-negeri berkenaan iaitu Pahang dan Johor bersetuju dengannya.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, cadangan penubuhan Taman Negara Endau/Rompin telah bermula sejak tahun 1971 lagi semasa Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri Malaysia ketika itu. Beliau telah mengarahkan supaya dipertimbangkan cadangan untuk memajukan Endau/Rompin sebagai sebuah Taman Negara. Dalam tahun 1972, satu laporan telah dikeluarkan oleh sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Perikanan (yang pada ketika itu bertanggungjawab ke atas Jabatan Mergastua) yang mana antara lain, telah memperakukan supaya Endau/Rompin diwartakan sebagai Taman Negara. Dalam tahun 1977, satu kajian semula telah dibuat oleh seorang pakar Kanada di bawah Rancangan Colombo terhadap kawasan-kawasan konservasi Semenanjung Malaysia termasuk kawasan Endau/Rompin. Di dalam proses kajian inilah, satu cadangan telah dirangka oleh pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman-taman Negara memandangkan kepada tiada sebarang tindakan yang telah diambil ke atas cadangan

sebelumnya. Berikutan daripada itu, cadangan untuk penubuhan Taman Negara Endau/Rompin telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Pada keseluruhannya, kawasan cadangan Endau/Rompin ini meliputi kawasan seluas 87,464 hektar iaitu 38,689 hektar di dalam Negeri Pahang Darulmakmur dan 48,775 hektar di Negeri Johor.

Berkenaan dengan cadangan Taman Negara Endau/Rompin di dalam Negeri Pahang Darulmakmur, satu taklimat telah diberikan kepada Kerajaan Negeri Pahang Darulmakmur pada pertengahan tahun 1977. Kawasan yang dipohon ialah seluas 38,689 hektar. Pada dasarnya pihak Kerajaan Negeri bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan, tetapi masih memerlukan pertimbangan yang teliti. Pada bulan September 1977, surat ulangan telah dihantar oleh pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar kepada Kerajaan Negeri. Satu perjumpaan telah diadakan pada 18hb Mac 1983 di antara Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang Darulmakmur pada ketika itu untuk membincang cadangan mewujudkan Taman Negara Endau/Rompin. Pada bulan Julai 1986, pihak Kerajaan Negeri Pahang Darulmakmur telah mewartakan kawasan Endau/Rompin sebagai kawasan mergastua untuk kegunaan pihak awam di bawah Kanun Tanah Negara dan bukan di bawah Akta Taman-taman Negara 1980. Kawasan yang telah diwartakan ialah seluas 40,177 hektar.

Berkenaan dengan cadangan Taman Negara Endau/Rompin di dalam Negeri Johor, satu taklimat telah diberikan kepada pihak Kerajaan Negeri dalam bulan Jun 1977. Kawasan cadangan adalah seluas

48,775 hektar. Pada dasarnya, Kerajaan Negeri Johor bersetuju dengan cadangan tersebut. Kawasan cadangan ini sebahagian besarnya termasuk di dalam Kawasan Simpanan Mergastua Endau/Kluang. Dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor pada bulan Februari 1979, pihak Kerajaan Negeri telah meluluskan seluas 48,775 hektar untuk dijadikan Taman Negara Endau/Rompin. Pada 27hb Februari 1983, Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah mengadakan perjumpaan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada ketika itu untuk menyusuli persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor ke atas pengwujudan Taman Negara Endau/Rompin. Dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor pada bulan Ogos 1984, pihak Kerajaan Negeri telah meluluskan kawasan seluas lebih kurang 24,800 hektar untuk Taman Negara Endau/Rompin dan kelulusan asal seluas 48,775 hektar telah ditarik balik. Sejauh makluman sehingga hari ini, kelulusan oleh Kerajaan Negeri Johor masih belum diwartakan.

Pada keseluruhannya, pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar hanya mengemukakan cadangan permohonan kawasan Endau/Rompin untuk dijadikan Taman Negara. Setelah itu, terpulanglah kepada Keputusan pihak Kerajaan Negeri untuk mewujudkan Taman Negara Endau/Rompin.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa kawasan Endau/Rompin akan dijadikan Taman Negara, adakah Kerajaan bercadang untuk memberi kemudahan-kemudahan asas seperti mengadakan perhubungan yang baik, membina jalan-jalan hingga daripada pekan-pekan yang berdekatan hingga ke kawasan tersebut dan juga mengadakan tempat-tempat perkhemahan untuk menarik

pelancongan ke kawasan Endau/Rompin.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan saya tadi masalah, ini masih belum ada apa-apa keputusan dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri dan saya fikir masih awal setakat ini untuk memberi jawapan kepada pertanyaan Yang Berhormat dari Kota Setar itu.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat yang panjang dan lebar tadi, saya ingin bertanya apakah Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk membuka lagi Taman Negara baru di negeri-negeri yang lain untuk mengelakkan daripada pihak-pihak tertentu, seperti DAP daripada menggunakan isu-isu ini untuk menghentam Kerajaan.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Taman Negara yang sedia ada dan selain daripada cadangan Endau/Rompin, ada satu lagi kawasan yang dicadangkan untuk dijadikan Taman Negara, iaitu cadangan Taman Negara Belum di Perak seluas 207,200 hektar. Cadangan ini masih lagi dalam pertimbangan pihak Kerajaan Negeri Perak.

#### LEBUHRAYA IJOK-SUMPITAN-GRIK

**6. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Kerja Raya memberitahu mengenai lebuhraya Ijok-Sumpitan-Grik yang dulunya telah difahamkan dibekukan oleh kerana keadaan meleset, sama ada Kementerian telah atau akan meneruskan projek tersebut memandangkan keperluan lalulintas dan untuk faedah keselamatan di kawasan-kawasan yang terlibat.

**Menteri Kerja Raya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, pihak

Kementerian Kerja Raya tidak ada apa-apa rancangan untuk membina jalan daripada Ijok ke Sumpitan kerana jalan tersebut adalah jalan Kerajaan Negeri. Oleh itu, pembinaannya adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Perak. Walau bagaimanapun, jalan daripada Sumpitan ke Grik adalah termasuk dalam rancangan Kerajaan Persekutuan untuk memperelokkan jalan daripada Grik ke Kuala Kangsar di mana rekabentuk sedang dilakukan. Pembinaannya kelak akan bergantung kepada keadaan kewangan Kerajaan.

#### HOMOSEKS DAN PONDAN— PENGAWASAN

**7. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan mengapa Menteriannya mengawasi bilangan homoseks dan pondan di Negara ini dan adakah Menteriannya mempunyai apa-apa rancangan untuk membantu dan menjaga kebajikan mereka itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat dari Rasah, Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak mengawasi golongan homoseks. Walau bagaimanapun, golongan pondan ada mendapat perhatian dari Kementerian ini. Beberapa langkah telah diambil untuk memahami lebih mendalam masalah peribadi serta masalah sosial yang dialami oleh golongan pondan. Tujuannya ialah untuk mengorak langkah bagi menerapkan mereka ke pangkuan masyarakat sebagai anggota masyarakat yang berguna dan bermaruah.

Antara bantuan yang diberi oleh Kementerian ini ialah bantuan kewangan untuk membantu mereka yang kurang mampu melibatkan diri dalam aktiviti etiked yang sihat serta khidmat kaunseling kepada mereka

yang menghadapi masalah psikologi ataupun sosial.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar kita sebagai manusia ada jantina masing-masing dicatat di dalam kad pengenalan sebagai lelaki atau perempuan. Tetapi untuk golongan orang seperti Setiausaha Parlimen sebutkan tadi.....(*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat takut sebutkan?

**Tuan Hu Sepang:** Tidak. Saya membangkitkan soalan ini ialah apakah langkah Kementerian beliau akan ambil. Adakah Kementerannya akan berhubung dengan Jabatan Pendaftaran untuk mencari satu perkataan baru untuk jantina mereka dan memandangkan mereka suka berkumpul di padang Kelab Selangor tiap-tiap malam (*Ketawa*), adakah Menteri Kebajikan Masyarakat berhubung dengan Menteri Pelancongan untuk menjadikan Kelab Selangor sebagai Pusat Pelancongan (*Ketawa*) untuk pelancong-pelancong khususnya dari negara barat yang sangat berminat (*ketawa*) dalam kegiatan ini. Ini untuk menjaga Kebajikan pondan-pondan. (*Ketawa*)

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat dari Rasah. Itulah saya fikir satu kawan daripada golongan pondan ini (*Ketawa*). Jangan marah Ahli Yang Berhormat dari Rasah.

Untuk menjawab soalan tambahan itu, Kementerian saya sudah menyediakan satu program pendaftaran untuk orang-orang di dalam golongan pondan ini. Sebenarnya, nama pondan itu sudah dicadang menjadi "Maknyah". Nama ini saya fikir Yang Berhormat dari Rasah tidak pernah dengar. Itulah nama golongan ini. Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Tuan Hu Sepang:** Minta penjelasan, Tuan Speaker. "Maknyah" tidak terdapat dalam kamus ini. (*Ketawa*)

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Saya memang sedar perkataan "maknyah" itu tidak ada dalam kamus kerana perkataan ini adalah cadangan baru.

Selain daripada program pendaftaran ini, Kementerian saya ada menyediakan satu Penal Penasihat. Dalam Penal Penasihat ini, wakil-wakil dari Pusat Islam, Kementerian Kesihatan, Pendaftaran Pertubuhan, Kementerian Buruh, pakar-pakar psikologi dan perubatan dari universiti tempatan dan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat yang sedang membuat cadangan dan mengendalikan aspek-aspek berkaitan dengan maknyah ini. Sebab masalah mendapatkan kerja, masalah status golongan yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Rasah tadi, masalah yang berunsur keagamaan, masalah penggunaan dan langkah-langkah pencegahan dan lain-lain. Inilah tindakan yang diambil oleh Kementerian saya.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Soalan tambahan. Untuk memudahkan Kerajaan memberi perkhidmatan ataupun bantuan kepada masyarakat pondan ini, saya ada dua soalan. Pertama, adakah Kementerian ini membuat banciaan jumlah pondan di seluruh negara? Dan kedua, adakah pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah membuat lawatan ke pusat-pusat pondan ini? (*Ketawa*)

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Soalan kedua dahulu (*Ketawa*). Lawatan itu saya belum lagi. Saya harap satu hari saya dapat melawat, tetapi sebenarnya ada separuh golongan dari golongan ini sudah berjumpa dengan Menteri Kebajikan Masyarakat (*Ketawa*) pada tahun lepas oleh sebab Kementerian ini hendak memberi pertolongan kepada golongan ini.

Mengenai bancian, Kementerian ini sudah ada angka-angka. Sekarang sudah ada sejumlah 351 orang dalam golongan maknyah ini yang didaftarkan oleh Kementerian ini.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya, di sini banyak disebutkan perkataan “pondan”. Bolehkah Setiausaha Parlimen memberi keterangan di Dewan ini apakah makna “pondan”, apa definisinya?

Kedua, adakah orang-orang hari ini bercakap begini, esok tukar lain, ada yang bercakap dalam Dewan ini bersetuju, di luar tidak bersetuju. Adakah orang-orang ini boleh dimasukkan dalam golongan pondan?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Saya fikir soalan kedua itu tidak payah saya jawab.

Makna atau definisi” pondan itu, saya boleh memberi sedikit penjelasan sahaja, iaitu sebelum saya datang ke Dewan ini saya ada membuat research sedikit—iaitu definisi “pondan” ialah lelaki yang berkelakuan sebagai perempuan dan sebaliknya (*Ketawa*).

#### MISC—SAHAM PELABUR ASING

**8. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa daripada jumlah 30% saham Misc yang diperuntukkan kepada pelabur asing berapakah jumlah peratus saham tersebut telah dibeli oleh pelabur-pelabur asing setakat ini dan dari jumlah itu berapa peratuskah kepunyaan syarikat dan orang-orang persendirian. Adakah Kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan pelaburan asing daripada 30% ke tahap yang lebih tinggi memandangkan ekonomi negara masih lembab.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam):** Tuan

Yang di-Pertua, sehingga 18hb Jun, 1987, sebanyak 18.3% saham MISC telah pun dibeli oleh pelabur-pelabur asing. Kedudukan pemilikan saham MISC tersebut adalah seperti berikut:

<i>Kepunyaan</i>	<i>Peratus</i>
Syarikat .. .. .	8.3%
Individu .. .. .	0.6%
Nomini .. .. .	9.4%
	<hr/>
	18.3%

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menambah peruntukan kepada pelabur asing melebihi tahap 30%. Walau bagaimanapun, kedudukan ini akan dikaji semula sekiranya keadaan memerlukan.

**Tuan Nurnikman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Atas penglibatan pelaburan asing syarikat dan orang persendirian dalam MISC ini, saya ingin bertanya, apakah kemajuan ataupun kejayaan yang kemuncak yang telah dicapai oleh MISC setakat ini dalam bidang perniagaan?

**Tuan Kasitah bin Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tidak berapa jelas tetapi tanggapan saya itu ialah Yang Berhormat menanya mengenai tahap prestasi. Saya suka menjelaskan di Dewan ini bahawa MISC terus maju dan terus meningkat prestasinya dan juga terus mendapat layanan daripada pelanggan-pelanggan yang sebelum ini belum lagi dapat dijalankan oleh MISC dan suka saya memberitahu bahawa setakat ini syarikat MISC telah pun mendapat keuntungan lebih daripada \$125 juta dari apa yang telah saya difahamkan. Daripada angka-angka keuntungan ini, dapatlah kita bayangkan bahawa syarikat ini terus maju dari setiap.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sejauh manakah penglibatan pihak asing yang memilikii saham yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi mempunyai kuasa dalam menentukan pengurusan terutamanya dalam bidang purchasing, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua? Yang kedua, apakah pihak Kerajaan bercadang untuk menawarkan saham pada masa akan datang kepada PNB ataupun Amanah Saham Nasional bagi memenuhi kuota keperluan Dasar Ekonomi Baru?

**Tuan Kasitah bin Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, pemegang-pemegang saham asing tidak ada kaitan langsung dalam pengurusan harian pentadbiran MISC ini. Mereka ini membeli saham melalui Stock Exchange di Kuala Lumpur iaitu mengikut market yang tersedia ada.

Untuk menjawab soalan yang kedua, suka saya memberitahu bahawa PNB sekarang ini pun sudah mempunyai saham dalam syarikat MISC dan PNB akan terus dibenarkan untuk membeli saham setakat mana yang mereka kehendaki.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi saya dapat tahu daripada jawapan Yang Berhormat, hanya 18% daripada 30% yang telah diperuntukkan untuk orang asing telah dapat dijual. Saya ingin tahu sebab apa kita tidak dapat memajukan lagi 12% yang lagi ada peruntukan untuk orang asing dan adakah Yang Berhormat sedar inilah satu cara yang baik untuk menarik pelaburan orang asing kepada negara kita?

**Tuan Kasitah bin Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, MISC ini baru sahaja disenaraikan pada tahun yang lalu dan kita telah memperuntukkan sebanyak 30% daripada saham-saham itu yang dibolehkan dijual kepada orang-orang asing. Setakat ini oleh kerana prestasi

syarikat ini adalah sangat maju maka 18% daripada 30% itu telah pun dibeli oleh orang asing dan juga syarikat kepunyaan asing. Percentage ini semakin meningkat dari sehari ke sehari dan ini mencerminkan kepercayaan orang-orang asing kepada MISC, kepercayaan mereka tentang kendalian pentadbiran MISC yang sekian meningkat dalam Pasaran Saham Kuala Lumpur.

### SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN—PENUBUHAN

**9. Dr Lim Ann Koon** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) syarat-syarat yang diperlukan untuk menubuhkan sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan; dan
- (b) perbezaan syarat berbanding dengan penubuhan Sekolah Rendah Kebangsaan.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah sekolah tidak kira sekolah itu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan atau Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Rendah Kebangsaan adalah berdasarkan kepada keperluan yang wujud di sesuatu kawasan itu setelah mengambilkira perkara-perkara seperti berikut:

- (i) sekolah-sekolah yang sedia ada di sekitar kawasan yang berkenaan tidak dapat menampung pertambahan murid di kawasan tersebut;
- (ii) tidak terdapat rancangan untuk menambah bangunan atau cawangan sekolah-sekolah yang sedia ada di kawasan yang berkenaan bagi menampung pertambahan murid.
- (iii) masalah pengangkutan dan keselamatan murid-murid untuk berulang-alik ke

sekolah-sekolah yang ada di sesuatu kawasan itu; dan

- (iv) kedudukan kewangan yang ada.
- (b) Tidak terdapat perbezaan syarat bagi penubuhan sekolah di antara Sekolah Rendah Kebangsaan dengan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa syarat untuk menubuh sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan ada perbezaan dengan sebuah Sekolah Kebangsaan ataupun Sekolah Jenis Kebangsaan (SUA)? Jika ada, mengapa dia ada, dan apakah latarbelakang yang berasas dengan perbezaan ini?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak membezakan pembangunan untuk semua sekolah-sekolah Kerajaan tidak kira sekolah itu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan ataupun Sekolah Kebangsaan, tetapi jika tanah itu adalah memperolehi orang-orang swasta atau Lembaga Persekolahan itu, Kerajaan ada satu dasar iaitu peruntukan yang dapat diberikan oleh Kerajaan tidaklah sampai lebih dari 50% perbelanjaan yang dipersetujui oleh Kerajaan.

**Dr Goh Cheng Teik:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan definisi keperluan yang wujud. Beliau telah sebutkan sekiranya hendak tubuhkan satu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan, Kementerian akan mengambil kira sekolah-sekolah yang sedia ada. Maksud beliau sekolah-sekolah yang sedia ada, Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan atau sekolah-sekolah yang lain. Dengan perkataan lain, kalau Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan tidak ada atau tidak

mencukupi, sama ada ini akan diambil kira oleh Kementerian?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan mengambil kira berapa ramaikah ibubapa dengan hasrat untuk mengambil anak-anak memasuki sekolah rendah jenis kebangsaan ataupun sekolah kebangsaan dan jika bilik darjah mencukupi di dalam satu sekolah itu Kerajaan akan tidak menambahkan satu sekolah cawangan atau satu sekolah baru dan hanya memberikan peluang untuk menjalankan kelas di waktu petang tetapi kalau darjah di sekolah itu memang tidak cukup, Kerajaan akan menambahkan bilik-bilik darjah dan kalau di kawasan itu tanah tidak mencukupi, Kerajaan akan mencarikan tanah untuk membina satu sekolah baru.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Mohamad Sam bin Haji Sailan.

**Tuan Mohamad Sam bin Haji Sailan:** Tuan Yang di-Pertua, minta pembetulan kepada soalan nombor 10 iaitu minta Menteri Perusahaan Awam mengadakan, bukan perkataan menyatakan. Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 10.

## URUSAN PEMBERIAN TENDER

**10. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Menteri Perusahaan Awam mengadakan:

- (a) syarat-syarat tertentu agar semua kerja-kerja dan projek-projek yang hendak ditenderkan oleh agensi di bawah Kementerianya hendaknya dikhasnya kepada pengusaha-pengusaha Bumi-putera sahaja melainkan tidak ada syarikat bumiputera yang berkelayakan; dan
- (b) adalah diharapkan juga bahawa kerja-kerja dan projek-projek

yang ditawarkan hendaknya tidak terikat kepada tawaran harga yang paling rendah tetapi di atas tawaran harga yang berpatutan mengikut estimet yang ada dan yang boleh membantu syarikat bumiputera itu mendapat keuntungan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Yang Berhormat, urusan pemberian tender oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam adalah ditimbang oleh Lembaga Tender yang dibentuk mengikut undang-undang atau peraturan-peraturan yang tertentu agensi-agensi yang berkenaan. Di dalam menimbang tender-tender yang berkenaan, Arahan-arahan Perbendaharaan serta Surat-surat Pekeliling Perbendaharaan, dijadikan panduan oleh agensi-agensi yang berkenaan. Semasa menimbang perakuan-perakuan Lembaga Tender pula beberapa garis panduan digunakan bagi menentukan penender yang boleh disetujuterima. Antara garis panduan tersebut adalah seperti berikut:

(i) Keutamaan kepada penender-penender bumiputera yang terjatuh di bawah takrif yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4/1973 dan Bil. 7/1974;

(ii) Keutamaan-keutamaan harga kepada barang-barang buatan tempatan;

(iii) Latar belakang penender-penender bagi menentukan bahawa mereka yang akan dipilih mempunyai kebolehan, pengalaman dan kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan kontrak-kontrak dengan sempurna;

(iv) Penentuan - penentuan ataupun specification, dengan izin, telah dibuat mengikut Arahan Perbendaharaan yang menunjukkan keupayaan penender mempunyai asas yang saksama untuk penender;

(v) Penilaian ke atas tawaran-tawaran yang dibuat itu berasaskan kepada prinsip-prinsip tender terutama sekali prinsip, equal footing, dengan izin;

(vi) Tawaran-tawaran yang diperakukan adalah merupakan tawaran yang termurah yang dinilai dan boleh diterima (lowest evaluated and acceptable tender); dan

(vii) Lain-lain strategi Kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baru dan kepentingan Kerajaan keseluruhannya.

(b) Pertimbangan untuk pemberian suatu tawaran tidaklah semestinya berasaskan kepada harga yang paling rendah sekali. Beberapa kriteria selain daripada harga yang ditawarkan ialah mengenai prestasi penender dan juga keupayaan penender yang berkenaan



menyempurnakan kerja-kerja yang berkaitan. Walaupun harga yang ditawarkan oleh seseorang penender adalah yang terendah tidak semestinya penender itu akan dipilih sekiranya kriteria-kriteria lain tidak dipenuhi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masa soalan tambahan sudah cukup. Tidak ada lagi.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 62 adalah diberi di bawah ini).*

#### PERLINDUNGAN KEPADA NELAYAN-NELAYAN

**11. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pertanian menyatakan bentuk perlindungan yang disediakan oleh pihak Kerajaan sama ada dari Angkatan Tentera Laut atau National Maritime Command Centre kepada nelayan-nelayan luar pantai kita. Apakah sikap badan-badan ini terhadap tugas melindungi nelayan-nelayan negara kita. Apakah arahan-arahan mereka mengenai perlindungan nelayan-nelayan negara kita yang mempunyai dan yang tidak mempunyai lesen. Selain daripada melindungi keselamatan nelayan-nelayan kita, apakah tugas-tugas National Maritime Command Centre yang lain. Secara perbandingan dengan kekerapan berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diingini di antara masa sebelum dan selepas penubuhan pusat ini, apakah kemajuan-kemajuan yang tercapai dari segi keselamatan nelayan dan pencerobohan oleh nelayan-nelayan asing.

**Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid):** Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim (PPPM) atau National Maritime Command Centre bertanggungjawab untuk

menyelaraskan semua aktiviti penguatkuasaan di perairan ZEE dan MTW. Empat buah agensi terlibat ialah Tentera Laut Di-Raja Malaysia (TLDM), Polis Di-Raja Malaysia (PDRM), Tentera Udara Di-Raja Malaysia (TUDM) dan Jabatan Perikanan. Bentuk perlindungan yang diberi di antaranya ialah menjalankan rondaan biasa dan operasi khas untuk menghalang dan menangkap pencerobohan bot-bot dari negara asing. Pusat tersebut memberi keutamaan dalam melindungi nelayan-nelayan negara kita berasaskan kepada program-program yang dirancang dan diatur.

Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim menjalankan penyelarasan penguatkuasaan berasaskan kepada Akta Perikanan 1985 dan Akta ZEE 1984. Perlindungan diberi kepada nelayan-nelayan yang berlesen. Bagi mereka yang tidak mempunyai lesen, mereka tidak diberi perlindungan dan akan dikira bersalah mengikut Akta tersebut.

Tugas-tugas lain Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim adalah termasuk menyelaras keperluan kapal-kapal dan pesawat udara Kerajaan dalam usaha mencari dan menyelamatkan di perairan Malaysia. Kemajuan-kemajuan yang dicapai selepas tertubuhnya pusat tersebut ialah bilangan nelayan asing yang ditangkap telah meningkat.

#### PORIM—PROJEK DIESEL MINYAK KELAPA SAWIT

**12. Dato' Afifuddin bin Haji Omar** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah status penyelidikan PORIM untuk mengeluarkan minyak diesel dari minyak kelapa sawit; adakah benar projek ini hanya merupakan suatu "academic exercise" tanpa mempunyai "commercial feasibility", jikalau ada "commercial feasibility"

sila nyatakan angka-angka yang berkaitan dengannya.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik):** Adalah tidak benar dakwaan bahawa projek diesel minyak kelapa sawit semata-mata hanya untuk tujuan akademik. Sebaliknya, projek diesel minyak kelapa sawit bertujuan memenuhi kehendak-kehendak komersial setelah penyelidikan mengenainya disempurnakan selain daripada mendatangkan beberapa faedah sosio-ekonomi dan strategik.

Status projek ini boleh dibahagikan kepada dua peringkat iaitu:

(a) *Pengeluaran metil ester (palm diesel) daripada minyak kelapa sawit*

Peringkat ini melibatkan fasa pertama "trans-esterification" atau penghasilan metil ester dan pemasangan alat-alat untuk fasa kedua "esterification" atau proses penulenan metil ester dalam bulan Julai tahun ini.

(b) *Ujian lasak diesel minyak kelapa sawit ke atas enjin-enjin diesel*

Di peringkat ini sebanyak 25 buah enjin diesel sedang menjalani ujian lasak menggunakan metil ester dari loji rintis dan ujian lasak secara lengkap hanya akan dapat dilakukan setelah pemasangan ke atas loji rintis ini diselenggarakan untuk pengeluaran metil ester tulen secara berterusan selepas bulan Julai ini.

Mengenai kesesuaian komersial atau "commercial feasibility" projek ini, ianya bergantung kepada beberapa faktor seperti berikut:

- (i) Harga minyak petroleum mentah/diesel petroleum;
- (ii) Harga minyak kelapa sawit mentah; dan

(iii) Harga gliserol yang diperolehi sebagai bahan sampingan.

Anggaran-anggaran daripada kajian kesesuaian awal menunjukkan dengan harga diesel petroleum (ex-pump) ketika ini di sekitar 45.7 sen/liter (dengan pengecualian cukai) dan harga gliserol pada paras \$3,000/-tonne (ex-plant), projek ini mempunyai kesesuaian komersial jika harga minyak kelapa sawit mentah di paras \$550/-tonne atau lebih rendah. Walau bagaimanapun dalam jangkamasa panjang harga petroleum mentah/diesel petroleum dijangka akan meningkat dan ini akan juga mengubah kesesuaian komersial projek ini ke paras harga minyak kelapa sawit mentah yang lebih tinggi.

Selain dari itu projek ini juga dapat memberikan negara beberapa faedah seperti:

- (i) sebagai satu bahan alternatif terhadap permintaan diesel negara;
- (ii) boleh dijadikan sebagai mekanisma kestabilan harga minyak kelapa sawit;
- (iii) berupaya menjamin mutu minyak kelapa sawit yang dieksport kerana matlamat projek ini adalah ke arah penggunaan keluaran-keluaran minyak kelapa sawit yang bermutu rendah; dan
- (iv) boleh digunakan untuk memperkembangkan aktiviti hiliran seperti bahan-bahan eleokimia dalam usaha perluasan penggunaan dan harga yang lebih baik.

### LAPANGAN TERBANG BARU DI TAWAU

**13. Tuan Samson Chin Che Tsu** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau hendak melaksanakan rancangan untuk membina sebuah lapangan terbang di Batu 16, Jalan Apas, Tawau.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Rancangan untuk pembinaan sebuah Lapangan Terbang Baru di Tawau tidaklah dapat dilaksanakan buat masa ini kerana kedudukan kewangan negara tidak mengizinkan perlaksanaannya. Bagaimanapun, Kementerian akan mengkaji semula kedudukan projek ini bagi pelaksanaannya sebaik saja kedudukan ekonomi negara pulih semula.

#### **BEKALAN AIR DI PULAU BUM-BUM, SEMPORNA**

**14. Datuk Haji Sakaran Dandai** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah beliau bercadang untuk membina bekalan air di Pulau Bum-Bum Daerah Semporna, Sabah. Ini adalah oleh kerana, penduduk-penduduk Pulau tersebut begitu ramai (lebih kurang 20,000 orang) yang mana pada hari ini hanya bergantung kepada bekalan air dari perigi dan menghadapi kesulitan apabila musim kemarau. Jika ya, bilakah cadangan projek tersebut dilaksanakan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Kerajaan memang ada cadangan untuk melaksanakan skim bekalan air di Pulau Bum-Bum. Projek tersebut telah pun dimasukkan di dalam skim bekalan air luar bandar yang akan dilaksanakan oleh Antah Biwater. Kosnya dianggarkan berjumlah \$6.4 juta dan dijangka siap sebelum tahun 1990.

#### **FANDI AHMAD— PEMASTAUTIN TETAP**

**15. Tuan P. Patto** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan atas alasan apakah taraf pemastautin tetap akan diberi kepada pemain bola sepak Singapura Fandi Ahmad, sepertimana diumumkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur yang mendakwa bahawa ia

telah menghubungi Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri yang kononnya memberi jaminan bahawa Fandi Ahmad akan diberi taraf pemastautin tetap.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Permit masuk telah diluluskan kepada Fandi Ahmad atas alasan taraf beliau di Malaysia sebagai penduduk tetap adalah bermanfaat kepada negara ini kerana kehandalan beliau dalam sukan bola sepak akan dapat membantu memajukan sukan ini di Malaysia. Antara perkara lain yang dipertimbangkan dalam permohonan permit masuk Fandi Ahmad ialah bahawa Kementerian berpendapat beliau dapat menyesuaikan diri dengan keadaan masyarakat di negara ini dan akan memberi taat setia kepada Malaysia.

#### **CUTI MINGGUAN HARI JUMAAT/SABTU**

**16. Tuan Muhammad Yusof bin Haji Abdul Latif** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah cuti mingguan Hari Jumaat dan Hari Sabtu akan dilaksanakan, sedangkan perkara ini telah dicadangkan dalam tahun 1982 tetapi sehingga kini belum nampak sebarang kemajuan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor):** Kerajaan telah mengkaji cadangan ini dengan mendalam dan berpendapat bahawa Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun tidak mampu melaksanakan cadangan tersebut atas sebab-sebab kepentingan kemajuan dan kemakmuran negara. Cadangan tersebut akan membawa implikasi yang meluas terhadap ekonomi negara memandangkan Malaysia bergantung kuat dengan perdagangan antarabangsa di mana rakan-rakan perdagangan Malaysia mempunyai cuti mingguan seperti yang diamalkan sekarang.

## PENGANGGURAN—TAWARAN PEKERJAAN

**17. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Perdana Menteri menyatakan sehingga Mei, 1987 berapa ramai bilangan pengangguran di seluruh negara. Dan dari jumlah yang tersebut berapa ramai yang telah ditawarkan pekerjaan. Dan apakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran yang kian bertambah itu.

**Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Jumlah penganggur di seluruh negara pada akhir tahun 1986 dianggarkan lebih kurang seramai setengah juta orang, ataupun 8.5 peratus daripada jumlah tenaga buruh sebanyak 6 juta orang. Jumlah sebenar penganggur yang dapat pekerjaan adalah sukar untuk diperolehi memandangkan bahawa ramai daripada mereka mendapat pekerjaan di sektor swasta ataupun menjadi usahawan kecil di sektor bukan formal. Walau bagaimanapun sehingga bulan Mac, 1987, pihak Kementerian Buruh telah berjaya menempatkan pencari kerja yang berdaftar dengan Pejabat-pejabat Buruh di seluruh negara seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Pekerja</i>
1983 .. .. .	18,451
1984 .. .. .	19,446
1985 .. .. .	20,073
1986 .. .. .	16,887
1987 (hingga 31-3-87)	4,429

Pengwujudan peluang pekerjaan bergantung kepada perkembangan ekonomi. Oleh yang demikian, Kerajaan sedang mencuba meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan, Kerajaan antara lain telah membuat beberapa pengubahsuaian dan kelonggaran dalam dasar-dasar pelaburan. Kemudahan-kemudahan dan insentif-insentif yang lebih menarik telah

ditawarkan. Prosedur-prosedur pelaburan telah diselaraskan. Demi mencapai tujuan mengatasi masalah pengangguran, pelaburan yang berpotensi mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih banyak adalah digalakkan.

Bagi jangkamasa pendek, Kerajaan sedang melaksanakan langkah-langkah yang disyorkan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai kemelesetan ekonomi negara. Di antara langkah-langkah tersebut yang dijalankan bagi mengurangkan pengangguran termasuk:

- (i) pembinaan 80,000 unit lagi rumah kos rendah setahun dalam tempoh 1986-1988;
- (ii) pengubahsuaian tanah lombong untuk kegunaan pertanian;
- (iii) kerja-kerja membina jalanraya dan jalan-jalan kecil yang banyak menggunakan tenaga buruh termasuk pembinaan jalan kecil dan jalan penyambung bagi menyokong kegiatan pertanian dan industri kecil;
- (iv) pelaksanaan program pembinaan lebuhraya dengan tumpuan ke atas pertambahan penggunaan badan-badan tempatan seperti simen, keluli dan lain-lain bagi menambah lagi peluang pekerjaan;
- (v) penyusunan semula peraturan-peraturan yang berkaitan dengan industri penjaja kecil dengan tujuan untuk mewujudkan pekerjaan sendiri;
- (vi) latihan serta program-program melatih semula dalam bidang pertukangan yang mempunyai peluang pekerjaan bagi penganggur dan mereka yang diberhentikan kerja; dan

- (vii) langkah-langkah menyekat kemasukan baru pekerja-pekerja asing.

### HARGA BARANG UTAMA— PASARAN

**18. Tuan Ahmad Omar** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah tanda-tanda positif ke arah kenaikan harga barangan utama serta perluasan dan peningkatan bidang pasarannya. Apakah jangkaan Kementerian dari segi kedudukan harga dan pasaran dalam tempoh empat tahun lagi.

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Ada tanda-tanda positif yang menunjukkan harga barang utama seperti getah asli, minyak kelapa sawit, kayu kayan dan timah sedang pulih secara beransur-ansur. Ini adalah disebabkan antara lain peningkatan permintaan dari negara-negara pengguna terutamanya negara-negara perindustrian yang telah menunjukkan pemulihan ekonomi yang sederhana dan kadar inflasi yang terkawal.

Bagi minyak kelapa sawit harga mulai pulih pada bulan November tahun 1986 dengan harga purata bulanan sebanyak \$725 setonne metrik. Harga terus stabil di paras \$700-750 setonne metrik dan adalah dijangkakan ianya terus stabil hingga ke akhir tahun ini.

Adalah amat sukar untuk menentukan kedudukan harga bagi sesuatu jangkamasa panjang selama empat tahun akan datang kerana terdapat berbagai faktor yang mempengaruhi kedudukan harga di pasaran. Tambahan pula minyak kelapa sawit adalah bersaing dengan 15 jenis minyak sayuran dan lemak yang lain di pasaran antarabangsa.

Dari segi pasaran, jualan eksport minyak sawit terus meningkat daripada 4.3 juta tonne pada tahun 1985 kepada 4.5 juta tonne metrik

pada tahun 1986 iaitu peningkatan sebanyak 32.4%.

Harga getah asap berbunga I telah meningkat kepada 246 sen sekilo pada bulan Jun 1987 berbanding dengan 205 sen sekilo pada Jun, 1986, satu kenaikan harga sebanyak 41 sen sekilo atau 19.7%. Bagi empat tahun ke hadapan memandangkan keadaan ekonomi makin pulih dan pencapaian INRA II harga getah dijangka akan stabil dalam lingkungan 230-270 sen sekilo.

Prestasi keseluruhan industri kayu negara menunjukkan peningkatan nilai eksport daripada \$4,300 juta pada tahun 1985 kepada \$4,700 juta pada tahun 1986. Harga kayu balak berdasarkan nilai yunit f.o.b. juga bertambah baik daripada \$140 semeter padu pada 1985 kepada \$150 semeter padu pada 1986 manakala harga kayu gergaji bertambah dari \$370 semeter padu pada tahun 1985 kepada \$413 semeter padu pada tahun 1986 dan harga kayu lapis meningkat daripada \$266 semeter padu kepada \$310 sen semeter persegi.

Jumlah eksport kayu balak berkurangan sedikit dari 19.5 juta meter padu pada tahun 1985 kepada 19.0 juta meter padu pada tahun 1986 manakala eksport kayu gergaji bertambah daripada 2.6 juta meter padu kepada 2.9 juta meter padu dan eksport kayu lapis meningkat 24.4% kepada 452 ribu meter padu.

Harga timah telah pulih sedikit dari paras \$15.50 sekilo pada tahun 1986 ke paras \$16.82 sekilo pada enam bulan pertama pada tahun 1987. Negara-negara yang menjadi ahli Kesatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) telah bersetuju untuk melaksanakan skim rasionalisasi pengeluaran untuk mengurangkan lebihan stok dalam pasaran timah. Di bawah skim ini ahli-ahli ATPC telah bersetuju untuk menghadkan eksport timah ke paras 96,000 tonne pada

tahun 1987. Di samping itu negara-negara pengeluar timah di luar ATPC seperti Brazil dan Republik Rakyat China juga bersetuju menghadkan eksport timah mereka mengikut paras yang ditentukan. Adalah diharapkan dengan terlaksananya skim keadaan pasaran akan pulih semula dalam tempoh dua tahun lagi.

### **PINJAMAN LUAR— MENJADUALKAN**

**19. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia:

- (a) pernah menjadualkan semula pinjaman-pinjaman luar asing dan jeniskan pinjaman-pinjaman ini, dan juga dari negara mana serta jumlahnya; berikan sebab-sebab mengapa ia berlaku;
- (b) sama ada Malaysia pernah menjadi pilihan keempat di kalangan pelabur Jepun melabur di negara-negara ASEAN menurut kajian Professor Nobuo Kawabe dari Universiti Hiroshima untuk Japan External Trade Organisation (Jetro) dan apakah kedudukan Malaysia sekarang serta mengikut sumber mana.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**

- (a) Kerajaan Malaysia tidak pernah menjadualkan semula sebarang pinjaman luar negerinya;
- (b) Kenyataan oleh Professor Nobuo Kawabe bahawa Malaysia adalah pilihan keempat di kalangan pelabur-pelabur Jepun yang melabur di negara ASEAN adalah berdasarkan kepada suatu survey yang telah diadakan mengenai beberapa syarikat-syarikat Jepun sahaja. Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, menurut data yang baru-baru ini telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Jepun, Malaysia sebenarnya menduduki tempat ketiga di ASEAN iaitu selepas Singapura dan Indonesia, mengikut jumlah pelaburan oleh perbadanan-perbadanan Jepun. Pada tahun 1986, jumlah pelaburan langsung adalah dua kali ganda iaitu sebanyak US\$158 juta berbanding dengan US\$79 juta pada tahun 1985. Ini jelas menunjukkan keyakinan pelabur-pelabur Jepun terhadap ekonomi Malaysia.

### **KEMAS—TUGAS PENYELIA**

**20. Dato' Zainal Abidin bin Johari** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan tugas-tugas Penyelia KEMAS dan adakah beliau sedar yang masih ada Ketua Penyelia KEMAS yang hanya memberi arahan dari meja Pejabat tanpa menjejakkan kaki di kampung-kampung. Kalau ada apakah tindakan yang diambil supaya jentera KEMAS, terutama di kawasan mundur dapat dimajukan.

**Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Tugas Penyelia-penyelia KEMAS antaranya ialah untuk:

- (i) Mengubah sikap dan menyemaikan perasaan kesedaran di kalangan masyarakat untuk membina satu masyarakat yang maju dan berdikari.
- (ii) Mewujudkan daya inisiatif dan perasaan tanggungjawab setiap anggota masyarakat dalam pembangunan sosial, ekonomi dan politik.
- (iii) Melibatkan rakyat untuk turut serta secara aktif bagi

menjayakan matlamat Kerajaan dan negara.

- (iv) Mengeratkan kerjasama di kalangan rakyat dan di antara rakyat dengan Kerajaan.

Ketua Penyelia Kanan, Penyelia Kanan dan Penyelia dikehendaki mentadbir aktiviti-aktiviti KEMAS di luar bandar seperti Kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak, Kelas Ekonomi Rumah Tangga, Kelas Agama Islam, Kelas Latihan Kerja (Jahitan, Anyaman, Motor Mekanik). Untuk memastikan aktiviti-aktiviti ini berjaya, mereka dikehendaki memberi penerangan di kawasan kampung-kampung dan mengatasi masalah-masalah yang timbul dalam bidang tugas mereka. Jika mereka tidak melakukan lawatan-lawatan itu, tindakan tatatertib akan diambil ke atas penyelia-penyelia yang berkenaan.

#### SYARAT MENDAPAT KERJA

**21. Tuan Maidom bin Pansai** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada benar bahawa Agama Islam adalah salah satu daripada Syarat atau Kriteria untuk mendapatkan kerja sebagai guru. Kalau tidak benar, mengapakah para pemohon jawatan tersebut perlu ditanya ketika dalam temuduga terhadap calon-calon bagi jawatan tersebut, dan jika benar, bolehkah Kerajaan bertolak ansur agar tidak menguatkuasakan syarat seperti itu demi untuk kepentingan dan perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang bangsa dan agama di negara ini.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Agama Islam tidak menjadi satu syarat untuk mendapatkan kerja

sebagai guru. Kemungkinan penemuduga menyentuh tajuk Agama Islam adalah bagi konsep penerapan nilai-nilai Islam yang dianjurkan oleh Kerajaan. Pertanyaan mengenai agama adalah semata-mata sebagai pengetahuan am.

#### PEGAWAI KERAJAAN GIAT DALAM POLITIK

**22. Tuan Gooi Hock Seng** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) semasa lima bulan yang lalu, berapakah bilangan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang berpangkat tinggi yang telah disiasat bagi tuduhan melibatkan diri dalam politik;
- (b) berapakah bilangan mereka-mereka yang di bawah siasatan telah dirujuk kepada Lembaga Tatatertib;
- (c) sama ada sebarang tindakan telah diambil terhadap Timbalan Pengerah, Jabatan Imigresen Negeri Kelantan, Haji Abu Bakar Zainal yang bertanding bagi kerusi Pengerusi UMNO Bahagian Rantau Panjang dan tewas.

**Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor:**

- (a) Dalam tempoh lima bulan yang lalu seramai 272 orang Pegawai Kumpulan "A" telah disiasat kerana mengambil bahagian dalam politik. Proses penyiasatan ini masih sedang berjalan pada masa ini. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, proses siasatan bukanlah satu perkara yang mudah dan ia mengambil masa.
- (b) Pada masa ini seorang pegawai Kumpulan "A" sedang diambil tindakan tatatertib kerana mengambil bahagian dalam politik.

(c) Berkenaan dengan Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Zainal iaitu Timbalan Pengarah, Jabatan Imigresen Negeri Kelantan (Pegawai Tadbir Am, Tingkatan Kanan), Ibu Pejabat Imigresen sedang dalam penyiasatan di peringkat akhir sebelum diambil tindakan tatatertib.

### PASARAN HASIL TANI

**23. Tuan Madatang bin Morejal** minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah Kementerian tersebut untuk menentukan pasaran bagi hasil-hasil tani para petani kecil di luar bandar.

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:** Di antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian ini di dalam menentukan pasaran hasil-hasil tani petani-petani kecil di luar bandar adalah melalui menggalakkan penyertaan mereka di dalam pemasaran hasil pengeluaran sendiri dan menyediakan infrastruktur pemasaran di kawasan-kawasan pengeluaran di luar bandar serta memperkenalkan hasil-hasil pertanian di dalam dan di luar negeri.

Melalui program menggalakkan penyertaan petani di dalam pemasaran secara terus, Kementerian Pertanian melalui FAMA telah mewujudkan pasar-pasar tani di seluruh negara. Dalam tempoh daripada bulan Januari, 1985 sehingga bulan Mei, 1987 sebanyak 44 buah pasar tani telah ditubuhkan dengan penyertaan seramai 1,674 orang petani dan telah berjaya menghasilkan jumlah jualan yang bernilai \$22 juta.

Selain daripada pasar tani, Kementerian melalui FAMA telah mewujudkan infrastruktur pemasaran hasil-hasil pertanian bagi tujuan penyimpanan dan pemprosesan hasil-hasil pertanian seperti bilik sejuk, pusat memproses kelapa kering, pusat memproses koko, kopi dan kelapa,

pusat pemasaran hasil pertanian, pusat pengumpulan ladang dan sebagainya.

Usaha-usaha memperkenalkan hasil-hasil pertanian di dalam dan di luar negeri adalah bertujuan untuk memperluaskan lagi saiz pasaran hasil-hasil pertanian. Di peringkat dalam negeri, beberapa kempen galakan pengguna telah dan akan dilaksanakan bagi beberapa jenis hasil pertanian yang bertujuan untuk meningkatkan tahap penggunaan hasil-hasil pertanian berkenaan di kalangan rakyat di negeri ini. Kempen galakan penggunaan hasil pertanian yang telah dilancarkan adalah seperti kempen galak minum air kelapa muda, kempen ikan air tawar, kempen susu segar dan kempen buah-buahan tempatan. Kempen selanjutnya yang akan dijalankan adalah seperti kempen makanlah ulam-ulaman, kempen penggunaan cendawan dan kempen pisang emas.

Usaha-usaha memperkenalkan hasil-hasil pertanian di luar negeri juga telah dan akan diadakan dengan tujuan menggalakkan eksport hasil pertanian ke destinasi pasaran tersebut. Ini adalah seperti pasaran di negara Jepun, Hong Kong, Asia Barat, Eropah, Kanada, Amerika Syarikat dan lain-lain negara yang berpotensi untuk hasil-hasil pertanian seperti koko, buah-buahan tempatan, hasil-hasil ternakan dan sebagainya.

Dengan adanya program-program ini, petani-petani telah dapat dibantu untuk memasarkan hasil pengeluaran mereka.

### PENCEN KAKITANGAN KERAJAAN—MENARIK BALIK

**24. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada keputusan Kerajaan pada April 22 lalu untuk menarik balik cadangan Belanjawan 1987 untuk menarik balik pencen bagi semua kakitangan Kerajaan yang berkhidmat kurang



dari 10 tahun dibuat semata-mata atas sebab-sebab politik untuk memastikan kemenangan Perdana Menteri dalam pemilihan jawatan Presiden Parti UMNO dua hari kemudian di mana beliau telah memenangi dengan majoriti kecil sebanyak 43 undi, atau sama ada ia dibuat apabila Kerajaan menyedari bahawa cadangannya itu adalah salah dari undang-undang, tidak berperlembagaan, kurang bijak dan satu cadangan buruk belanjawan.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Pengumuman untuk menarik balik cadangan itu adalah disebabkan oleh rayuan dari pelbagai pihak dan bukannya atas timbangan politik. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan adalah peka terhadap pandangan dari setiap golongan rakyat di negara ini. Seterusnya juga, mengikut Peguam Negara cadangan Belanjawan 1987 untuk menarik balik pencen bagi semua kakitangan Kerajaan yang berkhidmat kurang dari 10 tahun adalah tidak salah di sisi Perlembagaan.

#### LATIHAN PERALIHAN STAFF NURSE

**25. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Penolong-penolong Jururawat yang terlatih di Sabah yang mengadakan latihan "Staff Nurse" di Kuala Lumpur berhak mendapat elaun tempatan dan jika tidak, kenapa.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Penolong-penolong Jururawat terlatih dari Sabah yang mengikuti latihan peralihan "Staff Nurse" di Kuala Lumpur tidak layak dibayar elaun penempatan khas. Latihan yang diikuti adalah latihan dalam perkhidmatan dan mereka diberi gaji penuh. Pegawai-pegawai ini adalah ditempatkan di asrama semasa latihan dan mereka hanya dikehendaki membayar satu amaun yang

"nominal" sahaja untuk ini. Selepas latihan kelak, pegawai ini akan balik semula bertugas di Sabah.

#### MAHKAMAH TUNTUTAN KECIL

**26. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kehakiman menyatakan apakah kedudukan sebenar tentang penubuhan Mahkamah Tuntutan Kecil di seluruh negara, apakah kesulitan-kesulitan yang timbul dan bagaimana ianya diatasi.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):** Semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera pada 30-6-1987 di atas perkara yang sama, saya telah menjelaskan dengan panjang lebar mengenai perkara ini.

Saya yakin tidak ada apa-apa kesulitan yang tidak boleh diatasi akan timbul dari pelaksanaan Mahkamah Majistret Kelas II ini.

#### ORANG YANG DILAPORKAN HILANG

**27. Dr V. David** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah bilangan orang-orang yang dilaporkan hilang bagi tempoh Januari 1981 hingga Mei, 1987, mengikut secara tahunan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menyiasat perkara ini, dan adakah pasukan polis menjadi hanya pemerhati sahaja; pihak Kerajaan hendaklah mempunyai jawapan yang tepat dan terang di atas soalan-soalan ini untuk memulihkan kepercayaan rakyat kepada pasukan polis.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perangkaan orang yang dilaporkan hilang bagi tempoh Januari 1981 hingga Mei, 1987 adalah seperti berikut:

1981 .. .. .	1,116
1982 .. .. .	1,148

1983 .. .. .	1,024
1984 .. .. .	1,154
1985 .. .. .	1,243
1986 .. .. .	1,473
1987 (hingga Mei) ..	704

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah sukar bagi pihak polis untuk menentukan supaya seseorang itu tidak menghilangkan diri dari keluarga masing-masing kerana persoalan ini lebih merupakan masalah keluarga. Bagaimanapun sebaik sahaja laporan mengenai orang-orang hilang diterima, tindakan-tindakan berikut akan diambil:

- (i) memaklumkan kepada semua Ketua-ketua Polis Daerah di seluruh Malaysia dengan memberikan gambaran yang jelas terhadap orang yang dilaporkan hilang/keluar rumah dan tidak pulang;
- (ii) memaklumkan kepada pihak Bukit Aman bagi mengeluarkan gambar (jika ada) di dalam Warta Polis untuk disebarkan kepada semua Ketua Polis Daerah;
- (iii) mengadakan lawatan ke rumah aduan bagi meninjau dan mengenalpasti sebab musabab seseorang itu hilang/keluar rumah;
- (iv) menjalankan semakan semula terhadap kes-kes seumpama ini setiap enam (6) bulan sekali; dan
- (v) sebaik sahaja orang hilang/keluar rumah telah kembali ke pangkuan keluarga/di jumpai pihak polis akan menemuramah mangsa sekali lagi untuk memastikan apa-apa yang telah berlaku semasa kehilangan/keluar rumah.

Sukalah saya menegaskan bahawa kerjasama orang ramai amatlah perlu

bagi membantu pihak polis mengesan orang-orang yang telah dilaporkan hilang.

#### NELAYAN PULAU PINANG- PERAK—PERBALAHAN

**28. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian ini bagi penghapusan segera terhadap perbalahan di antara nelayan-nelayan di Pulau Pinang dan Perak.

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:** Masalah pokok yang timbul serta yang mengakibatkan perbalahan di antara nelayan-nelayan di Pulau Pinang dan Perak ialah disebabkan masalah pencerobohan Bot-bot Pukat Apollo daripada Perak ke perairan Pulau Pinang.

Pukat Apollo ini adalah satu jenis Pukat yang telah diharamkan di bawah Akta Perikanan 1985 dan pencerobohan di Pulau Pinang berlaku di waktu malam, khususnya di sekitar Pulau Kendi dan Pulau Rimau.

Bot-bot Apollo yang datangnya daripada Tanjung Piandang dan Kuala Kurau tersebut, bukan sahaja menggunakan alat tangkapan yang telah diharamkan tetapi juga menceroboh masuk ke kawasan menangkap ikan nelayan-nelayan tradisional Pulau Pinang serta merosakkan alat tangkapan mereka. Dalam jangka panjangnya pula, kegiatan Bot-bot Apollo ini juga merosakkan sumber Perikanan yang ada.

Tindakan positif terhadap Bot-bot Apollo telah pun dan akan terus diambil oleh pihak Jabatan di mana selain daripada rondaan biasa, pihak Jabatan telah juga melancarkan beberapa gerakan kuasa termasuk Operasi Bersama dengan Polis Merin dengan bantuan Udara dari Unit Udara Polis. Operasi-operasi tersebut

ditugas membuat tangkapan kepada bot-bot Pukat Kenka 2 bot yang tidak berlesen dan juga kepada bot-bot tersebut yang berlesen tetapi telah mengubahsuai enjin-enjin mereka yang lebih dari 60 kuasakuda. Pihak Jabatan juga sentiasa bekerja rapat dengan Polis Merin di dalam usaha-usaha membentaras Bot-bot Apollo ini. Berpandukan kepada fakta-fakta ini, pihak Jabatan berpendapat keadaan adalah terkawal.

Soal perbalahan di antara nelayan Perak dan Pulau Pinang tidak timbul kerana yang timbul ialah soal bantahan nelayan Pulau Pinang terhadap pencerobohan Bot-bot Apollo sahaja. Satu jawatankuasa Muhibbah telah ditubuhkan untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul dari masa ke semasa.

Pihak Jabatan juga suka menegaskan bahawa tindakan tegas terhadap Bot-bot Apollo ini akan terus diambil dan Jabatan juga tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang lebih keras termasuk menahan dan menangkap mereka-mereka ini di pengkalan-pengkalan sendiri.

### **BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH—MEMPERTINGKATKAN**

**29. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk memberhentikan kemerosotan taraf Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah dan jabatan-jabatan di negara ini.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan lagi taraf Bahasa Inggeris di kalangan murid-murid. Setakat ini berbagai langkah sedang diambil untuk mencapai matlamat ini. Di antara

langkah-langkah yang sedang diambil adalah seperti berikut:

1. Menambah bilangan guru-guru yang terlatih dalam pengajaran pembelajaran Bahasa Inggeris;
2. Menggalakkan lebih banyak sekolah terlibat dengan Rancangan Bacaan Tambahan Bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah;
3. Memberi kursus tambahan di dalam bidang perkaedahan pengajaran Bahasa Inggeris kepada guru-guru;
4. Mengeluarkan Jurnal Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa yang memuatkan antara lain pengkaedahan pengajaran Bahasa Inggeris mengikut satu-satu kemahiran tertentu;
5. Memberi bimbingan iktisas kepada guru-guru yang mengajar Bahasa Inggeris;
6. Menggalakkan lebih banyak sekolah menggunakan bahan bantu mengajar Bahasa Inggeris keluaran Kementerian Pendidikan;
7. Mengadakan pengajaran pemulihan kepada murid-murid yang lemah;
8. Mengeluarkan program-program, mendedahkan penggunaan bahan-bahan bantu mengajar serta menunjukkan kaedah pengajaran bahasa melalui alat-alat bantu mengajar seperti radio, kaset, televisyen dan video.

Tugas untuk memberhentikan kemerosotan taraf Bahasa Inggeris di jabatan-jabatan di negara ini bukanlah di dalam bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Ini adalah tugas jabatan-jabatan masing-masing memajukan bahasa tersebut di mana difikirkan Bahasa itu perlu bagi Jabatannya.

## ISU LIMBANG

**30. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan iaitu oleh kerana rakyat telah terkejut dan tersinggung dengan berita yang disebar oleh Majalah The Far East Economic Review yang melaporkan bahawa Perdana Menteri telah menjual Limbang kepada Brunei Darussalam. Akibat berita tersebut nama baik negara dan lebih-lebih lagi nama baik Perdana Menteri telah tercemar. Walaupun kita telah dimaklum bahawa The Review telah memohon maaf kepada Perdana Menteri tetapi berita tersebut telah meninggalkan kesan yang negatif kepada rakyat. Saya ingin tahu apakah tindakan Kementerian Dalam Negeri terhadap Majalah The Review itu. Dan juga mana-mana majalah/akhbar penerbitan luar negeri supaya perkara menghina negara tidak berulang lagi.

**Dato Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya telah menjawab soalan yang hampir sama dengan soalan ini pada 29hb Jun, 1987 dan saya tidak bercadang untuk mengemukakan apa-apa maklumat tambahan.

## PERKHIDMATAN BOMBA— KAJIAN KEBAKARAN

**31. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan iaitu memandangkan kebakaran makin meningkat di negara kita hari ini, telah banyak hartabenda musnah, jiwa raga terkorban akibat dari kebakaran maka adakah Kementerian ini membuat kajian supaya dapat memperluaskan dan memperbanyakkan lagi perkhidmatan bomba, sesuai dengan pembukaan bandar-bandar baru dan bertambahnya kawasan-kawasan perumahan di negara kita ini.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat):** Kementerian Perumahan dan

Kerajaan Tempatan menerusi Jabatan Perkhidmatan Bomba sentiasa membuat kajian untuk mengenalpasti kawasan-kawasan yang mempunyai risiko kebakaran tinggi termasuk membuat perancangan bagi mengadakan perlindungan bomba di bandar-bandar atau kawasan-kawasan industri yang baru dibuka.

Semasa menyediakan keperluan bagi Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengambil kira 41 buah kawasan dan pekan untuk didirikan balai bomba, tetapi disebabkan oleh faktor-faktor ekonomi negara, maka hanya \$4.45 million sahaja yang telah diluluskan untuk membina balai bomba di tiga buah kawasan industri yang besar seperti berikut:

<i>Projek</i>	<i>Peruntukan</i> \$
Balai Bomba Kertih, Terengganu	1,250,000.00
Balai Bomba Pasir Gudang, Johor	1,200,000.00
Balai Bomba Bintulu, Sarawak	2,000,000.00
Jumlah	4,450,000.00

## KES KESALAHAN CALON DI MAHKAMAH TINGGI

**32. Dr Nicholas Munong Ibau** minta Menteri Kehakiman menyatakan bilakah 10 kes kesalahan calon Barisan Nasional Negeri Sarawak di masa pilihanraya besar Negeri Sarawak yang telah didakwa oleh peguam-peguam Parti Permas dan PBDS ke mahkamah di Kuching dapat dibicarakan.

**Dato' Oo Gin Sun:** Kes-kes yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi Kuching hanya pada 23hb Mei, 1987 dan sebutan (mention) kes-kes ini telah ditetapkan pada 10-8-87.

### JUALAN TIKET LOTERI/SPORTS TOTO/EMPAT NOMBOR EKOR

**33. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah Kerajaan masih menggalakkan perjudian dengan membiarkan jualan tiket loteri dan melesenkan TOTO dan empat nombor ekor hingga sekarang bergiat di tepi jalan dan di sebahagian Plaza Tol.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Kerajaan tidak menggalakkan perjudian-perjudian dengan membiarkan jualan tiket loteri dan melesen Sports TOTO dan empat nombor ekor hingga sekarang bergiat di tepi jalan dan di sebahagian Plaza Tol. Kerajaan cuma membenarkan pembukaan beberapa agensi TOTO dan Empat Nombor Ekor di tempat-tempat tertentu di mana difikirkan perjudian haram berleluasa dan masyarakat di sekitar kawasan tersebut sangat berminat dalam permainan nasib seperti ini.

Satu daripada syarat-syarat pelesenan ejensi TOTO dan empat nombor ekor, segala penjualan tiket-tiket TOTO dan empat nombor ekor adalah hanya dibenarkan dijual di kedai/premise yang kekal sahaja. Pelesenan penubuhan ejensi-ejensi tersebut tidak membenarkan penjualan dibuat di tepi jalan atau di sebahagian Plaza Tol kerana ulasan/pandangan positif pihak polis daerah berkaitan dengan kawalan keselamatan premis ejensi dan lalu lintas perlu diperolehi terlebih dahulu oleh Kementerian Kewangan sebelum sesuatu ejensi TOTO atau Empat Nombor Ekor dibenar memulakan perniagaannya.

Namun demikian, berhubung dengan kegiatan jualan tiket loteri di tepi jalan dan di sebahagian Plaza Tol, saya akui bahawa memang terdapat sekali sekala jualan tiket loteri awam anjuran badan kebajikan atau

persatuan dibuat di merata tempat termasuk di tepi jalan atau Plaza Tol tetapi jualan tiket tersebut adalah terkawal dan biasanya diuruskan oleh orang perseorangan secara sukarela.

### UNIVERSITI SWASTA— PENUBUHAN

**34. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah cadangan oleh Kerajaan mempelawa sektor swasta memohon menubuhkan universiti-universiti dan institusi-institusi kajian tinggi untuk mengatasi masalah-masalah kekurangan tempat di institusi-institusi yang sekarang masih ada. Bukankah masalah-masalah mendapat peluang belajar di Universiti dan institusi tertinggi lebih genting sekarang memandangkan Kerajaan-kerajaan lain negara khususnya Australia di mana mereka berusaha memperbanyakkan peluang-peluang menaikkan semua yuran dan pembayaran pelajaran menyebabkan kebanyakan pelajar-pelajar kita pulang ke Malaysia dan atau berhentikan pendidikan mereka. Jika Kerajaan tidak akan benarkan pertubuhan Universiti swasta, apakah langkah-langkah Kerajaan akan ambil sebagai pertolongan.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini pihak Kementerian tidak membenarkan penubuhan universiti swasta di negara ini. Untuk menampung lebih ramai pelajar, Kerajaan berusaha memperbanyakkan peluang-peluang pelajaran tinggi di negara ini melalui perkembangan universiti, penubuhan kampus-kampus cawangan dan perluasan program pengajian dan mengada program Universiti berkembar.

### PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN

**35. Tuan Chian Heng Kai** minta Perdana Menteri menyatakan

bagaimanakah Garisan Kemiskinan bagi Malaysia ditetapkan dan:

- (a) sama ada Kriteria Kemiskinan diubah mengikut naik-turun taraf hidupan rakyat dalam negara;
- (b) berapakah pendapatan sebuah keluarga dikira sebagai Garisan Kemiskinan pada tahun 1987.

**Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:**

Pendapatan garis kemiskinan bagi negara ini ditakrifkan sebagai sejumlah pendapatan yang mencukupi untuk membeli keperluan makanan yang minimum bagi mengekalkan sesebuah isirumah dalam keadaan yang sihat dari segi pemakanan dan keperluan-keperluan bukan makanan lain seperti pakaian dan alas kaki, sewa tempat kediaman, bahanapi dan tenaga, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan, pelajaran dan rekreasi. Bagi makanan, perbelanjaan minimum adalah berasaskan jumlah kalori yang diperlukan sebagaimana yang dicadangkan oleh Institut Penyelidikan Perubatan. Sementara keperluan minimum untuk pakaian dan alas kaki disediakan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat. Perkara-perkara lain seperti sewa tempat kediaman, bahanapi dan tenaga, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan, pelajaran dan rekreasi adalah berasaskan tingkat perbelanjaan golongan berpendapatan rendah seperti yang dilaporkan dalam Penyiasatan Perbelanjaan Isirumah.

Bagi menggambarkan perubahan paras harga dan kos hidup rakyat, pendapatan garis kemiskinan diubahsuai setiap tahun dengan mengambil kira perubahan Indeks Harga Pengguna.

**TAHANAN DI BAWAH KANUN  
ACARA JENAYAH**

**36. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah orang telah ditahan oleh pihak polis di bawah seksyen 117, Criminal Procedure Code dan bilangan yang kemudiannya:
  - (i) didakwa di mahkamah;
  - (ii) dihantar ke Pulau Jerejak; dan
  - (iii) dihadkan tempat kediamannya

dan sebutkan sama ada Kerajaan sedar bahawa seksyen 117 itu telah disalahgunakan oleh pihak polis, contohnya seramai 6 orang penduduk Bukit Merak telah ditahan oleh pihak Polis Daerah Ipoh, kerana mereka terbabit dalam tunjuk perasaan terhadap pihak Kilang ARE, Jalan Lahat baru-baru ini, walaupun pihak polis mendakwa bahawa mereka itu ditangkap kerana terlibat dalam kegiatan-kegiatan kongsi gelap tetapi selepas satu minggu ditahan, mereka itu dibebaskan; dan

- (b) adakah seksyen 117 itu adalah selaras dengan hak kebebasan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1986 hingga Mei, 1987 bilangan tahanan di bawah seksyen 117 Kanun Acara Jenayah yang berkesudahan dituduh di mahkamah, dihantar ke Pulau Jerejak dan dihadkan kediamannya adalah seperti berikut:

- (i) dituduh di mahkamah—  
10,722

- (ii) dihantar ke Pulau Jerejak—331
- (iii) dihadkan tempat kediaman—104

Dakwaan Ahli Yang Berhormat menyatakan pihak polis telah menyalahgunakan kuasa dibawah seksyen 117 Kanun Jenayah dengan menahan enam orang penduduk Bukit Merak, Ipoh baru-baru ini adalah tidak benar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keenam orang tersebut telah ditahan kerana disyaki terlibat dengan kegiatan kongsi gelap. Bagaimanapun mereka telah dibebaskan setelah siasatan menunjukkan tidak terdapat bukti-bukti yang kuat mereka terlibat dalam kegiatan jenayah.

(b) Ya.

#### KILANG MEMBUAT KONDOM

37. Tuan Hu Sepang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan terdapat tambahan dalam permintaan bagi kondom secara tiba-tiba akibat ancaman AIDS, apakah Kementeriannya bercadang menggalakkan sektor swasta menubuhkan lagi lebih banyak kilang untuk membuat kondom bagi tujuan eksport sebagai membantu meningkatkan perusahaan getah sebagai satu langkah untuk memulihkan ekonomi negara.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat, Kementerian sememangnya menyedari tentang permintaan yang bertambah terhadap kondom di luar negeri dan oleh itu menggalakkan sektor swasta menubuhkan lebih banyak kilang untuk memenuhi permintaan yang meningkat itu. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat

sebelum ini pun Kerajaan telah menggalakkan pertumbuhan yang pesat bagi sektor pembuatan berasaskan getah asli termasuk pembuatan kondom dan kini telah terdapat 2 buah pengeluar terbesar kondom tempatan sedang beroperasi untuk pasaran eksport. Pelan Induk Perindustrian juga telah mengutarakan syor-syor yang memberi tumpuan yang lebih di dalam sektor ini iaitu bagi "latex dipped products" seperti kondom, sarong tangan getah, "catheters" dan sebagainya. Pelan Induk Perindustrian juga telah menggalakkan penubuhan "moulded and extruded rubber products" seperti tayar, tiub hos dan pelbagai komponen automotif dan industri. Penggalakan keluaran-keluaran berasaskan getah adalah antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memulihkan ekonomi.

#### ANCAMAN PENGGANAS KOMUNIS

38. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah ancaman komunis di Negeri Perak masih serius dan menerangkan keadaan keselamatan yang sebenarnya di Negeri Perak. Adakah Kerajaan bersedia untuk melonggarkan perintah berkurung di kawasan Sg. Siput (U) demi memudahkan para pekebun kecil menjalankan kegiatan mereka.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Yang Berhormat, kawasan utara Perak khususnya Daerah Kuala Kangsar dan Sungai Siput Utara masih lagi menghadapi ancaman dari pengganas komunis.

Bagi membolehkan Pasukan Keselamatan menjalankan operasi dengan lebih berkesan dan sebagai satu langkah pencegahan, adalah perlu perintah berkurung diteruskan di kawasan tersebut. Sungguhpun perintah berkurung dikuatkuasakan di

kawasan tersebut, Kerajaan sentiasa menjaga kepentingan penduduk tempatan dengan mengeluarkan pas berkurung kepada mereka yang memerlukannya.

### WABAK TAUN DAN DENGGI

**39. Dr Ting Chew Peh** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah khas yang diambil untuk mencegah penyakit-penyakit di kawasan luar bandar seperti wabak taun dan denggi.

**Dato' K. Pathmanaban:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyakit taun berlaku oleh sebab pencemaran air dan makanan dengan kuman taun. Bagi penyakit denggi pula, ianya berlaku oleh sebab adanya nyamuk *Aedes* yang membiak di bekas-bekas air di dalam dan di luar rumah. Penyakit denggi tidak selama ini merebak di kawasan-kawasan luar bandar kita.

Langkah-langkah bagi mencegah dan merawat penyakit-penyakit ini telah dijelaskan beberapa kali di Dewan ini dalam sesi ini juga. Tidak ada apa yang saya perlu tambah kepadanya.

### PENSWASTAAN ANAK SYARIKAT PKEN

**40. Tuan Chew Kám Hoy** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan garis panduan yang digunakan untuk menswastakan anak-anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Penswastaaan Syarikat-syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) hendaklah selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam "Asas dan Panduan Hakmilik Saham Syarikat Milikan Kerajaan Kepada Bumiputera" yang telah dikeluarkan oleh Jabatan

Perdana Menteri pada 3 Februari 1981. Syarikat-syarikat PKEN yang dapat mencapai prestasi yang memuaskan dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan akan dipindahkan kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) bagi diagihkan seterusnya kepada peserta Skim Amanah Saham Nasional. Bagi syarikat-syarikat PKEN yang mengalami kerugian dan yang hendak diswastakan, maka ianya akan ditawarkan kepada mana-mana pihak terutamanya Bumiputera yang berkeupayaan dan sanggup memberi tawaran yang terbaik setelah ianya mendapat kelulusan Jawatankuasa Penyelarasan Pelaburan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

### MEMPERKENALKAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI

**41. Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kementeriannya sedar, beberapa negara-negara asing tidak dapat tahu pencapaian Negara kita dari segi pembangunannya sejak kemerdekaan, dan sebab apakah Kementeriannya tidak memainkan peranan yang lebih agresif di forum-forum antarabangsa untuk menaikkan imej Negara kita di seluruh dunia. Adalah beliau sedar tindakan ini secara langsungnya akan membawa lebih "tourist", ke Negara kita dan juga menghalakan perniagaan dan ekonomi kepada negara kita.

**Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Sebenarnya banyak usaha telah dijalankan oleh Kementerian Luar Negeri serta agensi-agensi lain seperti MIDA dan TDC untuk memperkenalkan Malaysia di luar negeri. Usaha-usaha ini dibuat bukan saja di negara-negara tertentu tetapi juga di forum-forum antarabangsa di mana setiap kesempatan digunakan untuk



memperjuangkan kepentingan Malaysia, menerangkan kemajuan yang telah dicapai dan peluang yang ada dalam bidang pelaburan dan pelancongan.

Usaha-usaha ini telah mencapai kejayaan yang baik dan menggalakkan sungguhpun masih ada beberapa negara di mana pengetahuan mengenai Malaysia masih berkurangan. Oleh itu Malaysia Luar akan terus berusaha untuk memperkenalkan Malaysia di negara-negara berkenaan melalui kegiatan-kegiatan penerangan dan sebagainya.

Di samping itu ingin saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa usaha untuk memperkenalkan Malaysia di luar negeri bukanlah tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Pihak swasta seperti pengusaha-pengusaha pelancongan juga harus memainkan peranan ini.

#### BAYARAN ZAKAT— PENYELARASAN

**42. Tuan Abdul Rahman bin Bakar** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang menyelaras dan melaksanakan bayaran zakat secara lebih teratur dan tersusun bagi seluruh negeri di Malaysia. Sehubungan dengan itu, adakah Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah Tabung Zakat Negara bagi memastikan pengutipan dan pembahagian hasil zakat berjalan dengan lebih sempurna dan berkesan.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Usaha telah pun dijalankan untuk memperkemas dan menyelaras pentadbiran zakat di negara ini. Hasilnya draf Akta Zakat telah pun siap digubal untuk dilaksanakan di Wilayah Persekutuan. Akta itu juga akan diubahsuai dan diterima pakai oleh pihak-pihak berkuasa Kerajaan negeri.

Kerajaan tidak bercadang untuk menubuh Tabung Zakat Negara.

Pentadbiran Zakat adalah termasuk di bawah bidang kuasa Kerajaan negeri.

#### PERLINDUNGAN NELAYAN LUAR PANTAI

**43. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pertanian menyatakan bentuk perlindungan yang disediakan oleh pihak Kerajaan sama ada dari Angkatan Tentera Laut atau National Maritime Command Centre kepada nelayan-nelayan luar pantai kita. apakah sikap badan-badan ini terhadap tugas melindungi nelayan-nelayan negara kita. Apakah arahan-arahan mereka mengenai perlindungan nelayan-nelayan negara kita yang mempunyai dan yang tidak mempunyai lesen. Selain daripada melindungi keselamatan nelayan-nelayan kita, apakah tugas-tugas National Maritime Command Centre yang lain. Secara perbandingan dengan kekerapan berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diingini di antara masa sebelum dan selepas penubuhan pusat ini, apakah kemajuan-kemajuan yang tercapai dari segi keselamatan nelayan dan pencerobohan oleh nelayan-nelayan asing.

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:** Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritime (PPPM) atau National Maritime Command Centre bertanggungjawab untuk menyelaraskan semua aktiviti penguatkuasaan di perairan ZEE dan MTW. Empat buah agensi terlibat ialah Tentera Laut Di Raja Malaysia (TLDM), Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Tentera Udara Di Raja Malaysia (TUDM) dan Jabatan Perikanan. Bentuk perlindungan yang diberi di antaranya ialah menjalankan rondaan biasa dan operasi khas untuk menghalang dan menangkap pencerobohan bot-bot dari negara asing. Pusat tersebut memberi keutamaan dalam melindungi nelayan-nelayan negara kita berasaskan

kepada program-program yang dirancang dan diatur.

Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritime menjalankan penyelarasan penguatkuasaan berasaskan kepada Akta Pindaan 1985 dan Akta ZEE 1984. Perlindungan diberi kepada nelayan-nelayan yang berlesen. Bagi mereka yang tidak mempunyai lesen, mereka tidak diberi perlindungan dan akan dikira bersalah mengikut Akta tersebut. Tugas-tugas lain Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritime adalah termasuk menyelaras keperluan kapal-kapal dan pesawat udara Kerajaan dalam usaha mencari dan menyelamatkan di perairan Malaysia. Kemajuan-kemajuan yang dicapai selepas tertubuhnya pusat tersebut ialah bilangan nelayan asing yang ditangkap telah meningkat.

#### MENGHARAMKAN PERJUDIAN

**44. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk menghapuskan semua jenis judi di masyarakat kita, memandangkan Nilai-nilai Islam dan Nilai-nilai Agama lain telah direndah-rendahkan kerana banyak lesen judi telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa seperti 3 ekor dan 4 ekor tiket, Sports TOTO, Loteri Kebajikan Masyarakat, lumba kuda, casino di Genting Highland dan terangkan berapa lesen telah dikeluarkan mengikut jenis dan alasan kelulusan baginya.

**Tuan Mohamed Farid dan Ariffin:** Kerajaan sememangnya "committed" untuk menghapuskan segala bentuk kemaksiatan termasuk perjudian setakat yang dapat dilaksanakan. Ini dilakukan melalui penerangan-penerangan kepada orang ramai dan juga melalui kegiatan dakwah yang dijalankan oleh Kerajaan dan Badan-badan dakwah. Kerajaan juga sedang mengkaji usul mengharamkan semua jenis perjudian di negara ini dari segala segi.

Walau bagaimanapun, perlulah dijelaskan juga tentang kesulitan berhubung dengan langkah pengharaman tersebut dan implikasinya. Kerajaan juga terpaksa meneliti kesannya terhadap badan-badan kebajikan dan sosial yang mendapat bantuan dari hasil kegiatan ini agar dapat disediakan ganti peruntukan dari punca-punca lain.

Berkenaan dengan bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat, pada masa kini Kerajaan telah membenarkan beberapa jenis perjudian yang sah dijalankan di dalam negara ini. Jenis-jenis perjudian sah yang dilesenkan seperti berikut:

- (i) Kasino di Genting Highland.
- (ii) Pertaruhan empat nombor ekor anjuran Magnum Corporation Berhad.
- (iii) Pertaruhan TOTO anjuran Sports Toto Malaysia Berhad.
- (iv) Pertaruhan lumba kuda dan tiga nombor ekor anjuran Lembaga Totalisator Malaysia.
- (v) Jualan tiket loteri Kebajikan Masyarakat anjuran Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan.
- (vi) Jualan tiket loteri awam anjuran badan-badan kebajikan, persatuan dan kelab sukan yang diberi permit loteri.
- (vii) Pengendalian mesin-mesin slot anjuran kelab-kelab sukan dan rekreasi.

Walaupun Kerajaan membenarkan beberapa jenis perjudian dijalankan, mengikut laporan akhbar kegiatan perjudian haram masih lagi berleluasa. Ketua Polis Negara baru-baru ini menganggarkan jumlah pertaruhan perjudian haram setahun ialah lebih kurang \$5 ribu juta. Orang ramai kerap tertipu dengan kegiatan

perjudian haram ini apabila penganjur-penganjur perjudian haram menghilangkan diri apabila terpaksa menghadapi bayaran kemenangan yang besar dan kerap juga orang ramai hanya dibayar sebahagian kecil saja dari hadiah yang dijanjikan. Kegiatan-kegiatan loteri haram telah menyebabkan Kerajaan kehilangan hasil.

#### TEMPAT PEMBUANGAN SISA TOXIC

**45. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan tempat-tempat yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi pembuangan sisa-sisa toxic dan bilakah tawaran tersebut dibuat.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tiada tapak untuk pembuangan sisa-sisa toksik ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan pada 20 Mei 1985 satu Jawatankuasa Khas untuk mengenalpasti tapak yang sesuai untuk pelupusan buangan sisa-sisa toksik. Beberapa tapak telah dikenalpasti dan kajian kesesuaian sedang dijalankan. Apabila selesai kajian tersebut, tapak yang sesuai itu akan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk keputusannya.

#### PERMOHONAN KEWARGA-NEGARAAN

**46. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pemohon kewarganegaraan yang berjaya sehingga 31-5-1987;
- (b) jumlah permohonan yang tidak berjaya mendapat taraf kewarganegaraan sehingga 31-5-1987;

(c) mengapakah sesuatu permohonan mengambil masa begitu lama untuk diluluskan walaupun permohonannya telah lulus ujian Bahasa Malaysia; dan

(d) sama ada Kementerian akan mengeluarkan satu buku panduan untuk membantu pemohon kewarganegaraan dalam ujian mereka.

#### **Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

Dari 1-9-57 hingga 31-5-87, sebanyak 2,268,054 permohonan kewarganegaraan telah diluluskan oleh Kerajaan manakala 114,301 permohonan sahaja telah ditolak.

Adalah tidak dinafikan bahawa mungkin terdapat kelewatan dalam memproses beberapa permohonan kewarganegaraan. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri sentiasa berusaha untuk memproseskan setiap permohonan kewarganegaraan dalam tempoh yang paling cepat. Pada masa ini, Kementerian sedang memproseskan permohonan yang diterima dalam tahun 1984, 1985, 1986 dan 1987.

Dalam tahun 1972, Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan satu buku panduan ujian Bahasa Malaysia untuk membantu mereka yang disyaratkan mempunyai pengetahuan Bahasa Malaysia seperti yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

#### PERANGKAAAN PENGANGGURAN

**47. Tuan Haji Abdullah bin Arshad** minta Menteri Buruh menyatakan berapakah jumlah kadar pengangguran dalam Negeri Kelantan, Kedah dan Trengganu sehingga kini. Berapa ramaiakah pencari kerja yang mendaftarkan diri di Jabatan Buruh Negara, berapa lelaki, berapa perempuan dan sebutkan juga kategori kelulusan pelajaran mereka yang memohon itu.

**Menteri Buruh (Dato' Lee Kim Sai):** Kerajaan tidak mempunyai perangkaan berkaitan dengan kadar pengangguran bagi tiap-tiap negeri. Walau bagaimanapun kadar pengangguran Negara kita mengikut Laporan Tahunan Bank Negara 1986 ialah 7.6% dalam tahun 1985 dan 8.5% pada tahun 1986. Sehingga bulan

April 1987 bilangan pencari kerja yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat di Negeri Kelantan, Kedah dan Terengganu masing-masing berjumlah 12,705; 11,415; dan 3,904 orang. Kedudukannya mengikut jantina dan kelulusan pelajaran adalah seperti berikut:

#### BILANGAN PENGANGGUR/PENCARI KERJA BERDAFTAR

	<i>Jantina</i>	<i>Kelantan</i>	<i>Kedah</i>	<i>Terengganu</i>
(1) a. Lelaki .. ..		6,109	7,626	2,882
b. Perempuan .. ..		6,596	3,849	1,022
		<hr/>	<hr/>	<hr/>
		12,705	11,475	3,904

#### KELULUSAN

(2) a. Kurang dari SRP	1,271	4,010	1,247
b. SRP .. .. .	1,636	1,999	704
c. SPM .. .. .	9,205	5,324	1,927
d. STP ke atas ..	593	142	26

#### TUDM—MENINGKATKAN KEUPAYAAN

**48. Tuan P. Patto** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk "update" kapal terbang-kapal terbang pejuang Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) supaya ia setanding dengan kapal terbang-kapal terbang pejuang negara-negara jiran memandangkan kita masih bergantung kepada jenis kapal terbang Northrop F 5 manakala Negeri Thai dan Singapura sedang menggunakan kapal terbang pejuang yang lebih "sophisticated" seperti F 16 dan apakah dasar pertahanan negara Malaysia.

**Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithaudden Al-haj):** Kementerian Pertahanan memang mempunyai rancangan jangka panjang untuk meningkatkan keupayaan

TUDM sebagai sebuah angkatan udara yang dinamik dan digeruni untuk masa-masa akan datang. Rancangan peningkatan ini bukanlah bermakna kita perlu berlumba dengan negara-negara jiran untuk membanding kekuatan dari segi penggunaan pesawat-pesawat dan alat pertahanan udara yang lain.

Dalam kita merancang sistem pertahanan negara, faktor seperti tahap ancaman yang diramal adalah diambil kira. Saya suka nyatakan di sini pesawat-pesawat dan peralatan yang TUDM miliki sekarang ini mampu untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang boleh mengancam keselamatan Negara.

Memandangkan kedudukan ekonomi negeri yang masih belum pulih rancangan ini terpaksa ditangguhkan dan tumpuan hanya

diberi untuk menambah kepada mutu profesionalisma di kalangan anggotanya di samping menggunakan apa-apa sahaja alat kelengkapan yang sedia ada dengan sepenuh-penuhnya untuk mempertahankan negara.

### PERKHIDMATAN PENYERAHAN POS

**49. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapa tiadanya perkhidmatan penyerahan pos dari "pintu ke pintu" di kebanyakan bandar-bandar di Sabah, bilakah perkhidmatan ini akan diperkenalkan di Sabah supaya memastikan orang ramai menikmati perkhidmatan pos sejajar dengan wang yang dibayar mereka terhadapnya.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Jabatan Perkhidmatan Pos adalah sentiasa mengambil perhatian untuk memperbaiki dan meninggikan mutu dan kecekapan Jabatan Pos dalam perkhidmatannya termasuk negeri Sabah. Langkah-langkah sedang diambil untuk memperbaiki penyerahan surat dari pintu ke pintu secara berperingkat-peringkat selaras dengan kemajuan yang tercapai dalam infrastruktur di negeri itu.

Mengenai perkhidmatan menghantar surat-surat dari rumah ke rumah di negeri Sabah, pada masa ini terdapat 40 buah pejabat-pejabat pos di seluruh Sabah yang mana semuanya mempunyai perkhidmatan surat-surat dari pintu ke pintu. Bagaimanapun ianya masih tertumpu di kawasan dalam lingkungan 5 kilometer di bandar-bandar besar sahaja dan tertakluk kepada surat-surat yang mempunyai alamat yang lengkap.

Masih banyak kawasan-kawasan yang belum dapat perkhidmatan ini oleh kerana masalah alamat yang tidak teratur, nombor-nombor rumah yang

tidak mengikut sistem dan nama-nama jalan juga tidak teratur.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha bagi memperluaskan perkhidmatan serahan dari rumah ke rumah sedang dijalankan secara berperingkat-peringkat. Jabatan Perkhidmatan Pos sedang mengadakan perbincangan dengan Majlis Perbandaran Kota Kinabalu untuk mengatasi masalah ini.

### PEKERJA LOMBONG BIJIH TIMAH SUNGAI LEMBING

**50. Tuan Lim Guan Eng** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membantu pekerja-pekerja di lombong bijih timah Sungai Lembing Pahang seperti KWSP, faedah pemberhentian kerja dan lain-lain dibayar serta mencari pekerja-pekerja lain.

**Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Kerajaan Persekutuan telah pun menyumbangkan bantuan kepada pekerja-pekerja lombong bijih timah Sungai Lembing, Kuantan dalam bentuk kewangan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu bayaran berkhidmat khas dan bayaran kebajikan bagi meringankan beban pekerja-pekerja tersebut. Kerajaan juga telah berikhtiar agar operasi lombong tersebut dapat diteruskan oleh mana-mana syarikat bagi menjamin masa hadapan pekerja-pekerja berkenaan. Selain daripada itu Kementerian Buruh telah juga diarahkan supaya menguruskan tindakan-tindakan yang perlu bagi menentukan pekerja-pekerja lombong Sungai Lembing mendapat hak-hak mereka dari segi undang-undang seperti bayaran tunggakan gaji, bayaran KWSP, bayaran SOCSO, faedah pemberhentian kerja dan lain-lain sekiranya mereka diberhentikan oleh syarikat berkenaan. Buat masa ini Kerajaan telah pun mengadakan rancangan luar jangka (contingency

plan) bagi mengatasi masalah sekiranya lombong tersebut ditutup dengan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) menyerahkan sebahagian daripada pekerja-pekerja berkenaan yang layak sebagai peneroka di rancangan FELDA yang berdekatan;
- (ii) memberi tanah untuk aktiviti-aktiviti pertanian bersepadu; dan
- (iii) mengadakan aktiviti ekonomi yang boleh mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk Sungai Lembing.

#### KAKITANGAN MSE YANG DIBERHENTIKAN

**51. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) berapa ramai pegawai dan kakitangan Syarikat Kejuruteraan Perkapalan Malaysia (MSE) yang diberhentikan baru-baru ini dan berapa banyak pampasan yang terpaksa dibayar;
- (b) adakah benar pemberhentian beramai-ramai ini disebabkan prestasi kerja MSE rendah jika dibandingkan dengan syarikat perkapalan negara-negara asing. Faktor prestasi juga menjadikan syarikat dalam negeri dan juga luar negeri termasuk Kerajaan Malaysia sendiri tidak memberi kepercayaan kepadanya dan seterusnya enggan menawarkan kerja-kerja yang sepatutnya boleh dilaksanakan oleh MSE; dan
- (c) apakah rancangan MSE untuk meningkatkan prestasi-prestasinya kepada masa-masa akan datang.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:**

- (a) Seramai 342 orang kakitangan MSE telah diberhentikan kerja baru-baru ini. Ini terdiri dari 38 orang eksekutif dan 304 orang bukan eksekutif. Jumlah pampasan yang dibayar ialah sebanyak \$3.2 juta.
- (b) Tidak benar.
- (c) Beberapa tindakan sedang diambil untuk meningkatkan prestasi MSE pada masa-masa akan datang.
  - (i) MSE akan memperkukuhkan dan mempertingkatkan jualan dan pemasaran melalui pusat jualan atau pemasaran tempatan dan juga di peringkat luar negeri.
  - (ii) MSE akan memperluaskan lagi sumber-sumber untuk mendapatkan alat-alat atau bahan-bahan operasi supaya dapat memperolehinya dengan harga yang paling baik. Selain dari itu MSE berusaha untuk menggunakan alat-alat ganti dengan cara yang paling optima.
  - (iii) MSE berusaha untuk mengurangkan kos operasi dengan bantuan sebuah firma konsultan.
  - (iv) Tindakan-tindakan sedang dilaksanakan untuk menyusun semula modal MSE untuk memperkukuhkan kedudukan modalnya.

#### MAS—TAMBANG MURAH KEPADA PELAJAR

**52. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri

Pengangkutan menyatakan tidakkah MAS bercadang mengadakan satu skim tambang murah kepada para pelajar Malaysia, terutamanya tajaan JPA dan Institusi Kerajaan untuk pulang bercuti sama ada untuk setahun sekali atau dua tahun sekali ataupun memberi kesempatan kepada kedua ibubapa pelajar berkenaan bagi mendapat kemudahan yang sama, supaya dapat melihat perkembangan dan kemajuan anak-anak mereka dari dekat.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Kementerian saya bersama dengan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) sememangnya menitikberatkan keperluan kemudahan-kemudahan penumpang dan dalam hal ini telah juga memberi perhatian kepada keperluan penumpang kita yang belajar di luar negeri. Ke arah matlamat ini, pihak MAS telah pun mewujudkan berbagai tambang-tambang murah khas untuk kegunaan penumpang-penuntut iaitu pada masa ini tambang penumpang diperolehi pada jalan di antara Amerika Syarikat dan Malaysia dan di antara United Kingdom dan Malaysia. Tambang-tambang murah ini bolehlah digunakan oleh penumpang-penuntut kita apabila mereka membuat perjalanan pada sektor-sektor tersebut.

Kementerian dan MAS juga sedang mengambil langkah untuk mewujudkan tambang-tambang penumpang ini pada sektor-sektor antarabangsa yang lain khususnya di mana terdapat ramai penumpang-penuntut Malaysia. Bagaimanapun perlu saya maklumkan bahawa tambang-tambang khas seperti tambang penumpang ini dikehendaki dirunding dan mendapat kelulusan daripada pihak negara yang berkenaan sebelum ianya boleh dilaksanakan.

Bagi perjalanan untuk ibubapa pula, pihak MAS juga menyediakan pelbagai tambang-tambang ber-

diskaun seperti tambang "Apex" dan tambang "excursion" pada perjalanan sektor-sektor ke luar negeri. Oleh yang demikian, pihak ibubapa boleh menggunakan tambang-tambang berdiskaun tersebut.

## PENDAFTARAN KANAK-KANAK DI LUAR BANDAR

**53. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa majoriti daripada kanak-kanak di luar bandar telah dilahirkan di rumah mereka masing-masing oleh kerana kekurangan Klinik-klinik luar bandar dan perhubungan yang buruk;
- (b) jika begitu, adakah ia sedar bahawa perintah sepertimana dibuat dari 1hb April, 1987 Kad Pengenalan Biru hanya dikeluarkan dengan surat beranak, akan mengakibatkan sebilangan besar penduduk luar bandar di mana terdapat kekurangan Klinik, perhubungan yang buruk dan ketiadaan pendidikan gagal untuk mendaftar kelahiran anak-anak mereka; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya sedar bahawa sebahagian daripada ibu-ibu di kawasan luar bandar tidak dapat melahirkan anak-anak mereka di Klinik-klinik dan keadaan inilah yang menyebabkan Jabatan Pendaftaran Negara melantik pendaftar-pendaftar kelahiran yang terdiri daripada Penghulu, Ketua Kampung dan pemimpin-pemimpin masyarakat di luar bandar untuk mendaftarkan kelahiran yang dilaporkan.

Mengikut peruntukan undang-undang sekarang, kelahiran yang berlaku di Malaysia boleh didaftarkan bila-bila masa di Jabatan Pendaftaran Negeri di mana-mana daerah-daerah di Sabah atau negeri-negeri lain di Malaysia.

Dalam pada itu, Jabatan Pendaftaran Negara juga menghantarkan rombongan Pegawai Pendaftaran ke kawasan luar bandar untuk memberi khidmat pendaftaran, termasuk mendaftar kelahiran.

#### DASAR EKONOMI BARU— PENGIRAAN

**54. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Perdana Menteri menyatakan apakah alasan dan faedahnya mengambilkira pencapaian badan-badan seperti badan kemajuan negeri-negeri, PETRONAS, PERNAS, Bank-bank Bumiputra dan lain-lain badan berkanun yang dikuasai oleh Kerajaan sama ada peringkat negeri atau Persekutuan/Pusat dalam pengiraan pencapaian penyertaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), dan bukannya penyertaan syarikat-syarikat ataupun individu Bumiputera dalam ekonomi negara ini.

**Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Pengiraan atau penjelasan kepentingan Kerajaan dalam badan-badan tertentu yang dinamakan agensi amanah sebagai Bumiputera adalah berdasarkan matlamat penubuhan agensi-agensi tersebut bagi memegang berbagai kepentingan secara amanah bagi pihak Bumiputera. Selaras dengan ini, telah menjadi amalan pihak Kerajaan mengambilkira pencapaian agensi-agensi amanah sebagai tambahan kepada penyertaan syarikat-syarikat atau individu Bumiputera.

Sebagai penjelasan kepada Yang Berhormat, antara alasan-alasan khusus di sebalik pendekatan ini ialah:

- (i) kegiatan agensi-agensi amanah dan syarikat-syarikat mereka adalah bertujuan melibatkan Bumiputera secara langsung dalam berbagai bidang ekonomi dan perniagaan seperti dari segi pengurusan, gunatenaga dan penyertaan sektor syarikat;
- (ii) agensi-agensi ini bertujuan memindahkan hakmilik dan kepentingan mereka dari semasa ke semasa kepada masyarakat Bumiputera mengikut kemampuan Bumiputera;
- (iii) penglibatan agensi-agensi ini membuka peluang kepada syarikat-syarikat dan individu Bumiputera mendapatkan bimbingan dan latihan serta bantuan-bantuan tertentu seperti saluran pemasaran, kredit serta peluang-peluang perkongsian; dan
- (iv) agensi-agensi ini juga memainkan peranan untuk menceburi bidang-bidang baru yang biasanya melibatkan kos yang tinggi tetapi dalam proses tersebut bertujuan untuk menawarkan peluang-peluang baru kepada Bumiputera.

#### TELEFON—BAYARAN DEPOSIT TAMBAHAN

**55. Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah kesan kepada kenaikan bayaran deposit pelanggan telefon yang telah diisytiharkan oleh Syarikat Telekom Malaysia baru-baru ini. Apakah langkah dan tindakan yang sedang dilaksanakan oleh Syarikat Telekom Malaysia itu wajar.



Berapakah jumlah pelanggan-pelanggan yang telah diambil tindakan memotong kemudahan telefon mereka kerana lewat membayar bil telefonnya walaupun dalam masa sebulan.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Bayaran deposit tambahan yang dikenakan oleh Syarikat Telekom Malaysia (STM) adalah semata-mata untuk menseimbangkan jumlah penggunaan bulanan pengguna-pengguna itu sendiri dan bukan untuk menekan mereka.

Di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan dan Wilayah Persekutuan sebanyak 4,543 telefon telah dipotong dalam bulan Disember di atas kegagalan pengguna membayar bil-bil mereka. Ini telah mengakibatkan kerugian sebanyak \$3,413,469.95. Ini membuktikan bahawa tindakan yang telah diambil oleh STM itu adalah wajar demi menjaga kedudukan kewangan syarikat itu.

Mengenai tuduhan bahawa STM telah memotong telefon dalam tempoh sebulan adalah tidak benar kerana pemotongan hanya dilakukan selepas tempoh sekurang-kurangnya dua (2) bulan.

#### DISKRIMINASI BURUH DALAM PEKERJAAN

**56. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Buruh menyatakan KENAPA Kerajaan Malaysia gagal mengakui dan melaksanakan hasil konvensi dan cadangan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) berkaitan dengan diskriminasi buruh dan pekerjaan seperti yang diterima oleh ILO pada persidangan ke 42.

**Dato' Lee Kim Sai:** Kerajaan tidak terikat untuk mengiktiraf setiap konvensi yang ditetapkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) kecuali konvensi-konvensi yang bersesuaian dengan dasar dan kepentingan negara.

Mengenai konvensi yang dibangkitkan iaitu konvensi Diskriminasi (Penggajian dan Pekerjaan 1958 [Discrimination (Employment and Occupation) Convention 1958], Kerajaan berpendapat peruntukan-peruntukan konvensi itu lebih mencerminkan suasana serta realiti sosial dan ekonomi negara-negara maju dan oleh itu tidak sesuai untuk dilaksanakan di negara ini.

#### PEMULIHAN DADAH— PERBELANJAAN

**57. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan ke atas pemulihan dadah bagi lima tahun ini dengan memberi angka-angka mengikut tahun;
- (b) jumlah pusat pemulihan dadah di negara ini lokasi serta kapasiti pusat-pusat ini; dan
- (c) sama ada program pemulihan ini berkesan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan ke atas pemulihan dadah bagi 5 tahun yang lampau mulai pada tahun 1983 adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan Mengurus	Peruntukan Pembangu- nan
1983 ..	\$ 2,766,163	\$ 602,800
1984 ..	\$ 6,235,000	\$ 4,588,900
1985 ..	\$12,052,600	\$ 2,860,141
1986 ..	\$11,283,000	\$ 5,395,010
1987 ..	\$14,006,600	\$ 3,343,000
Jumlah ..	\$46,343,363	\$16,789,851

- (b) Jumlah Pusat Pemulihan Dadah di Negara ini dan lokasi serta

kapasiti Pusat-pusat ini adalah seperti berikut:

*Pusat-Pusat Kerajaan*

<i>Bil</i>	<i>Nama Pusat</i>	<i>Muatan</i>
1.	Pusat Serenti Sg. Petani	300
2.	Pusat Insafdiri Bukit Mertajam	300
3.	Pusat Serenti Perlop, Perak	300
4.	Pusat Serenti Tampin, Melaka	500
5.	Pusat Insafdiri Tampoi, Johor	300
6.	Pusat Insafdiri Besut, Terengganu	300
7.	Pusat Pemulihan Dadah, Sg. Merchong, DARA, Pahang	50

*Pusat Pemulihan Dadah Persendirian/Swasta*

<i>Bil</i>	<i>Nama Pusat</i>	<i>Muatan</i>
1.	Pusat INABAH, 14A, Kg. Pulau Bidan, Mukim Telaga Emas, 06400 Alor Setar.	10
2.	Rumah Pemulihan Dadah Masyarakat Kampung Kuala Muda, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.	20
3.	Hospital Lam Wah Ee Jalan Batu Lanchang, Pulau Pinang.	10
4.	Grace Home 2, Tingkat Binjai 8, Sri Rambai Lima, Bukit Mertajam.	10
5.	Hiding Place 52, Changkat Minden, Jalan Satu, Gelugor, Pulau Pinang.	15
6.	Pusat Pertolongan Jalan Pusing, Batu Gajah.	250
7.	Pusat Kemajuan Wanita Kampung Bercham, Ipoh.	50
8.	Pusat Perubatan Tradisional dan Yoga Pusat Pertengahan 9011, Jalan Garland, off Tambun Road, Ipoh.	15

<i>Bil</i>	<i>Nama Pusat</i>	<i>Muatan</i>
9.	Rumah Kepercayaan 21E, Jalan Jambu Gajus off Jalan Mengkuang, Telok Pulau, Kelang.	6
10.	Christian Care Centre off Jalan Batu Tiga, Kelang.	45
11.	Rumah Kediaman 53, Jalan Tiga, Taman Hijau Baru, Jalan Sg. Chua, 43000 Kajang, Selangor.	12
12.	Community Centre for Destitutes 4, Jalan Dato Hamzah, Kelang.	32
13.	Rumah Cahaya 93, Jalan Raja Tiga, Kajang.	15
14.	Disciple House 91A, Jalan Batu Tiga, Kelang.	25
15.	Klinik Raden Suratman 17 Jalan AU 2A/17, Taman Keramat, Ulu Kelang.	32
16.	Jiwa Murni (Pusat Jagaan Lanjutan) 20, Jalan SS 1/22, Petaling Jaya.	15
17.	Kem PEMADAM Batu 1½, Sg. Besi, Kuala Lumpur.	200
18.	Alpha Ministry 1189, Happy Garden, Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur.	10
19.	Faith Centre 2, Persiaran Segambut Dalam, Segambut Garden, Kuala Lumpur.	30
20.	Klinik PERKIM 41/8, Tingkat Satu, Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur.	20
21.	New Life Centre 1, Jalan Midah 9, Taman Midah, Cheras, 56000 Kuala Lumpur.	10
22.	Pusat Athmanantha Guru Kulim (SWAMIJI) Pantai, Negeri Sembilan.	10

<i>Bil</i>	<i>Nama Pusat</i>	<i>Muatan</i>
23.	Asrama Pemulihan Penagih Dadah, Persatuan Seni Almuazat, 514, Batu 3¾, Jalan Depot, Johor Bahru.	10
24.	God's Nest 6, Jalan Kiang Peng, Taman Perdana, Batu Pahat, Johor.	10

- (c) Soalan ketiga sama ada program pemulihan dadah ini berkesan atau tidak telah pun dijawab dalam pertanyaan Dewan Rakyat Malaysia pada 16-3-1987. Untuk Maklumat Ahli Yang Berhormat, kekesanan pemulihan yang dijalankan oleh Pusat-pusat Pemulihan yang diselenggarakan oleh Kerajaan perkataan "berkesan" tersebut. Walau bagaimanapun semasa pelatih-pelatih berada di dalam Pusat Pemulihan, pihak Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah boleh mengatakan bahawa mereka telah mendapat kejayaan yang memuaskan. Apabila mereka dibebaskan selepas berada di dalam Pusat selama 2 tahun, mereka akan diletakkan di bawah seliaan lanjutan oleh Pegawai Pemulihan Dadah selama 2 tahun lagi. Apakala bekas-bekas pelatih itu tamat seliaan lanjutan selama 2 tahun dan tidak mengambil semula dadah selama 6 bulan yang terakhir, dan telah pun mendapat pekerjaan atau berdikari serta menjadi masyarakat yang berguna, pihak Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah berpendapat peraturan yang berjaya hanya seramai 30% sahaja. Kekurangan peratus kejayaan ini adalah disebabkan tekanan-tekanan hidup mereka apabila masuk semula dalam

masyarakat di mana mereka akan terdedah dengan gejala-gejala dadah yang ada di sekeliling dan juga tekanan-tekanan hidup dari masyarakat dan keluarga. Walau bagaimanapun pihak Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah sentiasa mengkaji supaya kejayaan atau kekesanan ini akan bertambah dari semasa ke semasa.

### BANJIR DI JALAN RAYA LEMAL—RANTAU PANJANG

58. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah beliau sedar di sepanjang jalan raya yang menghubungkan antara Lemal—Rantau Panjang di Kelantan tidak diletakkan "kalbot" sebagai saluran air kerana kawasan di sepanjang jalan raya tersebut sedang dinaiki air ketika hujan lebat dan air akan bertakung lama serta akan merosakkan tanaman/hasil-hasil pertanian kerana tidak adanya saluran. Ini mengakibatkan berlaku banjir begitu lama di kawasan tersebut. Apakah Kementerian Kerjaraya akan mengambil tindakan segera.

**Dato' S. Samy Vellu:** Kerajaan sememangnya sedar masalah banjir yang berlaku di sepanjang jalan raya Lemal—Rantau Panjang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang merancang satu projek bersepadu di kawasan tersebut, termasuk projek infrastruktur jalan, perparitan, benteng pencegah banjir yang mana bertujuan untuk meningkatkan hasil pertanian di kawasan tersebut. Oleh kerana jalan raya telah dibina terlebih dahulu dan komponen yang lain itu belum dilaksanakan, maka ini menyebabkan berlakunya banjir di kawasan itu. Walau bagaimanapun sebagai langkah jangka pendek untuk mengatasi masalah tersebut Kerajaan

sedang mengenalpasti beberapa tempat yang akan diletakkan "calvert".

Sebagai langkah jangka panjang, masalah itu akan dapat di atasi apabila kajian Lembah Sungai Golok disiapkan tidak lama lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek persepadu yang disebutkan tadi akan melibatkan agensi-agensi seperti Jabatan Parit dan Taliair, Lembaga Kemajuan Kemubu, Jabatan Pertanian dan Jabatan Kerja Raya.

### MAJLIS PENGUASA TEMPATAN—LANTIKAN AHLI

**59. Dr Eng Sai Chai** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah cadangan-cadangan Kerajaan Barisan Nasional menggubal Undang-undang Akta Kerajaan Tempatan bermaksud mengadakan pemilihan secara undi sulit semua ahli-ahli Majlis-majlis Kerajaan Tempatan selaras dengan prinsip-prinsip dan amalan demokrasi di mana semua peringkat Kerajaan dikuasai oleh wakil-wakil yang rakyat memilih-mengundi. Adakah benar Kerajaan Barisan Nasional setakat ini tidak berani memulangkan hak-hak kemanusiaan ini kepada rakyat sebab mengikut sejarah dan pengalaman kebanyakan Majlis-majlis Kerajaan Tempatan ini akan dikuasai oleh pihak Pembangkang.

**Tuan Ng Cheng Kiat:** Kerajaan pada masa sekarang tiada cadangan untuk menggubal undang-undang untuk mengadakan pemilihan secara undi sulit Ahli-ahli Majlis di Penguasa-penguasa Tempatan. Kerajaan berpendapat bahawa sistem perlantikan Ahli-ahli Majlis yang diamalkan sekarang adalah memadai. Kerajaan juga berpendapat bahawa perlantikan Ahli-ahli Majlis seperti mana dilaksanakan sekarang adalah mengikut prinsip-prinsip dan amalan demokrasi.

Saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan sentiasa memandang berat di atas perkara ini untuk menentukan bahawa semua golongan masyarakat yang duduk di sesuatu tempat dapat diwakili di peringkat Penguasa Tempatan. Ahli-ahli Majlis yang dilantik diberi semua peluang untuk menunaikan kewajipan mereka dan setakat ini tidak ada sebarang masalah yang telah timbul.

### KOPERASI PENERIMA DEPOSIT

**60. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kabinet Malaysia telah berbincang Cadangan MCA supaya Kerajaan bersetuju bahawa pendeposit-pendeposit Koperasi-koperasi yang dibeku dapat dipulangkan wang deposit mereka seringgit terhadap seringgit, jika ya, apakah keputusannya; dan jika tidak, mengapa.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Pertanyaan Ahli Yang Berhormat, menyentuh isu yang sama dengan dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Kota Melaka, Pasir Mas dan Jelutong. Oleh kerana soalan-soalan tersebut telah pun saya jawab pada 29hb Jun dan 2hb Julai 1987, saya tidak bercadang mengulangnya sekali lagi.

### PILIHANRAYA KECIL GOPENG—KETEGANGAN

**61. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah hasil siasatan polis terhadap serangan, ketegangan dan keruncingan yang ditimbulkan oleh gerombolan penjahat yang diupah oleh MCA pada hari pilihanraya kecil Gopeng pada hari pembuangan undi; apakah pihak polis akan menghadapkan orang-orang yang terlibat di mahkamah.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tiada sesiapa pun yang dihadapkan ke mahkamah kerana perkara tersebut masih dalam siasatan pihak polis.

### LIPUTAN RADIO DAN TV DI PANTAI TIMUR

**62. Tuan Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah pihak Kementerian menyedari bahawa terdapat banyak kawasan (terutamanya kawasan pendalaman) di Pantai Timur Semenanjung khususnya di Terengganu yang tidak menerima gelombang siaran radio dan gambar televisyen dengan jelas dan terang; kiranya sedar apakah langkah dan tindakan Kementerian bagi mengatasi masalah tersebut. Bilakah siaran TV3 akan dapat ditonton di seluruh negara.

**Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):** Kementerian Penerangan memang sedar dan telah mengenalpasti beberapa kawasan termasuk di kawasan pendalaman di Pantai Timur Semenanjung dan Terengganu yang tidak dapat menerima liputan radio melalui gelombang sederhana dan siaran TV dengan memuaskan. Ini ialah kerana kekuatan pancaran signal dan pemancar-pemancar yang sedia ada tidak cukup. Usaha-usaha dan rancangan-rancangan sedang dibuat untuk meluaskan perkhidmatan siaran Radio gelombang FM Mono ke seluruh Malaysia mengikut peringkat dan peruntukan yang ada, bagi menggantikan penggunaan gelombang sederhana yang kurang kuat.

Dalam Fasa Pertama Stesen-Stesen FM Mono telah pun siap di Bukit Bakar (meliputi Kelantan) Gunung Keledang (meliputi Perak) dan Ulu Kali (meliputi Selangor, sebahagian Negeri Sembilan dan Melaka). Dalam

Fasa Kedua Stesen-Stesen FM Mono telah didirikan di Gunung Pulai (meliputi Johor), Gunung Jerai (meliputi Kedah, Pulau Pinang dan sebahagian Negeri Perak) dan Bukit Pelindung (meliputi Kuantan). Di tempat-tempat lain termasuk Terengganu rancangan akan dilaksanakan dalam Fasa Ketiga apabila ada peruntukan kewangan.

Mengenai penerimaan Siaran TV pula satu kajian telah dibuat oleh sebuah firma antarabangsa bagi mengemukakan cadangan untuk mengatasi masalah kawasan-kawasan di mana siaran-siaran TV tidak memuaskan. Firma tersebut telah mengenalpasti 50 kawasan di seluruh Malaysia yang mengalami masalah itu. Dalam Fasa Pertama sebuah Pemancar TV berkuasa rendah akan dipasang di 11 kawasan termasuk Bukit Bintang (meliputi Besut), Bukit Batu Papan (meliputi Gua Musang) dan di Bukit Sembilan (meliputi Pahang Darul Makmur) bagi meningkatkan mutu liputan TV di kawasan-kawasan pendalaman seluruh Semenanjung Malaysia.

Mengenai pengluasan liputan Siaran TV3 ke seluruh negara, ini terpulang kepada Sistem Televisyen Malaysia Bhd untuk menentukannya.

### USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

**Penghantaran Balik Encik  
Hacoglu Seugi Ozturk  
Tuncak ke Turkey**

3.35 ptg.

**Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Speaker, sebelum daripada saya meneruskan ucapan saya dalam perkara ini, pagi ini saya ada hantar surat kepada Tuan Speaker dan saya

ada dapat satu jawapan daripada Tuan Speaker. Dan apa keadaan sekarang mengenai surat yang saya ada hantar kepada Tuan Yang di-Pertua pagi ini ada perubahan atas apa yang saya cadangkan.

Dalam muka surat 3, apa yang ada dalam muka surat 2 pindaan di sana saya terima tetapi pindaan dalam muka surat 3 apa yang sudah dipotong oleh Tuan Speaker saya pun hairan oleh kerana apa Tuan Speaker ada potong apa yang ada dalam muka surat di sana. Bolehkah saya mendapat penjelasan, Tuan Speaker?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kita telah menyemak surat yang dihantar oleh Yang Berhormat dari Jelutong dan kita telah meluluskan dengan syarat yang diberikan itu. Sekiranya Yang Berhormat hendak berucap juga mengikut syarat-syarat yang diberikan kepada kita dan keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertua mengikut syarat peraturan 18 (1) iaitu berkehendakkan bahawa teks itu dibaca dengan membaca teks Usul yang diluluskan oleh Tuan Speaker.

Jadi, saya menggunakan kuatkuasa saya meluluskan dengan apa yang diberikan oleh Yang Berhormat itu. Yang Berhormat boleh teruskan dengan syarat yang berkenaan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Terima kasih, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, saya bangun di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (2) untuk meminta kebenaran supaya Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan bagi merunding satu perkara tertentu, kepentingan awam yang berkehendakkan disegerakan dan Usul yang berbunyi.

Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Parlimen kawasan Jelutong untuk menangguhkan Majlis ini bagi

merundingkan satu perkara tertentu kepentingan awam yang berkehendak disegerakan iaitu penghantaran balik Encik Hacoglu Seugi Ozturk Tuncak, berumur 29 tahun ke Turkey.

Tuan Speaker, pada 29hb. . . . .

**Tuan Ismail bin Said:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, point of order.

**Tuan Ismail bin Said:** 35 (6)—

“Seorang Ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya (selain daripada perkara-perkara gaji menurut apa-apa syarat dalam Perlembagaan), jika tidak diterangkannya sebanyak mana faedah bagi dirinya dalam perkara itu.”

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan ini mengarahkan Yang Berhormat dari Jelutong menyatakan secara jujur, secara ikhlas, tanpa bermain politik jumlah wang yang dinikmati oleh beliau dalam Usul ini.

Jika Yang Berhormat dari Jelutong enggan mengisytiharkan kepentingan beliau dalam bentuk kewangan dalam Usul ini dan sebelum Tuan Yang di-Pertua membuat sebarang keputusan mengenainya dan sebelum Yang Berhormat dari Jelutong sempat bermain politik, saya minta Tuan Yang di-Pertua menguatkuasakan Peraturan Mesyuarat 35 (6) ini. Terima kasih. (*Tepuk*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, saya beri penjelasan. Sebagai seorang lawyer, saya sedar dan tahu apa yang ada dalam Peraturan Mesyuarat 35 (6), Tuan Speaker. Dalam satu masa saya jadi peguam Encik Hacoglu tetapi kes ini sudah

habis, perkara ini tidak ada sangkut paut dengan apa yang saya ada buat apabila saya ada jadi peguam beliau. Tuan Speaker, oleh kerana itu saya tidak bercanggah Peraturan Mesyuarat 35 (6).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Duduk sekejap. Jadi tidak ada kepentingan kewangan kepada diri Yang Berhormat sendiri?

**Tuan R. Karpal Singh:** Sekarang tidak. Tetapi masa dahulu apabila saya jadi peguam beliau ada.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya buat keputusan untuk Ahli Yang Berhormat daripada Jelutong meneruskan. (*Tepuk*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Terima kasih. Tuan Speaker sebelum saya diganggu oleh seorang yang mahu main politik dalam Dewan ini, saya teruskan.

**Tuan Ismail bin Said:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Ismail bin Said:** Tertib mesyuarat sekali lagi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kalau point of order yang kacau, jangan buang masa.

**Tuan Ismail bin Said:** Tidak, saya tidak buang masa. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat dari Jelutong telah mengakui bahawa dahulu beliau ada mempunyai kepentingan kewangan. Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua meminta Yang Berhormat dari Jelutong menyatakan dahulunya berapa banyak. Itu sahaja yang kita minta.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, Yang Berhormat itu boleh datang ke pejabat saya, saya boleh

beri butir-butir kalau perlu. Tidak payah buang masa sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya teruskan. Tuan Speaker, pada 29hb Jun tahun ini Encik Hacoglu telah dibebaskan oleh Mahkamah Magistrate Kuala Lumpur. Yang Arif Puan Salmah binti Kassim telah memerintahkan Encik Hacoglu dibebaskan selepas beliau berada di bawah tahanan selama lebih kurang satu tahun oleh sebab pihak Pendakwa telah gagal mengemukakan satu kes *prima facie* terhadapnya. Yang Arif Puan Magistrate telah menyatakan pihak Pendakwa telah gagal membuktikan yang Encik Hacoglu adalah orang bernama "Olmez" iaitu seorang penjenayah yang dikehendaki oleh Kerajaan Turkey yang telah dapat melarikan diri daripada Qurnia di Turkey pada 30hb April, 1979 ketika beliau sedang menjalani hukuman penjara seumur hidup atas kesalahan membunuh.

Pembebasan Encik Hacoglu oleh Mahkamah Magistrate adalah selepas perbicaraan panjang yang berlangsung hampir satu tahun di mana Kerajaan Turkey diberi kesemua peluang di bawah sistem undang-undang kita, Tuan Speaker, untuk mengemukakan satu kes *prime facie* terhadap Encik Hacoglu iaitu isu penting yang beliau adalah "Olmez" seorang penjenayah yang telah melarikan diri.

Kerajaan Turkey, Tuan Speaker, gagal berbuat demikian. Encik Hacoglu mempunyai seorang isteri rakyat British yang kini adalah penduduk tetap (permanent resident), dengan izin, di Australia. Tiga orang anaknya yang dilahirkan di Australia adalah warganegara Australia mengikut undang-undang. Beliau sedang berusaha untuk berada semula dengan keluarganya di Melbourne.

Tetapi hingga kini beliau belum mendapat visa untuk masuk ke Australia. Pihak berkuasa Malaysia memberinya tempoh hingga, Tuan Speaker, jikalau saya boleh baca apa yang ada dalam teks ini sampai 11hb Julai ini iaitu hari Sabtu dari tarikh selepas beliau dibebaskan untuk membuat persiapan bagi meninggalkan Malaysia. Had tempoh ini, Tuan Speaker, dilanjutkan seperti apa yang saya katakan tadi, sampai 11hb Julai ini. Beliau hanya mempunyai masa sehingga 1½ hari untuk meninggalkan negara kita.

Pihak Imigeresen Malaysia adalah tertakluk untuk menghantar balik Encik Hacoglu ke Turkey sekiranya tiada negara lain yang sedia menerimanya. Tidak ada kemungkinan Encik Hacoglu akan diberi kebenaran oleh kedutaan Australia di Kuala Lumpur untuk kembali ke Australia.

Terdapat beberapa peraturan yang masih perlu disempurnakan dan Kedutaan Australia bukanlah dalam satu keadaan di mana dia boleh menyatakan dengan tentu sama ada visa dapat dikeluarkan kepada Encik Hacoglu pada hari ini atau pada 11hb Julai ini. Sebarang usaha kini untuk mendapatkan visa tersebut daripada Kedutaan Australia tidak akan berhasil.

Encik Hacoglu khawatir atas keselamatannya sekiranya beliau dihantar kembali ke Turkey pada hari Sabtu. Beliau yakin beliau akan dibunuh oleh Kerajaan Turkey. Oleh kerana patutlah harapan beliau telah meminta kembali pasport dari Imigeresen Malaysia pada hari Selasa lepas untuk tujuan berlepas ke negara-negara lain sebelum had tempoh pasnya berakhir.

Kerajaan Malaysia patut memandang keadaan Encik Hacoglu dengan belas kesihan dan tidak membiarkan sahaja beliau di tangan Kerajaan Turkey di bawah satu

military regime, Tuan Speaker. Atas dasar kemanusiaan, Kerajaan kita harus melanjutkan had tempoh yang diberi kepada Encik Hacoglu untuk berada di negara kita dengan memberi beliau perlindungan politik dengan izin "political assylum" jikalau perlu dan dalam fikiran saya, Tuan Speaker, itulah satu perkara yang perlu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini saya telah menerima satu Pemberitahuan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 daripada Yang Berhormat Ahli bagi kawasan Jelutong berkenaan dengan perkara Encik Hacoglu Seugio Ozturk Tuncak. Teks Usul adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sebentar tadi. Saya telah meneliti perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Jelutong itu dan saya dapati ia bukanlah satu perkara bagi kepentingan orang ramai.

Selain daripada itu apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa beliau iaitu Encik Hacoglu, yakin yang beliau akan dibunuh oleh Kerajaan Turkey adalah satu anggapan. Saya difahamkan bahawa Kerajaan akan memberi kemudahan kepada Encik Hacoglu untuk tinggal di negara ini hingga permohonan beliau untuk mendapatkan visa dari pihak Kedutaan Australia dibereskan.

Dengan alasan yang telah saya berikan tadi, saya menolak Usul ini.  
(Tepuk)

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga  
Aturan Urusan Mesyuarat  
dibacakan bagi menyambung semula



perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (8hb Julai, 1987).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat giliran siapa semalam? Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Saya beri 10 minit. Lepas itu kita minta Menteri menjawab.

3.46 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** 10 minit, tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sebab kita ada banyak lagi Rang Undang-undang yang perlu diselesaikan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ini satu Rang Undang-undang yang penting, Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengenai kepentingan orang ramai.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah membangkitkan mengenai Plaza Tol di Kepong dan inilah menunjukkan satu kesalahan unjuran aliran trafik yang dibuat oleh pihak Syarikat Sri Angkasa yang pada mulanya menetapkan aliran trafik itu sebanyak 82,000 buah kenderaan sehari. Tetapi selepas itu Plaza Tol diadakan di Jalan Kuching hanya 72,000 buah kenderaan sehari sahaja yang melalui Plaza itu. Sehingga pihak syarikat itu tidak dapat mengutip lebih daripada \$35,000 sehari. Dengan kesilapan ini, pihak Syarikat Sri Angkasa telah meminta daripada Kabinet untuk mengadakan satu tol lagi di Batu 5 Jalan Ipoh. Inilah satu ketidakadilan dan tempoh tol itupun tidak disebutkan walaupun di dalam *Warta Kerajaan* keluaran 8hb Januari itu tempoh 9 tahun ditetapkan. Tetapi

kita belum tahu sama ada tempoh ini dapat dilanjutkan ataupun tidak. Tetapi pada prinsipnya sesebuah syarikat apabila berjaya mendapat tender dengan anjuran sendiri kalau menghadapi kesukasan selepas itu ia bukan tanggungjawab Kerajaan, bukan tanggungjawab rakyat untuk menanggung bebannya. Inilah satu perbuatan yang tidak betul oleh Kabinet yang memberi peluang untuk mengadakan satu Plaza Tol lagi di Batu 5 Jalan Kepong itu. Dengan itu masalah yang dihadapi oleh Sri Angkasa kita boleh juga mempertimbangkan dan mengira apa sahaja yang boleh berlaku kepada United Engineer (UEM) yang telah diberi tender untuk membina Lebuhraya Utara/Selatan.

Projek Lebuhraya Utara-Selatan ini akan memerlukan perbelanjaan \$3.4 billion, tetapi kalau kita kira kos tambahan dan lain-lain kenaan bayaran mungkin akan meningkat kepada \$4.7 billion ataupun \$5 billion. Sebenarnya mengikut prinsip-prinsip kejuruteraan yang waras dan berekonomik Lebuhraya ini tidak patut dibina dengan sekali gus, tetapi secara sebahagian demi sebahagian. Ini adalah kerana buat masa ini bahagian-bahagian tertentu Lebuhraya ini masih belum dapat digunakan dengan sepenuhnya disebabkan isipadu lalu-lintas adalah amat kecil. Hanya bahagian-bahagian Lebuhraya tertentu seperti di antara Ipoh-Kuala Lumpur, barulah didapati keperluan untuk memperlebar dan memperelokkan jalan rayanya. Kerajaan Persekutuan patutlah berpandu kepada kriteria kejuruteraan yang waras dan berekonomik dengan hanya membina lebuhraya-lebuhraya ketika lalu-lintas bertambah dan keperluannya mendesak dan bukan secara sewenang-wenangnyanya.

Tuan Yang di-Pertua, Lebuhraya di antara Kuala Lumpur-Seremban yang dibuka pada awal tahun-tahun 80an

telah disediakan lebih awal daripada yang sepatutnya diperlukan. Hanya pada masa ini sahaja lalulintas yang menggunakan Lebuhraya itu lebih sibuk sehingga kita memerlukan lebuhraya yang baru. Sebaliknya di antara Kuala Lumpur dengan Subang Jaya, lalulintas trafik di sana adalah selalunya penuh sesak dan para pengguna benar-benar memerlukan pembinaan sebatang jalan selari untuk melegakan kesesakan trafik di jalan utama. Sekiranya jalan parallel itu dibina maka kutipan tol bolehlah dibuat di sebelah jalan yang baru, tetapi perkara memungut tol di sepanjang jalan yang tersedia adalah tidak adil kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap siapa sahaja yang mendapat tender itu dapat membayar balik kepada Kerajaan wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan, kerana menurut Menteri Kerjaraya semalam, Kerajaan telah membelanjakan \$3.32 billion ke atas pembinaan sebahagian Lebuhraya Utara/Selatan dan jumlah yang akan diperlukan bagi menghabiskan kerja pembinaan adalah \$3.4 billion. Tambahan lagi, pihak Lembaga Lebuhraya melaporkan bahawa setiap tahun perbelanjaan penyelenggaraan lebuhraya-lebuhraya telah mencapai \$13.8 juta. Jadi apa yang pentingnya, siapa yang dapat tender bagi projek Lebuhraya Utara/Selatan perlu membayar dahulu \$3.32 billion, sebelum diberi peluang dan hak untuk mengutip tol dari sepanjang 904 kilometer Lebuhraya Utara/Selatan. Itu yang patut. Wang rakyat digunakan untuk membina bahagian-bahagian Lebuhraya tersebut dan kita beri percuma sahaja kepada penender yang berjaya untuk mendapat tender itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Menteri Kerjaraya dengan terang-benderang dan terus-terang

mengumumkan bahawa kontraktor-kontraktor asing yang dimaksudkan adalah ahli-ahli konsortium yang diketuai oleh United Engineers. Kerajaan dikatakan akan menggunakan bayaran \$1.5 billion bersama-sama dengan bunga dari UEM untuk menyumbangkan kemudahan pinjaman kepada kontraktor asing bagi tempoh masa 10 tahun itu. Bayaran-bayaran ansuran UEM kepada Kerajaan Persekutuan dikatakan akan bermula pada tahun ke-16 sejak permulaan operasinya. Akan tetapi kita dapat tahu daripada hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, Kerajaan akan menyediakan kemudahan pinjaman tanpa bunga sejumlah \$1,450 juta kepada UEM. Jadi sangat bingunglah saya sama ada wang ini akan digunakan untuk kontraktor-kontraktor tempatan yang dapat. . . .

**Dato' S. Samy Vellu:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Menteri Kerjaraya kepada Persekutuan ini ialah Dato' Samy Vellu, bukan Lim Kit Siang. Yang Berhormat dari Tanjong bukan jadi Menteri Kerjaraya. Jikalau Yang Berhormat dari Tanjong, apa yang di bicara, apa yang dia ucap sahaja bukan bererti apa-apa butir yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat itu sudah jadi betul. Saya percaya jikalau Ahli Yang Berhormat suka hendak berucap, janganlah rujuk balik kepada apa yang sudahpun disebut oleh Ahli Yang Berhormat semalam. Itu saya sudah jawab. Tidak ada satu tempat pun di mana Kerajaan sebutkan, "Kita bagi sahaja \$1.5 billion, ambillah, ambil dan pergi main-main." Bukan begitu. Ini ada aturan, macam manakah kita boleh belanja wang Kerajaan. Kalau tidak ikut aturan, tidak boleh. Siapa yang hendak pergi ke penjara? Bukan saya, saya tidak mahu pergi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan itu tidak jelas. Sebab itulah saya bagi angka-angka

dari kedua-dua pihak. Saya beri angka tersebut daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan angka itu dibuat oleh beliau dengan penyelidikannya sendiri, bulan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Lembah Pantai yang dapat angka-angka daripada orang lain. Itu penyelidikannya sendiri dan mendapat satu angka yang tetap dan pihak Kerajaan pun yang diwakili oleh Yang Berhormat Menteri menetapkan satu angka. Jadi kita bagi satu perbandingan di antara satu dengan yang lain. Ini terserah kepada Yang Berhormat untuk menjelaskan sehingga semua rakyat mengetahui dan memahami dan menerimanya. Itu tugas Yang Berhormat. Janganlah di sini hendak marah pihak kami pula.

Tuan Yang di-Pertua, adalah terang bahawa pada 15hb April, 1987 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membatalkan upacara menandatangani kontrak Kerajaan dengan UEM dengan hanya memberi satu hari notis sahaja. Adalah juga didakwa bahawa pihak Perdana Menteri sendiri yang mengarahkan supaya satu penaksiran bebas ke atas unjuran-unjuran aliran lalu lintas dibuat kerana disyaki UEM dengan sengajanya memperbesar-besarkan nilai-nilai unjuran sendiri untuk mengesyorkan tuntutan bayaran pampasan yang besar-besaran belaka dari Kerajaan Persekutuan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri patut tampil ke hadapan dan mengesahkan sama ada perkara-perkara ini adalah benar ataupun tidak. Jika benar, bukankah ini menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat sendiri juga mempunyai kesangsian terhadap kebenaran nilai-nilai unjuran UEM. Jika Perdana Menteri sendiri tidak atau kurang percaya kepada integriti UEM mengapa pula kontrak tetap diberi kepada UEM? Apakah tindakan yang akan dibuat oleh Yang Amat Berhormat sekiranya didapati UEM

telah menyeleweng atau memperbesar-besarkan nilai-nilai unjurannya dan dengan ini terbukti UEM telah bertindak dengan tidak jujur atau pecah amanah.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, dari apa yang diketahui oleh kita, UEM adalah dikuasai oleh Hatibudi, sebuah syarikat swasta kecil yang diketuai oleh Encik Halim Saat. Dari pandangan-pandangan yang berlainan, dari sumber-sumber yang berbeza-beza, Hatibudi dikatakan adalah sebahagian daripada syarikat pelaburan Pemuda UMNO ataupun berkemungkinan besar sebuah syarikat yang dikawal oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong telah mula hendak mencarut. Apa Pemuda-pemuda UMNO ini. Jadi saya hendak minta beliau menjelaskan apa yang dikaitkan dengan Pemuda UMNO sebentar tadi, dan jangan menyebut sepintas lalu dengan cuba hendak membuat fitnah, tohmah tanpa hujah-hujah yang konkrit dan yang betul dan jelas. Terima kasih.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, selalunya Yang Berhormat dari Pasir Mas itu bengkek. Dengan kebengkengan ini susahlah dia hendak berucap dengan lebih waras. . . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Ini bengkek, apa bengkek ini? Saya bukan bengkek, Tuan Yang di-Pertua, cuma memang cara saya bercakap dengan topik Kelantan memang macam itulah, sebab dia tak faham bahasa.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong, saya ingat suatu masa perkataan "waras" tak dibenarkan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Waras perkataan yang baik, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, perkataan "tak waras" itu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya kata tidak dapat mengucapkan dengan secara waras.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat. . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** . . . . .tetapi Yang Berhormat dari Pasir Mas itu cakup satu istilah yang diberi kepada keturunan Cina di Kelantan, itu tak patut. Patut dia tarik balik. Kali yang ketiga dia sudah gunakan perkataan sedemikian. Tuan Yang di-Pertua pun pernah ada di Kelantan tetapi tak pernah sebutkan istilah sebegini.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Marang!

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kepong, apa kaitan Syarikat Hatibudi dengan Pemuda UMNO?. Saya sebagai Pemuda UMNO tak sukalah perkara yang seumpama ini dikaitkan tanpa bukti yang jelas. Tadi saudara Yang Berhormat dari Pasir Mas ada bertanya tetapi dia tak jawab. Dia kata garang. Ini bukan garang,

tetapi soal-soal yang tidak berasas seharusnya tidak dilibatkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia kata bengkung.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Bengkung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tetapi jawapan untuk Hatibudi dengan Pemuda UMNO itu tak dijelaskan lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya di sini kata daripada sumber-sumber yang tertentu kita dapat satu maklumat. Sama ada ini benar ataupun tidak, kita minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya yang mewakili Kabinet untuk menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini supaya kita dapat terima Rang Undang-undang yang dibentangkan hari ini.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Marang bangun lagi. Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya anggap kenyataan itu adalah kenyataan yang liar kerana daripada penjelasan yang diberikan tadi jelas menunjukkan bahawa ia didapati daripada sumber-sumber yang disangkanya sahaja, bukanlah satu bukti yang sah. Ini sudah tidak bagus untuk diperbincangkan dan dijadikan asas perbincangan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ada satu sumber-sumber yang menyatakan demikian. Kalau boleh membuktikan tidak ada kebenarannya, saya boleh terima. Tetapi sama ada itu penjelasan ada memberikan bukti-bukti yang

menunjukkan kenyataan yang tidak benar atau tidak, saya tidak tahulah, terserah kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
(Bangun)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap, yang bangun dahulu Yang Berhormat dari Marang.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mahu bukti yang dikatakan itu mana, sumber apa? Kenyataan mana? Saya tak mahu cakap sahaja tetapi tidak ada bukti. Mahu sedap sahaja bercakap, buktikan sekarang kepada saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya diberi tahu dan di dalam Dewan yang mulia ini kita patut membangkitkan apa yang kita diberi tahu dan mendapat penjelasan daripada pihak yang tertentu.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
(Bangun)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Marang dan Pasir Mas, saya rasa jikalau sekiranya dia menggunakan apa-apa tuduhan dan jikalau sekiranya tuduhan itu tak betul; itu terpulanglah kepada Yang Berhormat mengambil tindakan mengikut Peraturan Mesyuarat. Saya ingat perkara ini tidak boleh dipanjangkan-panjangkan lagi.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bangun atas apa?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Penjelasan sedikit sahaja daripada Yang Berhormat dari Kepong. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat dari Kepong supaya membuat. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak boleh mencadang, jangan mencadang.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Minta penjelasan. Apakah beliau bersetuju mengenai dengan pandangan saya supaya mengulangi tuduhan dan tohmahan tersebut di luar daripada Dewan ini terhadap Pemuda UMNO? Kalau berani sedia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bukan penjelasan, itu minta cabaran.  
(Ketawa)

**Dr Tan Seng Giaw:** Cabaran sahaja, Tuan Yang di-Pertua, Jadi . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Jadi apa yang saya sebutkan di sini, saya diberi tahu keadaan yang sedemikian dan itu pun saya sudah sebutkan di luar Dewan. Tak payahlah hendak sebutkan di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, minta teruskan Yang Berhormat dari Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kenyataan-kenyataan yang telah saya sebutkan tadi seperti fakta bahawa Halim Saad adalah bekas akauntan di PREMBA iaitu anak syarikat pelaburan UDA yang dahulunya diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Kami tidak tahulah sama ada Menteri Kewangan yang terlibat ataupun tidak, itu terserah kepada penjelasan yang akan diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya. Kalau Yang Berhormat dari Pasir Mas belum puas hati lagi pun sila dapatkan maklumat daripada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya sebab saya bukan Menteri.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, susah betul Yang Berhormat dari Kepong ini. Minta penjelasan. Bukan saya perlu kepada maklumat daripada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya. Saya hendak maklumat, tohmahan dan fitnah daripada Yang Berhormat dari Kepong lemparkan kepada Pemuda UMNO. Kalau tak erti bahasa, cakap tak erti bahasa. Terima kasih.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya mengerti bahasa, cuma Yang Berhormat dari Pasir Mas itu tidak mengerti langsung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat dari Kepong teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, masalah yang besar sekarang kerana selepas Rang Undang-undang hari ini diluluskan, satu perjanjian di antara UEM ataupun syarikat yang lain, saya pun tak tahulah. Mungkin UEM akan diadakan di antara pihak Kerajaan dengan syarikat tersebut dan dengan adanya perjanjian ini maka rakyat Malaysia akan menghadapi kesusahan. Bukan sahaja itu unjuran lalulintas, projection traffic flow, aliran lalulintas jadi, satu perkara yang terpenting sekali. Ke atas unjuran inilah sama ada rakyat Malaysia akan mengalami kesusahan, kerugian ataupun tidak, sama ada generasi akan datang kehidupannya adalah tergedai kepada syarikat tersebut ataupun tidak bergantung kepada unjuran aliran trafik ini. Tetapi memandangkan bukti seperti di Jambatan Pulau Pinang unjuran yang salah. Bilangan kenderaan yang melaluinya tiap-tiap hari tidak banyak yang diunjurkan. Itu pada masa yang lepas.

Begitu juga dengan Plaza Tol Jalan Kuching untuk persimpangan bertingkat Kepong. Unjuran oleh pihak Yang Berhormat Menteri Kerjaraya pun salah termasuk perbelanjaan kosnya. Pada mulanya

dia kata tak sampai \$60 juta, tetapi pada akhirnya saya diberi tahu meningkat kepada \$84 juta pula. Itu anggaran yang salah.

**Dato' S. Samy Vellu:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Itu bukan berertinya anggaran yang salah. Projek yang pertama—fasa pertama untuk mengadakan persimpangan bertingkat. Harganya iaitu \$44 juta. Selepas itu Kerajaan dan juga Jumaah Menteri telah menimbang jikalau kita ada jua satu persimpangan bertingkat, tetapi tidak ada satu jalan yang luas seperti apa yang kita adakan selepas persimpangan Jalan Maxwell, sebab itulah keputusan yang kedua kita kata: marilah kita melebarkan jalan. Jalan pada masa dahulu iaitu dua hala, empat lorong. Pada masa sekarang dua hala, enam lorong dan juga ada lorong simpanan di tepi. Jadi, itulah sebabnya meningkat harga daripada \$44.6 juta kepada \$82 juta.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak puas hati dengan penjelasan itu kerana pada kontrak yang pertamanya untuk \$44 juta sahaja, tetapi kalau ikut kontrak itu mana boleh kita tambahkan dengan kehendak sahaja. Jadi, kalau hendak ikut Warta Kerajaan, ditunjuk di sini, 8hb Januari, satu plaza tol sahaja, tetapi sekarang belum gazet lagi, diadakan kedua pula. Ini adalah satu prinsip yang salah. Selepas adakan tol, dia sekarang sudah cadang hendak memperelokkan jalan itu pula. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, kalau Jalan Parlimen di sini saya letakkan satu Plaza Tol, hendak kutip tol daripada Tuan Yang di-Pertua. Kemudian kalau Tuan Yang di-Pertua membantah, saya kata: Tak payah, susah Tuan Yang di-Pertua. Saya ini hendak memperelokkan Jalan Parlimen. Apakah prinsip seperti ini prinsip perniagaan, prinsip perdagangan ataupun prinsip Samy Vellu? (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tak boleh menggunakan nama.

**Dr Tan Seng Giaw:** Prinsip Yang Berhormat Menteri Kerjaraya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masa Ahli Yang Berhormat telah diberi tadi 10 minit sudah jadi 30 minit. Kita ada dua Rang Undang-undang lagi dan kita ada besok sahaja untuk menghabiskan kerja kita.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya berharaplah prinsip Yang Berhormat Menteri Kerjaraya untuk persimpangan Jalan Kepong itu, persimpangan bertingkat Jalan Kepong itu janganlah digunakan untuk projek Lebuhraya Utara-Selatan. Kalau prinsip seperti itu digunakan untuk Lebuhraya Utara-Selatan matilah kita semua.

Sebab itu bukan satu plaza tol sahaja, berpuluh-puluh plaza tol yang akan diadakan sepanjang 904 km. daripada Utara ke Selatan. Jadi kalau satu tol berlaku insiden sedemikian, peristiwa yang telah saya sebutkan yang berlaku di persimpangan bertingkat Jalan Kepong dilaksanakan di beberapa plaza tol di seluruh lebuhraya Utara-Selatan, jadi bagaimanakah perasaan rakyat. Bolehkah rakyat Malaysia menerima perbuatan seperti itu yang tidak begitu wajar yang tidak munasabah? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.02 ptg.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengambil peluang ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, khasnya kepada kawan baik saya, Ketua Pembangkang, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang

telah turut memberi pandangan dan juga teguran sewaktu membincangkan cadangan pindaan Rang Undang-undang Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah membangkitkan mengenai jumlah syarikat-syarikat yang telah diberikan kebenaran mengutip tol. Setakat ini Kementerian Kerjaraya telah membenarkan dua syarikat menswastakan jalan raya iaitu Syarikat Shahpadu Sdn Bhd yang mengendalikan tol di Jalan Selat Klang Utara dan Syarikat Seri Angkasa Sdn Bhd yang mengendalikan tol di Bulatan Kepong Jalan Kuching, Kuala Lumpur.

Selanjutnya Lebuhraya Utara-Selatan adalah di dalam perancangan untuk diwastakan kepada Syarikat United Engineers Berhad yang sedang di dalam proses perundingan.

Selain daripada itu, belum ada cadangan lain untuk menswastakan mana-mana jalan raya atau lebuhraya.

Ahli Yang Berhormat juga bertanyakan mengenai kemudahan-kemudahan rumah rehat dan sebagainya di plaza plaza tol. Sukacita dimaklumkan bahawa mengenai kemudahan tempat rehat dan sebagainya di plaza-plaza tol di lebuhraya, Kementerian Kerjaraya telah pun membuat rancangan bagi mengadakan kemudahan-kemudahan seperti tempat rehat, kemudahan telefon, pondok polis, surau, tandas, kedai, restoran dan sebagainya dalam cadangan penswastaaan Lebuhraya Utara-Selatan apabila dilaksanakan sepenuhnya tidak lama lagi.

Mengenai masalah kutipan tol di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur, adalah dimaklumkan perkara ini di luar bidang kuasa Kementerian ini dan adalah di bawah rancangan dan pelaksanaan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Ahli Yang Berhormat juga telah mencadangkan bahawa perancangan yang teliti perlu diadakan bagi pembinaan jalan supaya tidak membazirkan wang dengan memberi contoh mengorek semula turapan jalan sebaik sahaja jalan diturap. Sukacita dimaklumkan dalam kontrak-kontrak kerja pembinaan jalan, Jabatan Kerjaraya telah pun memasukkan segala keperluan agensi-agensi kemudahan awam yang lain dalam kontrak yang sama. Ini adalah bertujuan mengelakkan kerja mengorek oleh agensi berkenaan. Walau bagaimanapun, kerja mengorek tidak dapat dielakkan semasa kecemasan atau breakdown. Dalam keadaan demikian, JKR telah mengeluarkan garispuandu yang perlu diikuti oleh agensi lain untuk mengurangkan kesesakan lalulintas.

Ahli Yang Berhormat itu telah juga bertanya tentang jumlah peruntukan bagi kerja penyelenggaraan jalan bagi tahun 1986 dan 1987 dan beliau juga ingin mengetahui setakat mana pemborong bumiputera memperoleh kontrak-kontrak kerja penyelenggaraan jalan.

Pada pendapat beliau kerja-kerja penyelenggaraan adalah sangat sesuai di mana pemborong bumiputera dapat mengambil bahagian tanpa kesulitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, jumlah peruntukan yang diberi untuk penyelenggaraan Jalan Persekutuan bagi tahun 1986 dan 1987 adalah \$152 juta dan \$135 juta masing-masing.

Ingin dimaklumkan bahawa sebilangan besar dari jumlah tersebut yang dianggarkan sebanyak 45% ialah \$68 juta bagi tahun 1986 dan \$60 juta bagi tahun 1987, adalah digunakan untuk menjalankan kerja membarui muka jalan. Kebanyakan kerja itu dijalankan oleh kuari Pusat JKR. Hanya kerja-kerja yang tidak dapat dijalankan oleh JKR ditawarkan kepada pemborong-pemborong

tempatan. Bagi kerja-kerja penyelenggaraan biasa, dengan izin, routine maintenance, yang semuanya dikendalikan di peringkat JKR daerah. Kebanyakan kerja juga dijalankan secara Jabatan. Kerja-kerja yang tidak dapat dilaksanakan secara Jabatan ditawarkan kepada pemborong-pemborong tempatan secara kerja indent bagi kerja-kerja kecil kurang daripada \$50,000 atau secara tawaran bagi kerja lebih dari \$50,000. Semua kerja indent ini adalah dikhaskan kepada pemborong-pemborong bumiputera sahaja.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jabatan Kerjaraya juga telah mula menawarkan terms maintenance contract bagi jalan-jalan baru. Setakat ini dua kontrak telah diadakan iaitu bagi Jalan raya Kuala Krai—Gua Musang dan Jalan raya Timur Barat. Kedua-dua kontrak ini bernilai \$13 juta telah ditawarkan kepada pemborong-pemborong bumiputera.

Bagi kerja-kerja penyelenggaraan lebuh raya pula, kontrak penyelenggaraan telah ditawarkan seratus peratus kepada pemborong-pemborong bumiputera iaitu:

- (1) KL—Seremban, Syarikat Kulim Enterprise—\$4.2 juta.
- (2) KL—Karak, Syarikat Darus Construction—\$4.4 juta.
- (3) Bukit Kayu Hitam—Jitra, Syarikat Laris Bina—\$1.8 juta.
- (4) Senai—Johor Bharu, Syarikat Trans Highway—\$1.8 juta.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah membangkitkan mengenai masalah kenaikan kadar bayaran tol oleh syarikat swasta. Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Kerjaraya tetap akan mengawasi semua aktiviti penswastan dan apa-apa cadangan menaikkan kadar bayaran tol terlebih dahulu



dibawa kepada persetujuan Kementerian Kerjaraya untuk kelulusan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk menurunkan kadar tol Jambatan Pulau Pinang, terpaksa saya tangguhkan buat sementara waktu menurut kajian Lembaga Lebuhraya Malaysia oleh kerana negara masih dalam keadaan resesi. Cadangan penurunan kadar tol itu sekiranya dilaksanakan pada masa sekarang tidaklah akan memberi kesan yang bermakna terhadap pertambahan hasil. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam bangun, Ahli Yang Berhormat beri jalan?

**Dato' S. Samy Vellu:** Boleh.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri berkata oleh kerana ekonomi resesi, oleh kerana itu cadangan supaya diturunkan bayaran tol ditangguhkan, tetapi mengapakah Menteri berkenaan terlebih dahulu mengumumkan bahawa ia akan diturunkan, sama ada apabila Yang Berhormat mengumumkan cadangan itu beliau tidak tahu ekonomi resesi.

**Dato' S. Samy Vellu:** Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, seperti apa yang saya katakan semalam, semua keputusan untuk menurunkan kadar tol itu telah diambil dan diluluskan oleh Jumaah Menteri. Selepas itu Lembaga Lebuhraya Malaysia telah membangkitkan isu itu dengan keadaan resesi yang ada sekarang. Walau bagaimanapun, saya sudah memberi arahan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia, apabila kita terima laporan-laporan daripada Kementerian Pengangkutan, sebab mereka mahu juga sedikit masa untuk

mengambil keputusan, jikalau Jambatan Pulau Pinang akan diturunkan kadarnya, mahukah mereka turunkan juga kadar feri? Ini jadi dua masalah, dua hala, kita mesti mengadakan hubungan. Walau bagaimanapun, seperti apa yang sudah dijanji, apa yang sudah diluluskan oleh Jumaah Menteri, kita tidak berhentikan, kita mesti jalankan, tetapi kita tunggu sahaja sementara untuk mendapat kelulusan daripada Kementerian Pengangkutan. Apabila Kementerian Pengangkutan beri kepada saya laporan sama ada mereka mahu menurunkan kadar feri bersama-sama dengan kadar jambatan, baru kita akan mengumumkan satu tarikh yang kita akan meneruskannya.

**Tuan Chian Heng Kai:** Bolehkah Yang Berhormat memberitahu satu tarikh yang tetap bilakah ini akan diumumkan? Oleh kerana beliau telah mengumumkan beberapa kali, tetapi ianya tidak ada sekalipun dikotakan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjawab soalan Yang Berhormat, sebab Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam hari-hari menggunakan jambatan itu. Saya sendiri pun tidak puas hati sebab selepas kita sudah mengumumkan, kita sudah pun memberitahu satu tarikh yang kita akan menguatkuasakan keputusan itu, tetapi saya masih tunggu sahaja. Selepas ini saya akan menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan—beliau tidak ada di sini sekarang—saya akan beritahu kepada beliau jikalau dalam tempoh 2 minggu saya tidak terima alasan-alasan daripada beliau, saya akan terus menjalankan penurunan kadar di Jambatan Pulau Pinang.

**Tuan Lim Kit Siang:** minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan menghadiri Mesyuarat

Kabinet apabila membuat keputusan untuk menurunkan tol Jambatan Pulau Pinang dan bukankah ini satu perkara, peristiwa yang tidak patut berlaku yang membayangkan, kalau bukan kecuaiian Kabinet, kecuaiian Yang Berhormat Menteri Pengangkutan bahawa satu perkara tidak ditimbang daripada semua segi sebelum satu keputusan dibuat.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Tanjong, arahan untuk menurunkan kadar tol di Jambatan Pulau Pinang itu, ialah daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Mesyuarat Jumaah Menteri. Beliau kata kita mesti menurunkan kadar tol. Selepas itu Jumaah Menteri telah menerima dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pun bersetuju. Tetapi soalan daripada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan iaitu ada juga aduan-aduan daripada pihak Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang untuk menurunkan kadar feri mereka, dan sebab itu mereka minta sedikit masa untuk menimbang. Jikalau saya berinya masa untuk menimbang, kita kedua-dua Kementerian boleh jugalah mengumumkan semasa sekali apakah kadar baru. Itulah sebabnya dan bukan berertinya Yang Berhormat Menteri tidak bersetuju dengan Jumaah Menteri. Dua minggu saya beri dia, jika dalam dua minggu tidak ada jawapan—habis.

**Tuan Chian Heng Kai:** Penjelasan! Bilakah notis itu dikeluarkan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, sama ada dari tarikh hari inikah ataupun belum lagi dihantar notis kepada beliau?

**Dato' S. Samy Vellu:** Esok saya akan menulis kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan meminta penjelasannya dalam tempoh 2 minggu, jikalau tidak, saya teruskan dengan tol itu. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah pembelian kupon tol yang dihadkan kepada dua kenderaan serta tempoh laku selama 3 bulan, sukacita saya maklumkan bahawa Kementerian ini akan mengkaji cadangan Yang Berhormat meningkatkan pembelian kupon tersebut kepada 4 nombor serta tempoh masa selama 6 bulan.

Yang Berhormat dari Padang Terap mencadangkan bahawa fungsi sesuatu jalan perlu diambil kira semasa perancangan supaya jalan tersebut dapat digunakan sepenuhnya. Beliau memberi contoh Lebuhraya Timur-Barat yang mengalami kerosakan teruk, dan pada pendapat beliau kerosakan seperti ini tidak mungkin berlaku sekiranya kegunaan kenderaan kayu balak diambil kira semasa perancangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kegunaan sesuatu jalan, memang telah diambil kira dalam perancangan semua jalan-jalan ini. Adalah disedari jalan raya Timur-Barat sedang mengalami kerosakan teruk oleh kerana aliran jalan melalui kawasan gunung, di mana keperluan pengaliran air telah tidak diutamakan semasa pembinaan jalan tersebut. Ini adalah disebabkan pada ketika itu JKR tidak mempunyai pengalaman bagi pembinaan jalan raya bertaraf tinggi melalui kawasan gunung dan perhatian ditumpukan untuk mempercepatkan pembinaan jalan supaya jalan ini boleh dibuka kepada lalulintas dengan segera. Malangnya disebabkan oleh kekerapan hujan di kawasan terlibat beberapa cerun dan benteng telah mengalami hakisan teruk dan seterusnya runtuh. Kerja membaiki sekarang merupakan kerja membaiki benteng dan cerun di mana keperluan pengaliran air dibina sepenuhnya. Walau bagaimanapun saya ingin mengucapkan terima kasihlah kerana memberi cadangan tersebut.

Mengenai masalah peluang kerja bagi kontraktor tempatan bagi

pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan, ingin dimaklumkan di sini bahawa keutamaan mengenai kerja-kerja sub-kontrak akan diberikan kepada kontraktor-kontraktor tempatan oleh induk yang akan melaksanakan Lebuhraya tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang dan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, saya suka memberi penjelasan. Saya ingin memberitahu Yang Berhormat bahawa kalau ada apa-apa penjelasan dikehendaki, saya akan memberi jawapan yang cukup, tetapi saya minta apabila saya beri butir-butir, Yang Berhormat beri saya peluang untuk menjawab dan selepas itu jika ada apa-apa soalan, saya akan jawab. Mungkin tidak ada apa-apa.

Sebanyak 6 pihak penswasta telah berjaya dalam perkelayakan untuk menswastakan ini. Pihak-pihaknya ialah seperti berikut:

- (i) MBF Holdings Bhd.,
- (ii) Pilecon Engineering (Sdn.) Bhd.,
- (iii) Syarikat Pembinaan Hashbudin (Malaysia) (Sdn.) Bhd.,
- (iv) SHAHPADU Holding (Sdn.) Bhd.,
- (v) UNICO Holdings (Sdn.) Bhd., dan
- (vi) United Engineers (Malaysia) Bhd.

Dari 6 firma itu, hanya 4 telah membeli dokumen dan 4 firma ini adalah seperti berikut:

- (i) Pilecon Engineering (Sdn.) Bhd.,
- (ii) Syarikat Pembinaan Hashbudin (Malaysia) (Sdn.) Bhd.,
- (iii) UNICO Holdings (Sdn.) Bhd., dan

- (iv) United Engineers (Malaysia) Bhd.

Apabila tawaran ditutup pada 2hb Julai, 1986, lima cadangan telah diterima daripada firma-firma seperti berikut:

- (i) Pilecon Engineering (Sdn.) Bhd.,
- (ii) Syarikat Pembinaan Hashbudin (Malaysia) (Sdn.) Bhd.,
- (iii) UNICO Holdings (Sdn.) Bhd.,
- (iv) United Engineers (Malaysia) Bhd. dan
- (v) SHAHPADU Holding (Sdn.) Bhd.,

Pihak SHAHPADU Holding (Sdn.) Bhd. telah membuat tawaran tanpa pembelian dokumen-dokumen yang berkenaan yang kosnya ialah \$50,000. Selepas kajian yang berkenaan terhadap kelima-lima cadangan yang dikemukakan telah didapati bahawa pihak SHAHPADU Holding (Sdn.) Bhd. dan UNICO Holdings (Sdn.) Bhd. telah mengemukakan satu surat sahaja dan menyatakan bahawa sekiranya pihak itu berjaya, butir-butir mengenai cadangan mereka akan dikemukakan kepada Kerajaan kemudiannya. Mengikut peraturan biasa kedua-duanya tidak boleh diterima kerana tidak menepati syarat-syarat tender.

Berhubung dengan cadangan yang dibuat oleh Syarikat Pembinaan Hashbudin yang menjadi satu kontrovesi di antara kedua-dua kita, saya suka menegaskan bahawa pihak yang berkenaan itu didapati tidak membuat cadangan menurut kehendak Kerajaan ataupun pihak yang berkenaan telah mengemukakan cadangan yang tidak mengikut dengan syarat-syarat tender dan oleh itu menjadi non-conforming tender, dengan izin. Harga yang disebut oleh pihak yang berkenaan itu ialah sebanyak \$3 billion—saya setuju,

sepertimana Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menyatakan semalam—cadangan yang akan mengubah rekabentuk tender yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan dan butir-butir berkenaan rekabentuk yang baru itu telah tidak disertakan. Sungguhpun harga \$3 billion telah disebut bagi rekabentuk yang akan dipinda itu, tetapi pindaan-pindaan itu tidak dikemukakan dan oleh itu Jawatankuasa yang telah dilantik untuk mengkaji cadangan-cadangan itu tidak dapat mengkaji apa-apa yang Kerajaan akan dapat dengan harga yang berkenaan.

Adalah tidak benar apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dalam Dewan yang mulia ini petang semalam bahawa tawaran \$3 billion yang rendah sekali itu oleh pihak Syarikat Pembinaan Hashbuddin Malaysia Berhad telah tidak diterima. Ahli Yang Berhormat sesungguhnya, dengan izin, “mislead”, saya minta maaf kerana saya gunakan perkataan ini, “this House”, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bukan saya, sepertimana yang dituduh petang semalam. Kepada Ahli Yang Berhormat, sebagai Menteri Kerjaraya, saya boleh gunakan kuasa saya membuka semua dokumen-dokumen tender, boleh ikut saya pergi pejabat saya, duduk dengan saya, apa-apa keterangan Ahli Yang Berhormat sebagai Ketua Pembangkang mahu, saya boleh beri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat ada kata bahawa tender Hashbuddin ada ditolak oleh kerana, dengan izin, “non-conforming design”. Bukankah benar bahawa tender yang diberi oleh United Engineers pun “non-conforming design”, satu pindaan kepada rekabentuk asal daripada LLM dan kenapa satu “alternative proposal” yang dikemukakan oleh UE boleh ditimbang, tetapi satu “alternative proposal” yang dikemukakan oleh Hashbuddin ditolak?

**Dato' S. Samy Vellu:** Bagus! Tuan Yang di-Pertua, Syarikat United Engineers dan Syarikat Pilecon telah memberi alternative dengan dokumen. Tiap-tiap alternative mereka mengikuti dengan rekabentuk asal dan beritahu kepada kita manakah satu tempat yang mereka suka juga meminda sedikit dan beri kepada kita “alternative proposal” dengan rekabentuk, dengan harga, dengan “engineering proposals, dengan izin, seperti itu jugalah Pilecon. Tetapi apa yang diberikan oleh Tuan Hashbuddin dan syarikat beliau, saya ada semua di sini, seperti saya kata semalam satu muka sahaja—dua muka saya kata, itupun salah, tahu? Bukan dua muka, satu muka sahaja. Surat ini sahaja ada sedikit hubungan dengan tender dibiayai oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia dan selepas itu apa Encik Hashbuddin dan syarikat beliau telah beri, tidak ada apa-apa hubungan dengan tender, tidak mempunyai apa-apa rekabentuk, tidak mempunyai apakah cadangan beliau macam manakah akan mereka menjalankan cadangan dan beliau bukan beri satu.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Menteri ada tuduh rakan saya dari Tanjong yang ada “mislead this House”, dengan izin. Nampaknya bukan rakan saya dari Tanjong yang “mislead”, tetapi Yang Berhormat Menteri yang “mislead”. Apa yang ada dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya pada 1hb Julai, saya baca apa yang ada dalam Hansard, Tuan Speaker. Hari ini dia cakap ada lain surat yang ada dihantar oleh Hashbuddin, tetapi hari itu apa yang ada disuarakan oleh beliau:

“Tuan Yang di-Pertua, Hashbuddin yang lebih murah. Hashbuddin kata dengan \$3 billion dia boleh buat kerja. Tidak ada butir, tidak ada jaminan, tidak ada guarantee daripada bank, tidak

menyebut nama-nama bank, kita tidak tahu siapa yang akan memberi pinjaman kepada beliau. Dia hantar saya satu surat dengan dua muka sahaja, macam mana kita selesaikan satu projek berharga \$3.5 billion dengan dua muka surat? Sebab itu sahajalah kita telah membatalkan atau kita tolakkan tawaran daripada beliau”.

“Satu atau dua muka sahaja”. Hari ini lebih daripada itu. Dia mahu tunjuk hari ini ada lain surat atau dokumen-dokumen yang ada dihantar oleh Hashbuddin. Siapa yang “mislead”.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.....

**Tuan R. Karpal Singh:** ....siapa yang “mislead the House”? Lagi, Tuan Speaker, lagi penjelasan belum habis lagi.

Kelmarin Yang Berhormat Menteri ada terima cabaran oleh rakan saya dari Tanjong untuk kemukakan cakap apa yang beliau ada cakap dalam Dewan ini mengenai Hashbuddin, luar daripada Dewan ini oleh kerana itu boleh jadi satu peluang yang boleh diberi kepada Hashbuddin untuk tarik Menteri ini dalam mahkamah.

Tuan Speaker, dalam tahun 1982, 22hb Oktober, Menteri ini bila pun dia cakap, “saya berani, saya ada terima cabaran dalam masa dahulu dan boleh dalam masa hadapan”—22hb Oktober, 1982 barangkali.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang itu tak bersangkutlah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ada sangkut, Tuan Speaker. Ada sangkut sedikit. *(Ketawa)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak bersangkutlah, saya rasa.

**Tuan R. Karpal Singh:** Orang yang berani, orang yang cabar terima cabaran.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, lagi sedikit juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, yang bercakap tadi berkenaan dengan.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Inipun ada kaitan. Saya beri kaitan sekarang. Saya ada buat dalam Dewan yang mulia ini satu tuduhan atas Menteri ini ada tipu seorang mati.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.....

**Seorang Ahli:** Duduklah!

**Tuan R. Karpal Singh:** Jangan, bukan Tuan Speaker.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelutong, perkataan “tipu” tak boleh digunakan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya ada guna di sini, Tuan Speaker, dan selepas itu saya ada beri peluang, saya ada terima cabaran dari Menteri ini untuk cakap apa yang saya ada cakap dalam Dewan ini di luar. Saya ada cakap apa yang saya ada cakap dalam Dewan ini di Chinese Assembly Hall, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apa berkenaan benda yang hendak dibangkitkan.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Adakah Menteri ini.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelutong. Saya minta Yang Berhormat duduk apabila saya bercakap.

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkara-perkara hendak dibangkitkan daripada soalan-soalan ataupun hendak minta penerangan hendaklah daripada ucapan. Ucapan yang dicakapkan tadi

ialah bersangkutan-paut dengan Hashbuddin, bukan berkenaan dengan cabar-mencabar. Saya minta Yang Berhormat hentikanlah di atas ucapan itu. Yang Berhormat Menteri hendak jawab?

**Dato' S. Samy Vellu:** Ya!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker.....

**Dato' S. Samy Vellu:** Saya tak ada beri dia jalan sekarang, sebab saya hendak beri jawapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, dia tak ada beri oleh kerana dia takut.

**Dato' S. Samy Vellu:** Saya berani.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Oleh kerana dia takut, dia tidak mahu beri peluang sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelutong.....

**Dato' S. Samy Vellu:** Seorang peguam tak ada berani ambil saya pergi mahkamah.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat Menteri duduk!

**Dato' S. Samy Vellu:** ....sudah takutlah.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa jadi kes itu.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelutong.....

**Dato' S. Samy Vellu:** 5 tahun tak boleh ambil, saya pergi mahkamah—5 tahun.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat dari Jelutong.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya ada buat percakapan itu. Tuan Speaker, beri peluang.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelutong, saya minta Yang Berhormat.....

**Tuan R. Karpal Singh:** ....orang ini "singa" dalam Dewan ini .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelutong, saya tak benarkan.....

**Tuan R. Karpal Singh:** ....satu penakut dan satu penakut di sana pun.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat dari Jelutong keluar daripada Dewan ini!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, itu apa yang benar. Kami mahu tahu siapa "singa" di sini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Stand up, come on!

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Menteri jikalau berani, berhenti!

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat dari Jelutong keluar daripada Dewan.

**Beberapa Orang Ahli:** Keluar!

**Tuan R. Karpal Singh:** Siapa yang "mislead the House"? Apa yang ada dikatakan kelmarin, siapa mislead?

**Beberapa Orang Ahli:** Keluar!

**Tuan R. Karpal Singh:** ....orang yang jadi.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat dari Jelutong keluar!

**Beberapa Orang Ahli:** Keluar!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah minta Yang Berhormat dari Jelutong keluar. Saya menggunakan kuasa saya minta Yang Berhormat keluar daripada Dewan ini.

**Beberapa Orang Ahli:** Keluarlah!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tak payah Tuan Speaker untuk dikeluarkan, memberi perintah atau apa-apa, tetapi apa yang saya cakap benar. Bukan rakan saya dari.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau tidak saya akan menjalankan kuasa di bawah Peraturan 44.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tak payah itu, Tuan Speaker, tak payah. Tuan Speaker pun jadi seorang Hakim masa dahulu.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah, saya tahu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Guna keadilan Tuan Speaker.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Seorang Ahli:** Keluarlah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat itu keluar. Sila keluar.

**Tuan R. Karpal Singh:** Orang yang perlu keluar dari sana, bukan dari sini.

**Seorang Ahli:** Keluarlah!

**Tuan R. Karpal Singh:** Don't shout like that.

**Beberapa Orang Ahli:** Keluarlah!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan menamakan Yang Berhormat.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tak payah namakan. Apa yang saya mahu cakap di sini, saya mahu keluar sekarang, Tuan Speaker.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila keluar.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tetapi sebelum daripada saya keluar .....

**Beberapa Orang Ahli:** Keluarlah!

**Tuan R. Karpal Singh:** ....orang yang "mislead" dari sana, bukan dari sini.

**Beberapa Orang Ahli:** Keluarlah!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tak payah, inipun orang manusia, dia faham apa yang saya cakap sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bentara, sila jalankan. Sila jalankan, Bentara, jalankan perintah saya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tak payah, Tuan Speaker, saya keluar tetapi apa yang saya kata tadi.....

**Beberapa Orang Ahli:** Keluarlah!

**Tuan R. Karpal Singh:**....yang penakut di sana, orang yang "mislead the House" di sana, bukan di sini. Saya keluar, boleh keluar, tak payah.

*(Y.B. Tuan R. Karpal Singh keluar Dewan dengan diiringi oleh Bentara Mesyuarat).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap. Dia buat penjelasan tadi, bukan dia hendak jawab. Saya minta teruskan, selepas itu barulah ada penjelasan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat sesungguhnya, seperti apa yang saya katakan tadi seperti mana yang dituduhnya petang semalam, sekiranya pihak pembinaan Hashbuddin telah menyatakan bahawa beliau boleh membina lebuh raya itu dengan \$3 billion mengikut dengan rekabentuk yang dinyatakan oleh pihak Kerajaan, saya akan menerima tawaran yang berkenaan itu. Sungguh pun saya tahu setakat ini kontraktor yang berkenaan itu bukan sahaja menjalankan kerja-kerja sub-kontrak dan menurut keterangan yang diberi oleh kontraktor yang berkenaan kepada pihak United Engineers pada bulan Jun 1987, nilai bersih network syarikat itu hanya \$43,000 sahaja iaitu syarikat Hashbuddin, yang mana Yang Berhormat dari Tanjong berkata semalam, dia ada banyak pengalaman, dia ada ini, dia ada itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Ya, boleh.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak pernah berkata bahawa Hashbuddin banyak pengalaman, tetapi saya kata ada buat jalan, ada buat jambatan, tidak macam United Engineers. Bukankah benar United Engineers bukan sahaja tidak ada \$40,000 tetapi rugi \$100 juta.

Kedua, saya bukan di sini mewakili Hashbuddin, saya tidak menjadi wakil Hashbuddin. Saya tunggu sahaja Yang Berhormat Menteri masa datang untuk mengulangi di luar Dewan apa yang dia kata dan apa yang dia janji. Kalau tidak, dia pun berjanji akan meletak jawatan, itu sahaja.

**Dato' S. Samy Vellu:** Itu boleh, bila-bila masa pun boleh. Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat telah juga mengatakan bahawa pihak pembinaan Hashbuddin Malaysia Bhd. tidak meminta apa-apa sokongan kewangan dari Kerajaan. Kenyataan Ahli Yang

Berhormat itu juga adalah misleading Dewan yang mulia ini. Tidaklah benar bahawa pihak yang berkenaan tidak meminta apa-apa pertolongan kewangan. Pihak itu berkehendakkan refinance guarantee oleh Kerajaan. Mereka juga berkehendakkan cost overrun dan juga bayaran bagi kekurangan dalam hasil kutipan.

Pada masa penerimaan tawaran yang berkenaan, hanya firma Pilecon dan United Engineers telah mengemukakan cadangan mengikut rekabentuk yang disediakan oleh pihak Kerajaan iaitu mengikut prosedur tender biasa. Hanya cadangan mereka berdua sahaja yang boleh diberi pertimbangan oleh pihak Kerajaan. Mereka juga telah mengemukakan cadangan-cadangan alternative dengan secara detail yang boleh dipertimbangkan. Selepas kajian yang teliti oleh Jawatankuasa yang berkenaan daripada beberapa segi, seperti dari segi teknikal dan mutu lebuh raya, kewangan, kos, penglibatan Kerajaan dan sebagainya, didapati cadangan yang dikemukakan oleh United Engineers seperti alternative B adalah terbaik dan mendapat manfaat kepada Kerajaan menerimanya.

Saya suka menegaskan bahawa cadangan yang berkenaan itu menemui segala spesifikasi teknikal dan kosnya adalah rendah, \$1 billion jika dibandingkan dengan cadangan yang diterima oleh pihak Lembaga Lebuh raya Malaysia. Satu...

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Ya, saya mahu beri penjelasan sekarang kepada Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya hendak memberi penjelasan kepada angka itu.

**Dato' S. Samy Vellu:** Ya, ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan mengenai angka itu.



**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukankah benar bahawa tawaran United Engineers mengikut design asal LLM ialah \$4.5 billion tetapi alternative proposal ialah \$3.4 billion iaitu ada alternative proposal syarikat-syarikat yang lain. Sebab itu tidak boleh disifatkan bahawa cadangan ini adalah lebih murah daripada \$1 billion oleh kerana design proposal berbeza.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu, saya suka memberi sedikit angka iaitu, dengan izin, criteria United Engineers' proposal dan juga Pilecon's proposal—Sepanjang lebuhraya itu dicadangkan oleh United Engineers (UEM), 503+ kilometer tetapi Pilecon 495 kilometer. Cadangan daripada UEM ialah termasuk bersama jalan Senai ke Johor Bahru dan Pilecon tidak mengikut cadangan itu. Cost of construction, harga pembiayaan dengan confirming bid iaitu bid yang kita beri \$3,840 juta iaitu UEM dan juga \$3,867 juta untuk Pilecon dan alternative B iaitu daripada UEM \$3,400 juta atau \$3.4 billion dan daripada Pilecon \$3,372 juta iaitu kurangnya lebih kurang \$28 juta. Tetapi Pilecon, alternative, unacceptable, dengan izin, because it reverts to single carriage ways in many stretches and deletes some interchanges. Apabila mereka mengikut dengan rekabentuk, sudah sampai sahaja satu-satu tempat, mereka kata mereka suka juga membuat dua hala tetapi dua lorong.

Mengikut dengan cadangan-cadangan dan cadangan ini ditimbang oleh Jawatankuasa. Period of completion iaitu 5 tahun untuk UEM dan 4 tahun untuk Pilecon. 5 tahun dengan UEM sebabnya mereka ada juga memasukkan cadangan daripada Senai ke Johor Bahru. Mengenai toll rate, iaitu toll rate yang dicadangkan oleh UEM iaitu

7.5 sen dan toll rate yang dicadangkan oleh Pilecon 7 sen untuk kereta. Untuk medium truck, 15 sen daripada UEM, 14 sen daripada Pilecon. Heavy vehicles 22.5 sen daripada UEM dan 21 sen daripada Pilecon.

Komen-komen daripada Jawatankuasa Lebuhraya, dengan izin, both rates are reasonable, not much different but we have to decide according to the Cabinet's proposal. Cabinet insisted that no rate shall be more than 6 cents per kilometre. Kita tidak boleh menerima 7.5 sen yang dicadangkan oleh UEM atau Pilecon.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukankah benar bahawa Jawatankuasa Penilaian (Valuation Committee) yang membuat komen-komen mengenai apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri bukan sahaja menyebut kepada tawaran kadar tol UEM dan Pilecon tetapi ada juga menyebut Hashbuddin. Ketiga-tiga menjadi subject of comment. Kenapa sekarang baru kata mengenai dua sahaja?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya sudah terangkan tadi, cadangan daripada Hashbuddin, kita tidak menerima sebab beliau tidak memberi rekabentuk dan juga butir-butir berkenaan cadangannya. Tiada apa-apa rekabentuk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau begitu, kenapa tawaran Hashbuddin menjadi tajuk komen oleh Jawatankuasa Penilaian yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri. Ketiga-tiga syarikat mengenai tawaran, kos, pinjaman, semua ada satu perbandingan (comparison). Bukankah itu benar?

**Dato' S. Samy Vellu:** Itu benar jugalah. Saya bukan tipu orang, seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong. Dia pun tak tahu apa tipu bererti. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menerima ketiga-tiga cadangan daripada ketiga-tiga syarikat, dan daripada 5 itu, 2 kita tolak, sebab-sebabnya apa saya kata tadi. Daripada tiga, dua iaitu mengikuti dengan cadangan diberi oleh LLM (Lembaga Lebuhraya Malaysia).

Satu ialah Hashbuddin—ada di sini. Syarikat Hashbuddin—ada tiga di sini. Syarikat Hashbuddin—total cost of project iaitu dia kata, “Total construction cost, redesign—\$3 billion”, itu sahaja. Dan period of construction, dia kata 4 tahun. Tetapi dia tidak kata, apakah rekabentuk mereka mengikuti seperti apa saya kata tadi.

Toll rate atau kadar tol, beliau kata 5 sen sekilometer dan 6 sen kepada jenis yang kedua dan jenis yang ketiga 12 sen. Ini bererti, dia kata daripada tahun 1989, dengan izin, type one will increase 7 cents per kilometre, type two will increase subsequently. Jadi, satu tahun mula-mula dia beri 5 sen. Tahun 1989 sahaja dia naik kepada 7 sen balik lagi. Tidak ada apa-apa perbezaan di antaranya. Satu tahun jadi tahun permulaan. Tahun permulaan mana ada jalannya, Tuan Yang di-Pertua. Lebih-lebih satu tahun, saya percaya kalau kontraktor itu dengan pengalaman, ada juga pengalaman dengan manpower dan finance beliau, lebih-lebih satu tahun dia boleh buat lebih kurang 25 kilometer atau 30 kilometer—dengan pengalaman yang saya punyai sebagai seorang dalam bidang teknik itu.

Tuan Yang di-Pertua, semua cadangan-cadangan dibuat oleh Encik Hashbuddin atau Syarikat Hashbuddin itu, apa dia kata, dengan izin, “Total funds to be committed, approximately \$4.5 billion in U.S.”—Yen, Malaysian Ringgit. Total fund commitment—\$4.5 billion—dalam U.S. dollarkah, Japanese Yenkah atau Malaysian Ringgit? Lagi dia kata “To obtain Government financial support to

maintain level of toll revenue as projected revenue guarantee”. Serupa jugalah—emak sama anak perempuan, kedua-dua pun perempuan sahaja, satu emak, satu anak, tetapi satu sedikit tua, satu sedikit muda. (*Ketawa*)—Macam ini, Tuan Yang di-Pertua, ini untuk penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat. Saya tidak mahu nafikan apa-apa daripada pengalaman Ahli Yang Berhormat iaitu saya tidak mahu beritahu sama dia apa-apa keterangan palsu, dengan izin, “It is not my intention to mislead you and I am not to give you anything other than what is right”.

Tuan Yang di-Pertua, financial proposal iaitu semua cadangan-cadangan kewangan, UEM minta offshore loan—dia kata dia dapat offshore loan \$1.7 billion dan Pilecon kata offshore loan \$500 juta sahaja. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Onshore loan \$1.7 billion dan Pilecon \$500 juta. Offshore loan \$5.06 billion (\$5,060 juta) dan Pilecon, cadangan daripada syarikat itu \$1,000 juta. Equity dividend iaitu syarikat itu telah mencadangkan equity dividend \$440 million iaitu 20% daripada UEM, \$393 million iaitu 25% daripada Pilecon.

Government loan—minta daripada Kerajaan, \$2,673 million permintaan daripada UEM dan \$2,568 million iaitu permintaan daripada Pilecon. Dan payment of Government loan. Macam manakah akan bayar balik pinjaman-pinjaman itu? Mereka minta—permintaan terakhir iaitu \$1,422 juta MPV dan akan bayar balik daripada tahun 17 hingga 22 iaitu cadangan daripada UEM. Tetapi daripada cadangan Pilecon iaitu mereka minta \$1,306 juta dan bayar daripada tahun 11 hingga 25 tahun. Jadi, mereka memakan masa lebihkurang 14 tahun.

External risk guarantee. External risk, Tuan Yang di-Pertua, apa yang diminta oleh United Engineers ialah 35% external guarantee pada masa dahulu. Tetapi masa sekarang dia kata

jikalau ada juga Kerajaan memberi external guarantee, mereka akan bayar balik external guarantee itu. Bukannya kita bagi percuma kepada mereka. Pilecon telah meminta Government to compensate, Kerajaan mesti bayar ganti rugi kepada mereka. Inilah satu perbezaan antara mereka.

Traffic forecast. Tuan Yang di-Pertua, traffic forecast daripada UEM (United Engineers Malaysia) 4% ke 6% daripada tahun 1985 ke 1994 tetapi cadangan daripada Pilecon 9% ke 13%. Ini bererti daripada tahun 1985 ke 1994 mereka berfikir mereka boleh mendapat satu kadar traffic forecast yang tertinggi daripada apa yang dicadangkan oleh Syarikat UEM. Jadi, jikalau kita menerima cadangan-cadangan daripada Pilecon, betullah saya bersetuju dengan Yang Berhormat, kita mesti bayar \$2.2 billion kepada Pilecon tiap-tiap tahun, tetapi bukan kepada UEM.

Untuk mendapat satu keterangan yang betul, satu keterangan yang lebih adil, saya tidak mahu minta daripada UEMkah, daripada Pileconkah, dari siapa-siapa atau LLM. Sebab itulah saya minta Jabatan Perdana Menteri untuk memberi kelulusan kepada saya yang mana saya melantik sebuah Syarikat iaitu Rendell, Palmer & Traiton. Mereka memberi satu laporan sekarang. Laporan itu baru kita meneliti dalam Kementerian saya yang mana saya mendapat tahu apa dicadangkan oleh UEM, apa dicadangkan oleh Pilecon, saya percaya kedua-dua pun—Pilecon yang paling tinggi, UEM tinggi, tetapi apa yang dicadangkan oleh jurutera perunding itu adalah lebih munasabah. Jadi, dalam masa akan datang 25 tahun kita tidak payahlah bayar apa-apa ganti rugi atau guarantee kepada syarikat UEM. Bukan ini sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Tadi Yang Berhormat Menteri berkata untuk tempoh 25 tahun. Bukankah

concession sudah dilanjut kepada 30 tahun, yang pertama. Yang kedua, Yang Berhormat Menteri ada menyebut mengenai kajian traffic forecast yang dibuat oleh British Consultants. Bukankah benar bahawa traffic forecast ini lebih mirip, lebih dekat dengan kajian yang dibuat oleh LLM apabila dibanding dengan UEM dan adakah bukan lagi benar bahawa ada dua fasa, satu fasa 17 tahun di mana Kerajaan guarantee traffic flow, kalau ada shortfall, Kerajaan akan membayar difference. Mengikut kajian UEM dalam 17 tahun ini mereka boleh dapat lebihkurang \$18 billion tetapi mengikut LLM ialah \$12 billion dan mengikut kajian yang dibuat oleh British Consultants baru-baru ini lebih kurang \$13 billion. Lagi, bukankah benar untuk concession 30 tahun, kajian yang dibuat oleh UEM ialah bahawa mereka boleh dapat gross toll collections \$54 billion dalam 30 tahun tetapi mengikut LLM, mengikut traffic flow ialah \$30 billion dan mengikut British Consultants \$45 billion.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

**Dato' S. Samy Vellu:** Seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi sebahagian itu ada betul. Sebahagian tidak. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Mana yang tidak betul.

**Dato' S. Samy Vellu:** Sebahagian yang betul itu forecast dan pendapat-pendapat daripada tol itu iaitu lebih kurang \$50 bilion, betul. Tetapi traffic forecast yang dicadangkan atau diberi oleh Rendel, Palmer dan Tritton jikalau kita compare bersama-sama dengan LLM, LLM untuk tahun permulaan, tiga tahun bersama daripada tiga tahun hingga 25 tahun, LLM yang paling rendah. Apa yang dikatakan oleh LLM, satu contoh, pada masa sekarang daripada Alor Setar ke Gurun mengikut jalan lama

kita ada 6,550 kereta sahaja bilangan kenderaan. LLM kata pada 30 tahun akan datang pun kita ada 6,500 kereta sahaja. Ini betulkah atau tidak. Itulah salah yang terbesar telah berlaku. Saya telah meneliti tiap-tiap muka—tiap-tiap muka, Tuan Yang di-Pertua (*Tepuk*). Dengan izin, I want to be very sure that I don't sign a false document. Itulah sebab itu juga. . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*).

**Dato' S. Samy Vellu:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Minta jalan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Daripada hujah Yang Berhormat tadi itu kita nampak LLM itu tidak berguna, tidak ada kepakaran dalam ramalan traffic. Itukah makna Yang Berhormat?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, dua, tiga tahun yang lalu saya sakit perut sedikit. Saya pergi klinik Yang Berhormat. Dia beri saya ubat sakit perut itu pun tidak hilang. (*Ketawa*) Dua, tiga hari lepas itu saya pergi lain doktor, hari itu dia beri saya ubat, sakit perut sudah hilang. (*Ketawa*) Ini bukan berertinya doktor ini tidak baik. (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Itu satu perbandingan yang tidak wajar. (*Ketawa*) Ini hal kejuruteraan, hal ramalan lalulintas—hal ramalan lalulintas. Jadi Yang Berhormat berpendapat bahawa kita adakan Lembaga Lebuhraya Malaysia itu tidak guna, sia-sia sahaja kerana tidak mempunyai kepakaran.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya beri satu contoh sahaja. Bukanlah berertinya semua jurutera-jurutera yang berdaftar di dalam

tanahair ini apabila sahaja dia kata macam perkataan itu daripada Tuhan, kita mesti menerima, tidak. Kita manusia, tiap-tiap kali apabila kita buat ujian bukan berertinya ujian, daripada satu kejuruteraan kepada kejuruteraan yang lain bukan sama.

Jadi saya terangkan sedikit apa perbezaan di antara agensi-agensi Kerajaan yang kita punyai. Apabila saya rujuk kepada ujian yang dibuat oleh JKR selain daripada LLM. Jadi itulah satu contoh saya beri, bukan berertinya LLM selalu dia salah. Saya cakap ada juga LLM salah, ada juga Menteri Kerjaraya salah, ada juga Yang Berhormat dari Kepong buat juga salah sedikit di sini sana. Saya kata kita semua manusia, kadangkala ada salah, kadangkala ada betul. Itu sahaja. Satu pandangan saya beri mengapa kita melantik seorang jurutera daripada luar negeri, itu sahaja sebab.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai kajian British Consultant mengenai traffic forecast yang ada dibuat dan mengikut apa Yang Berhormat Menteri ada kata sebelum menandatangani kontrak akan mengikut perakuan-perakuan British Consultant ini, adakah UE akan menerima traffic forecast yang dibuat oleh British Consultant dan tentu tanpa apa-apa perubahan kepada design, tanpa apa perubahan kepada concession period, tanpa apa perubahan kepada tempoh jaminan Kerajaan dan tempoh untuk penyiapan lebuhraya dan pembinaan penyiapan lebuhraya adakah UEM menerima?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melantik Jurutera Perunding itu saya sudah pun beri amaran kepada UE. Saya akan menimbang—amaran kepada UEM, amaran kepada LLM dan juga

amaran kepada semua pihak yang ada bertanggungjawab dalam perkara ini.

Saya akan menerima laporan ini jikalau laporan itu apa yang terkandung dalam laporan itu semua pihak mesti menerima dan mereka menerima. Berkenaan dengan tambahan untuk kutipan itu, saya suka jelas sedikit kepada Yang Berhormat, mula-mulanya apabila kita beri kontrak kepada mereka, kita beri semua dokumen kepada mereka dan mereka hantar balik kepada kita dengan alasan-alasan mereka meminta 7.5 sen. 7.5 sen dengan menaikkan kadarnya tiap-tiap tahun 10%. Jikalau tahun 1989 7.5 sen, tahun 1990 lagi 10% lebih daripada kadar dan kita cadang untuk tiga tahun akan datang apabila siapnya kerja ini, tiga tahun permulaan itu 6 sen sahaja, tidak boleh menaikkan apa-apa kadar. Sebab itu United Engineers akan rugi \$44 juta. Dan juga bersama-sama itu ada juga lain kira-kiranya berapa yang mereka rugi dan satu penjelasan daripada Kementerian jikalau kita memanjangkan kepada 30 tahun, dalam 30 tahun itu kita tidak menaikkan seperti apa yang mereka cadang pada asal, itulah perbincangan yang telah berlaku dalam Kementerian. Ini ada banyak butir-butir, bukan satu atau dua, ada banyak butir-butir berkenaan dengan cadangan itu, jadi cadangan iaitu lebih daripada \$3 bilion. Kita mesti mengambil perhatian iaitu apabila kita jawab kepada mereka kita menerima, kita mesti beritahu kepada mereka ini sahajalah Kerajaan boleh memberi. Kalau suka dia ikuti dengan janji. Pada masa sekarang pun, Tuan Yang di-Pertua, kita belum beri kepada United Engineers "A Letter of Acceptance", kita belum beri lagi, Letter of Intent sahaja. Letter of Intent apabila Kerajaan mengambil perhatian apa permintaan daripada United Engineers tidak munasabah batalkan letter itu, tidak ada apa-apa ganti rugi daripada kita.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukankah benar bahawa sekarang Kerajaan sudah bersetuju bahawa kadar tol yang ada disebut oleh Yang Berhormat Menteri tiga tahun yang permulaan 1987 kepada 1989 ialah 6 sen dan untuk tahun 1990 7.5 sen, tahun 1991—8.25 sen, tahun 1992—9.1 sen dan 1993—10 sen. Dan selepas itu satu tahun naik 5% sehingga akhirnya akan sampai kepada 32.25 sen.

Adakah Yang Berhormat Menteri sedar itu adalah sangat tinggi. Sekarang kadar tol ialah 2.5 sen dan ini pun merupakan satu guarantee oleh Kerajaan bahawa tol ini, tingkat tol ini akan dikenakan, kalau tidak dikenakan Kerajaan akan bayar ganti rugi. Bukan? Dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa kadar tol ini terlalu tinggi dan mungkin lagi tiga tahun, empat tahun Kerajaan oleh kerana akan menghadapi tentangan rakyat jelata, oleh kerana begitu tinggi dan mungkin Kerajaan tidak mampu melaksanakan dengan tol yang begitu tinggi itu dan akhirnya siapa akan rugi, Kerajaan oleh kerana syarikat itu kita mahu ganti rugi.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kadar-kadar tol seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tadi adalah perkara yang masih dalam perbincangan. Tetapi bukan kita menetapkan bagi mula dari tahun 1987 iaitu 6 sen dan pada tahun 1990 akan menjadikan 7½ sen lagi. Itu belum ditetapkan. Saya belum ada apa-apa ketetapan. Tetapi mereka ialah concessionaire contractors, mestilah mereka minta 20 atau 30 perkara tetapi Kerajaan bukan bodoh menerima atau menandatangani sahaja semua permintaan, ada dalam perbincangan itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kenapa Yang Berhormat Menteri dan Kerajaan tidak menetapkan bahawa tol tidak tinggi daripada 5 sen sekurangnya untuk 10 tahun. 5 sen. Bukankah benar bahawa sebelum proses penswastaan, United Engineers dalam bulan Ogos, 1985 ada buat satu tawaran kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengswastakan Lebuhraya Utara/Selatan dan dalam cadangan itu mereka ada menawarkan tol 5 sen se kilometer. Kenapa sekarang membenarkan mereka naik ke 6 sen, 7 sen hingga akhirnya 32.25 sen sedangkan mereka dalam tahun 1985 boleh menawarkan 5 sen sahaja.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1985 saya sedar dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat, ada juga cadangan daripada Syarikat United Engineers bukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Menteri Kewangan telah menghantarkan cadangan itu kepada Kementerian saya. Saya mengemukakan cadangan itu kepada Jemaah Menteri di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata projek seperti ini tidak boleh ditimbangan walaupun kita sudah baca semua kandungan-kandungan dalam cadangan itu. Dan selepas itu kita telah menggunakan cadangan-cadangan mereka dan kita membuat tender baru. Jadi apa yang dicadangkan oleh United Engineers pada tahun 1985 adalah sedikit selain daripada apa yang kita ikuti sekarang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa pula perbezaan itu.

**Dato' S. Samy Vellu:** Perbezaan itu United Engineers telah meminta ada juga banyak di bahagian-bahagian jalan tidak payahlah kita membina dua hala 6 lorong atau 4 lorong. Mereka

kata ada juga cadangan-cadangan seperti dari Pagoh ke Air Hitam. Mereka kata 2 hala 2 lorong, sudah cukup. Tetapi kita tidak bersetuju dengan cadangan itu dan mereka kata ada juga banyak di antara interchange iaitu grid separated interchange. Tidak payahlah kita buat traffic signal. Fikiran saya buat Lebuhraya dari Utara/Selatan dan buat traffic signal mengapa orang menggunakan lebuhraya? Inilah cadangan-cadangan ada perbezaan di antara cadangan asal dan juga cadangan pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, mana saya lepas. . . . (*Ketawa*) . . . . selepas kajian teliti oleh Jawatankuasa berkenaan daripada beberapa segi seperti dari segi teknikal dan mutu lebuhraya seperti apa yang saya katakan tadi iaitu kewangan, kos, penglibatan Kerajaan dan sebagainya adalah merupakan cadangan yang dikemukakan oleh United Engineers seperti Alternatif B seperti apa yang saya sudah terangkan.

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga menyatakan bahawa traffic projection yang disebutkan oleh United Engineers adalah terlalu tinggi. Itu pun saya sudah beri keterangan tadi. Projection yang dikemukakan oleh pihak United Engineers memandangkan soal traffic projection untuk masa akan datang anggaran-anggaran dan tiada siapa pun boleh beri guarantee akan traffic flow yang akan berlaku. Sebab itulah saya minta consultant atau jurutera perunding mengkaji dan dari penjelasan yang diberi saya tidak nampak bagaimana Ahli Yang Berhormat boleh mengatakan—sekarang ini serius punya projection. Bahawa jika pihak concessionaire ini diberi pengswastaan ini akan menjadi satu skandal yang lebih besar daripada skandal BMF dan juga bagaimana perkara ini boleh jadi bukan privatisation tetapi piratisation. Hanya bagi mereka yang tidak tahu

atau sengaja tidak mahu tahu akan faktor-faktornya sahaja berpendapat demikian.

Semalam juga, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari kawasan Tanjong telah menyatakan dengan meluas terhadap UMNO. Ini satu bahagian yang lebih mustahak terhadap UMNO. Terhadap Hatibudi serta pemilihan Syarikat Hatibudi.

Yang Berhormat juga telah menuduh bahawa pemilik-pemilik syarikat itu adalah terdiri daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Selanjutnya beliau mengatakan bahawa Hatibudi adalah sebuah syarikat kepunyaan UMNO. Saya berasa amat hairan terhadap kekurangan pengetahuan Yang Berhormat tentang perjalanan sesebuah syarikat. Hatibudi adalah sebuah syarikat yang berdaftar dengan Pendaftar Syarikat dalam tahun 1984. Dan bahawa pemilik sahamnya adalah terdiri daripada Encik Halim bin Saad dan Encik Anwar bin Othman. Syarikat ini adalah ditubuhkan oleh UMNO dengan tujuan untuk melaksanakan polisi-polisi Kerajaan mengenai penyertaan sepenuhnya bumiputera di bidang perdagangan, perindustrian dan perniagaan. Sebuah parti politik yang ditubuhkan di dalam negara ini tidaklah unik untuk mencapai matlamat-matlamatnya dengan membantu ahli-ahlinya. Ianya memang telah diamalkan sejak merdeka lagi.

Menyentuh tentang persoalan conflict of interest, walaupun Yang Berhormat dari Tanjong telah menyatakan beberapa kali terhadap UMNO, beliau sendiri masih belum dapat membuktikan bahawa conflict of interest telah wujud di mana ianya digunakan untuk menjadikan seorang individu itu kaya-raya.

Yang Berhormat dari Tanjong telah bertanya semalam sama ada Hatibudi itu adalah sebuah syarikat yang

dimiliki oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya sungguh-sungguh berasa terkejut bahawa seorang individu yang memegang jawatan sebagai Ketua Pembangkang dan juga seorang peguam dan kawan baik saya, sanggup membuat tuduhan yang sedemikian tanpa terlebih dahulu menentukan sama ada fakta itu benar ataupun tidak. Adalah amat mudah untuk seorang menyemak maklumat-maklumat tersebut daripada Pendaftar Syarikat.

Saya boleh memberitahu di sini bahawa Syarikat Hatibudi bukanlah concessionaire yang telah menawarkan kerja pengswastaan tersebut. Concessionaire yang menyertai tender tersebut ialah United Engineers yang mana separuh dari ahlinya terdiri dari Hatibudi iaitu satu syarikat yang dinaungi oleh UMNO dan ianya diuruskan oleh dua orang Pengarah iaitu Encik Halim dan Encik Anwar. Walau bagaimanapun, memandangkan syarikat ini adalah dipunyai oleh masyarakat yang terdiri daripada lebih daripada satu juta orang ahli, ianya perlulah diuruskan di bawah kepercayaan orang-orang tertentu yang mempunyai kedudukan yang baik. Syarikat ini sudah tentu mempunyai kepentingan dan di bawah jagaan amanah, bukan sahaja oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Encik Daim Zainuddin tetapi juga Yang Berhormat Dato Musa Hitam sehingga tarikh 31-3-87. Ianya juga di bawah kepentingan dan jagaan—amanah Setiausaha Agung UMNO Yang Berhormat Datuk Seri Sanusi bin Junid. Jadi keempat-empat orang ini telah menjadi pemegang amanah kepada syarikat ini. Sewajarnya jugalah saya membawa kepada perhatian Yang Berhormat dari Tanjong tentang pemilik-pemilik saham United Engineers berserta dengan Hatibudi.

United Engineers Berhad yang pemilik sahamnya adalah seperti berikut:

<i>Pemegang Saham</i>	<i>Bilangan Saham Biasa</i>	<i>Peratusan</i>
1. Hatibudi Sdn Bhd .. .. .	62,500,000	50%
2. United Engineers Ltd .. .. .	34,562,879	27.65%
3. Permodalan Bumiputra Sabah Bhd .. .. .	2,151,000	1.72%
4. Hong Kong & Shanghai Bank (KL) Nominees Sdn Bhd	1,997,500	1.60%
5. Pelaburan Amanah Nasional Bhd .. .. .	435,000	0.35%
6. Kompleks Kewangan Industries-Sdn Bhd ..	601,000	0.48%
7. Lembaga Tabung Angkatan Tentera .. .. .	500,000	0.40%
8. Mayban Nominees Sdn Bhd .. .. .	443,500	0.35%
9. Southern Nominees Sdn Bhd .. .. .	401,000	0.32%
10. Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA) Sarawak	384,000	0.32%
11. Hong Kong & Shanghai Bank (S'pore) Nominees Bhd (Ptd) Ltd	309,000	0.25%
12. Malaysia National Insurance Sdn Bhd .. .. .	267,000	0.21%
13. Amanah Saham Mara Bhd .. .. .	198,000	0.16%
14. Other Shareholders (Pemegang Saham itu daripada pihak-pihak yang lain)	20,250,121	16.20%

Jadi, 125 juta saham ialah dipegang oleh beberapa syarikat. Untuk menjawab, nanti saya ambil lagi satu surat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Okay, penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana sekurang-kurang 3 orang pemimpin UMNO yang menjadi pemegang amanah dalam Syarikat Hatibudi yang sekarang menguasai United Engineers, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ini akan menimbulkan soalan-soalan mengenai conflict of interests? Adakah apabila perkara kontrak kepada United Engineers dibangkit dalam Kabinet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri

Kewangan dan Yang Berhormat Menteri Pertanian yang ada peranan dalam Hatibudi mengambil bahagian dalam keputusan-keputusan untuk mengesahkan pemberian kontrak \$3.4 billion kepada United Engineers, sekurang-kurangnya di peringkat Letter of Intent, sungguhpun belum sign—saya dengar lagi satu minggu mahu sign—dan adakah untuk mengatasi kekeliruan ini bahawa Yang Berhormat Menteri mengikut contoh yang dibuat di dalam bulan April di mana untuk mengatasi kemungkinan "improper suspicion" bahawa adalah pemberian award yang tidak patut bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju declassify semua dokumen-dokuman mengenai Proton Saga, mengenai Penang Bridge dan mengenai Dayabumi? Adakah Yang Berhormat Menteri akan



membawa ke Kabinet supaya declassify semua dokumen-dokumen mengenai North/South Highway Contract.

**Dato S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya kata tadi, saya telah menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat. Selanjutnya saya suka menerangkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa 4 orang pemimpin dan tokoh-tokoh UMNO telah menjadi pemegang amanah kerana mereka masih menjadi pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai yang dipercayai oleh UMNO sebagai Ketua Parti, Timbalan Ketua Parti, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung, iaitu tokoh-tokoh parti yang saya sebutkan tadi. Saham ini tidak didaftar di atas nama mereka sendiri. Mereka tidak menjalankan pentadbiran syarikat itu. Mereka hanya menjaga kepentingan ahli-ahli yang melabur di dalam syarikat ini sebagai pemegang amanah. Esok, tahun ini tidak jadi, kalau 3 tahun akan datang, jikalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan tokoh-tokoh UMNO ini sekiranya tidak memegang jawatan itu mereka tidak akan menjadi pemegang amanah itu lagi kepada syarikat. Tuduh menuduh atas nama peribadi mereka adalah senang, tetapi untuk mengetahui keadaan yang sebenarnya adalah amat sukar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Declassify.

**Dato S. Samy Vellu:** Oh, boleh! Seperti apa yang saya kata kepada Yang Berhormat tadi, semua dokumen-dokumen berkenaan dengan ini saya boleh beri kepada Yang Berhormat untuk mengadakan satu pameran di Kementerian saya. Yang Berhormat boleh datang ke Kementerian saya, tengoklah, saya pameran satu hari. Jamuan makan pun saya akan sediakan kepada Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Termasuk kontrak yang belum disign?

**Dato S. Samy Vellu:** Mengenai termasuk kontrak belum disign, itu saya mahu mendapat kebenaran daripada Jemaah Menteri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik, harap boleh dibangkitkan dalam mesyuarat yang akan datang.

**Dato S. Samy Vellu:** Okay. Yang Berhormat juga menyatakan. . . . .

**Tuan Hu Sepang:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Rasah ada bangun.

**Tuan Hu Sepang:** Minta penjelasan.

**Dato S. Samy Vellu:** Yes, kawan!

**Tuan Hu Sepang:** Adakah sambutan daripada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya itu mungkin merupakan satu perangkap kepada kita supaya mengenakan OSA?

**Dato S. Samy Vellu:** Apa itu?

**Tuan Hu Sepang:** Perangkap kita dengan OSA.

**Dato S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, OSA—pada masa dahulu sebelum ada OSA ada banyak rahsia. Sudah ada undang-undang OSA sekarang tidak ada rahsia lagi, kita bukan cop tiap-tiap dokumen. Kita cari dokumen mana satu yang rahsia. Itu sahaja kita cop. Sekarang semua dokumen sudah terbuka, sesiapa pun boleh baca, jadi OSA lebih berfaedah kepada rakyat jelata daripada tidak ada OSA.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tawaran Yang Berhormat Menteri tadi yang akan membolehkan saya membuat satu penglihatan atau "sight" dan mengkaji semua dokumen-dokumen. Saya akan

membuat satu appointment dalam 2, 3 hari.

**Dato S. Samy Vellu:** Terima kasih. Yang Berhormat juga telah menyatakan bahawa Syarikat United Engineers ialah satu syarikat yang insolvent, dengan izin. Suka saya menyatakan di sini bahawa United Engineers pada masa ini sedang mempunyai baki wang tunai sebanyak \$30 juta dan sejumlah \$35 juta lagi yang perlu dipungut, receivable, dengan izin. Berbanding dengan United Engineers, syarikat pembinaan Hashbuddin mempunyai nilai bersih, net worth, dengan izin, iaitu \$43,000 sahaja sewaktu mengemukakan tender. Maklumat ini hanyalah satu contoh yang kecil sahaja mengenai syarikat pembinaan Hashbuddin.

Yang Berhormat dari Tanjung juga telah bercakap mengenai skandal tadi dan beliau telah. . . .

**Dr Eng Seng Chai:** Minta penjelasan.

**Dato S. Samy Vellu:** Ya!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat minta penjelasan, saya baru nampak Yang Berhormat dari Petaling Jaya datang. Kelmarin Yang Berhormat dari Petaling Jaya telah menggunakan perkataan "dia belum masuk sekolah" terhadap Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan. Dengan ini Yang Berhormat dari Petaling Jaya telah melanggar Peraturan Mesyuarat 36 (4) dan 41 (e). Sekarang saya minta lagi sekali kepada Yang Berhormat dari Petaling Jaya menarik balik perkataan yang digunakan itu.

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, yang awak kata mengikut Penyata Rasmi Parlimen itu tidak berapa betul. Saya suruh dia balik sekolah, belajar. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat.

**Dr Eng Seng Chai:** . . . . fasal dia (Timbalan) Menteri baru dan tidak berapa fasih dengan hal ehwal Kementeriannya dan fasal soalan-soalan kita sudah diketepikan dan kita. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, duduk!

**Dr Eng Seng Chai:** Mereka pun tidak berapa faham apa yang kita sudah cakap, itu fasal saya suruh dia balik kepada Kementerian belajar lagi. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat saya sudah kata, duduk! Saya akan keluarkan Yang Berhormat dari Dewan. Duduk sekarang!

**Dr Eng Seng Chai:** Saya menjelaskan apa yang disebutkan di sini tidak berapa betul.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat keluar dari Dewan (*Tepuk*) sekarang juga. Saya minta Yang Berhormat keluar dari Dewan.

**Dr Eng Seng Chai:** Mana ada Usul, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak payah usul.

**Dr Eng Seng Chai:** Mesti ada usul.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak payah usul.

**Dr Eng Seng Chai:** Mengikut Peraturan mesti ada usul.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Bentara, sila mengekskortkan. (*Tepuk*)

**Dr Eng Seng Chai:** Suruh dia orang balik sekolah belajar lagi sekali, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, lagi satu perkataan, saya akan namakan Yang Berhormat. Yang Berhormat hendak usul? Satu perkataan lagi dari Yang Berhormat, saya akan bawa usul di sini. Keluar dengan tidak ada apa-apa lagi. Sekarang juga.

**Tuan Hu Sepang:** Sekarang sudah sampai. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Diam, Yang Berhormat dari Rasah.

*(Dr Eng Seng Chai keluar dari Dewan).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, teruskan. Ringkaskan sedikit. Yang Berhormat sudah lama sangat, 1½ jam.

**Dato' S. Samy Vellu:** Yang Berhormat dari Tanjong juga bercakap mengenai, dengan izin, bukannya "privatisation" tetapi "piratisation". Saya patut menyatakan di sini, menegaskan bahawa Syarikat Hashbuddin mengemukakan satu muka surat seperti apa saya kata tadi, bukan itu sahaja. Surat tersebut mempunyai sedikit kaitan dengan cadangan standard tersebut. Walau bagaimanapun, beliau telah yang kemukakan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia 10 jilid katalog, saya tunjuk kepada Yang Berhormat di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit masa sebab di sini ada perkara-perkara yang lebih mustahak kepada Kerajaan. 10 buku-buku seperti ini menunjukkan gambar, nama syarikat dan juga annual report of company—10 buku. Saya tak boleh ambil tadi sebab saya seorang, susah hendak mengambil 10 buku. Ini bila Yang Berhormat datang pun saya boleh tunjuk semua buku-buku ini. Beliau

telah mengemukakan kepada jilid-jilid ini dan ada di sini, saya boleh mengadakan satu pameran sekiranya Yang Berhormat dari Tanjong seperti saya kata tadi.

Selanjutnya suka saya menjelaskan lagi tentang Syarikat Hashbuddin tentang mengemukakan tender tersebut. Syarikat Hashbuddin tidak mematuhi barang seinci pun peraturan tender yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kerjaraya. Syarikat Hashbuddin telah mencadangkan satu cadangan yang baru dan berasingan tanpa memberikan maklumat-maklumat yang terperinci tentang cadangan sebanyak \$3 billion. Syarikat Hashbuddin tidak mengemukakan reka-bentuk berdasarkan kepada reka bentuk yang dicadangkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia. Dalam keadaan yang sedemikian sekiranya seseorang itu perlu menimbang cadangan seseorang lebuhraya yang bermutu tinggi ia sekarang-kurangnya hendaklah diberi peluang untuk melihat bagaimanakah rupanya huraian tersebut. Seperti pepatah Ingeris, dengan izin: When we ask for a horse, we are not even sure of getting a donkey atau ertinya, apabila kita mahu beli seekor kuda, kita belum tentu untuk mendapat seekor keledai. Dengan yang demikian, kita bertanya kepada Ahli Yang Berhormat siapakah sebenarnya yang telah memperdayakan Dewan yang mulia ini? Saya sungguh menghargai ucapan Yang Berhormat. Ada juga banyak kandungan-kandungan mesti mendapat penjelasan daripada saya. Dalam untuk yang sama, Yang Berhormat juga harus menyedari bahawa faktor yang sebenarnya itu adalah menjadi kriteria yang penting.

Mengenai persoalan tender tersebut, saya suka menegaskan bahawa negara ini mengamalkan free enterprise, dengan izin. Kerajaan tidak menghalang mana-mana pihak untuk menjalankan perniagaannya. Apa yang penting bukanlah sama ada

syarikat tersebut dipunyai oleh siapa. Saya minta Ahli Yang Berhormat dengan penjelasan yang saya berikan tadi dan apa yang saya janjikan tadi, saya akan memberi satu pameran bersama-sama dengan briefing kepada Yang Berhormat, saya percaya Yang Berhormat boleh juga mendapat lebih butir-butir berkenaan dengan tender ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, banyak juga Ahli-ahli lain yang telah bercakap iaitu Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bukit Bintang dan Ahli Yang Berhormat dari Bagan, kawasan Marang, Sabak Bernam dan kawasan Lembah Pantai dan juga Ahli Yang Berhormat dari Larut telah di antara lain membangkitkan mengenai Lebuhraya Utara/Selatan itu. Beberapa perkara saya akan menimbang.

Saya berjanji kepada Ahli Yang Berhormat dan juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Ahli Yang Berhormat boleh ambil akuan ini dari saya. Apabila kerja ini dimulai kita boleh tetapkan siapa akan menjadi kontraktor, walaupun kita sudah beri letter of intend. Dengan letter of intend kita akan bincangkan dengan mereka dengan lebih teliti sebelum kita menandatangani, tetapi ada juga perkataan daripada ucapan Yang Berhormat semalam, ada juga arahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jangan menandatangani. Betul. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi arahan kepada saya jangan menandatangani apa-apa perjanjian tanpa satu penilaian yang betul, janganlah beri kerja ini kepada siapa-siapa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Bukankah satu tarikh sudah ditetapkan untuk menandatangani perjanjian ini lagi satu minggu?

**Dato' S. Samy Vellu:** Bukan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa tarikh itu?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tarikh belum lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan sudah ditetapkan?

**Dato' S. Samy Vellu:** Belum ditetapkan lagi. Inilah khabar-khabar palsu (*Tepuk*). Saya ada juga, banyak di antara pegawai-pegawai di sini/sana mereka tidak puas hati sebab tender-tender ini semua saya kunci dalam case saya. Mereka mahu baca ini, mahu baca itu, ambil ini, ambil itu, semua sekarang tak laku sebab saya sendiri jadi jaga. Saya sudah jadi jaga sekarang (*Ketawa*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Saya tanya oleh kerana saya sendiri sekarang ada vested interest bila Yang Berhormat Menteri mahu menandatangani. Saya mahu datang menjadi seorang saksi.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu menandatangani dalam beberapa hari akan datang. Selepas Yang Berhormat datang ke Kementerian, itu saya akan menetapkan satu tarikh untuk menandatangani. Walaupun kita mahu menandatangani perjanjian itu tetapi saya mahu dapat satu laporan yang betul dan satu ketetapan yang sebenarnya boleh memberi hasil kepada tanahair kita, baru kita akan menandatangani. Tetapi kepada Ahli Yang Berhormat ada juga apa-apa perkara lagi berkenaan dengan Lebuhraya Utara/Selatan, tak payahlah, tunggu sampai Majlis Dewan yang mulia ini. Boleh menulis surat kepada saya, sebagai Ketua Pembangkang bila-bila pun boleh berjumpa. Saya hati banyak baik punya orang (*Ketawa*), dalam Dewan ini satu orang sahaja belum mengerti saya, iaitu Yang Berhormat dari Jelutong sahaja belum mengerti saya lagi. Macam-macam dia kata, saya

hormat sama dia, sebab itu saya tak mahu cakap.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sukalah mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan telah memberi pandangan-pandangan atas Kementerian saya dan sekian yang dapat saya menjawab teguran, komen, syor-syor Ahli-ahli Yang Berhormat ketika membahaskan Rang Undang-undang Jalan Persekutuan. . . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun. Yang Berhormat dari Pasir Mas.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Penjelasan, sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri Kerjaraya sangat baik hati, adakah hendak menjemput pihak DAP sahaja, bagaimana dengan kami semua? Jadi, saya bimbang, takut kalau semua DAP nanti pergi, dengan Yang Berhormat Menteri sekali dimakannya. Saya rasa elok kita jemput semua sekali. (*Ketawa*)

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi penjelasan kepada Ketua Pembangkang dahulu, selepas itu saya beri satu penjelasan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat biasa.

Kepada komen-komen, teguran-teguran dan syor-syor Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya sentuh akan diambil perhatian, di mana-mana yang didapati sesuai tindakan sewajarnya akan diambil. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(*Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 4* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL-USUL

### JAWATANKUASA PERTUBUHAN ANTARA PARLIMEN- PARLIMEN ASEAN (AIPO)

5.40 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya memohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan sebuah Jawatankuasa mengandungi seorang Presiden dan 11 orang Ahli Parlimen hendaklah dilantik untuk menjalankan semua urusan Pertubuhan Antara Parlimen-Parlimen ASEAN (AIPO) Malaysia bagi tempoh Parlimen Ketujuh, dan untuk menjalankan segala perlantikan-perlantikan wakil-wakil bagi menghadiri mesyuarat-mesyuarat persidangan AIPO atau mana-mana Jawatankuasanya:

(1) Yang Berhormat Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji

- Ismail, Yang di-Pertua Dewan Rakyat—(Presiden);
- (2) Yang Berhormat Dato' Chan Siang Sun, Menteri Kesihatan;
  - (3) Yang Berhormat Dato' K. Pathmanaban, Timbalan Menteri Kesihatan;
  - (4) Yang Berhormat Tuan Railey bin Jeffrey, Timbalan Menteri Penerangan;
  - (5) Yang Berhormat Dr Siti Zaharah binti Sulaiman, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri;
  - (6) Yang Berhormat Dr Leo Michael Toyad, Timbalan Menteri Pendidikan;
  - (7) Yang Berhormat Tuan Adam bin Kadir, Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dan
  - (8) Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi;
  - (9) Yang Berhormat Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman;
  - (10) Yang Berhormat Tuan Ismail @ Mansor bin Said;
  - (11) Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw;
  - (12) Yang Berhormat Tuan Teoh Teik Huat.

Tuan Yang di-Pertua, usul seperti ini telah pun dibuat dan diterima oleh Dewan yang mulia ini pada 2hb Disember, 1982 untuk Parlimen yang Keenam. Kita haruslah menetapkan kedudukan Jawatankuasa ini untuk Parlimen yang Ketujuh. Hanya keahlian Jawatankuasa diubahsuakan mengikut keahlian Dewan sendiri pada masa ini.

Pertubuhan Antara Parlimen-parlimen ASEAN (AIPO) telah

diwujudkan di Manila pada bulan September, 1977. Sejak kewujudan AIPO itu, kerjasama di antara Dewan-dewan Parlimen di negara-negara ASEAN telah pun diperkuatkan dengan beberapa perjumpaan dan perbincangan. AIPO telah menyumbang banyak juga untuk menyedarkan rakyat negara-negara ASEAN terhadap tujuan-tujuan besar ASEAN itu.

AIPO telah di antara lain berusaha dalam tempoh masa empat-lima tahun yang lalu untuk mengkaji dan menyelaraskan undang-undang dan tindakan dalam bidang mencegah dan menghapuskan pengedaran dan penagihan najis dadah, dalam bidang pengawalan ke atas binatang-binatang liar atau, dengan izin, wild life dan sebagainya.

Perbincangan-perbincangan di AIPO mengenai perdagangan, permodalan intra ASEAN dan beberapa bidang kerjasama di antara negara-negara ASEAN dan sebagainya telah juga, saya rasa, membantu usaha-usaha di peringkat ASEAN yang bertujuan mengeratkan lagi kerjasama sosio-ekonomi ASEAN. AIPO telah juga berusaha untuk menyedarkan Ahli-ahli Parlimen di negara-negara yang mempunyai, dengan izin, "dialogue status" dengan ASEAN seperti Japan, Australia, New Zealand, Amerika Syarikat serta juga Ahli-ahli Parlimen Eropah mengenai isu-isu politik dan ekonomi yang dalam perhatian kita di ASEAN. Pendek kata, AIPO sedang menjadi satu-satunya institusi yang bernilai dalam meningkatkan nilai, tindakan dan imej ASEAN.

Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, Dewan Rakyat kita sendiri menjadi Presiden AIPO dan kita sedang merancang pada masa ini untuk mengadakan Persidangan AIPO yang Kesembilan di Malaysia dalam bulan Januari, 1988. Masalah-masalah pilihan di Parlimen seperti di negara

Filipina telah melambatkan Persidangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul ini disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan.

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan sebuah Jawatankuasa mengandungi seorang Presiden dan 11 orang Ahli Parlimen hendaklah dilantik untuk menjalankan semua urusan Pertubuhan Antara Parlimen-parlimen ASEAN (AIPO) Malaysia bagi tempoh Parlimen Ketujuh, dan untuk menjalankan segala perlantikan-perlantikan wakil-wakil bagi menghadiri mesyuarat-mesyuarat persidangan AIPO atau mana-mana Jawatankuasanya:

- (1) Yang Berhormat Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, Yang di-Pertua Dewan Rakyat—(Presiden);
- (2) Yang Berhormat Dato' Chan Siang Sun, Menteri Kesihatan;
- (3) Yang Berhormat Dato' K. Pathmanaban, Timbalan Menteri Kesihatan;
- (4) Yang Berhormat Tuan Railey bin Jeffrey, Timbalan Menteri Penerangan;
- (5) Yang Berhormat Dr Siti Zaharah binti Sulaiman,

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri;

- (6) Yang Berhormat Dr Leo Michael Toyad, Timbalan Menteri Pendidikan;
- (7) Yang Berhormat Tuan Adam bin Kadir, Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah;
- (8) Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi;
- (9) Yang Berhormat Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman;
- (10) Yang Berhormat Tuan Ismail @ Mansor bin Said;
- (11) Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw; dan
- (12) Yang Berhormat Tuan Teoh Teik Huat.

## AKTA ACARA KEWANGAN 1957

### Menambah Butiran Baru: "Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan"

5.45 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dengan ini, mengikut Seksyen 10 (4) (a) Akta Acara Kewangan 1957, membuat ketetapan seperti berikut:

- (a) bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran baru seperti berikut:

"Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan; dan

- (b) bahawa ketetapan ini dianggap telah berkuatkuasa mulai daripada 1hb Januari, 1987.

Mengikut peruntukan seksyen 10 (4) (a) Akta Acara Kewangan, 1957, Dewan Rakyat boleh, dari semasa ke semasa dengan satu ketetapan, meminda, memotong atau menambah Jadual Kedua Akta tersebut.

Kerajaan bercadang menubuhkan satu Tabung Pusingan di bawah seksyen 10 (4) (a) Akta Acara Kewangan, 1957 yang dinamakan "Tabungan Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan" bagi membiayai pengajian penuntut-penuntut untuk mengikuti kursus-kursus yang sesuai dengan keperluan tenaga manusia negara.

Bagi memulakan Tabung ini, 80% daripada peruntukan biasiswa bagi program baru iaitu sebanyak \$26,927,033 yang diluluskan di bawah Anggaran Perbelanjaan 1987 akan dimasukkan ke dalam Tabung tersebut. Daripada peruntukan ini, Kerajaan dijangka dapat menaja seramai 8,263 orang penuntut di bawah skim pinjaman ini.

Sebahagian besar daripada pinjaman ini adalah untuk pengajian di institusi tempatan kerana jumlah pinjaman kepada seorang penuntut tidak begitu tinggi sekiranya dibandingkan dengan pinjaman untuk pengajian di luar negeri.

Kerajaan akan terus memberi biasiswa kepada penuntut yang mencapai keputusan akademik yang paling cemerlang dan yang mengikuti kursus-kursus priority atau keutamaan yang diperlukan oleh Kerajaan dan negara. Ini adalah untuk memastikan keperluan tenaga terlatih oleh pihak Kerajaan sentiasa dapat dipenuhi. Di bawah skim ini Kerajaan akan membahagikan pinjaman pelajaran kepada dua kategori seperti berikut:

- (i) Skim Pinjaman Bolehubah di mana peminjam boleh dipertimbangkan pembayaran balik pinjaman sebanyak 25% daripada keseluruhan pinjaman

sekiranya mencapai keputusan akademik sebagaimana yang ditetapkan.

- (ii) Skim Pinjaman Biasa yang memerlukan penuntut-penuntut membayar balik 100% pinjaman yang diterima setelah menamatkan pengajian mereka.

Adalah dijangkakan pemberian pinjaman pelajaran ini nanti akan dapat mengurangkan bebanan Kerajaan untuk menanggung perbelanjaan pelajaran dalam jangka masa panjang, apabila peminjam-peminjam membayar balik pinjaman tersebut. Walau bagaimanapun, di bawah Skim Pinjaman Bolehubah yang dicadangkan ini, penuntut hanya dikehendaki membayar balik 25% daripada pinjaman yang diberi. Oleh yang demikian, Tabung Pusingan ini masih memerlukan peruntukan kewangan daripada Kerajaan pada setiap tahun sehingga ia dapat menjadi satu tabung yang self-financing, dengan izin.

Skim Pinjaman Pelajaran ini juga akan menggantikan Skim Dermasiswa sebelumnya yang masih lagi dapat berperanan dalam pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB), di mana penuntut-penuntut bumiputera yang mengikuti kursus bukan priority, dengan izin, dapat meneruskan pengajian mereka di institusi-institusi pengajian tinggi dengan bantuan Kerajaan. Di samping mengurangkan beban kewangan Kerajaan pemberian pinjaman pelajaran ini juga akan dapat menimbulkan kesedaran dan tanggungjawab kepada penuntut-penuntut dalam menentukan kejayaan mereka di dalam bidang pelajaran mereka.

Pinjaman Pelajaran Bolehubah sudah pasti akan menjadi faktor dorongan bagi penuntut-penuntut untuk menamatkan Kursus Pengajian mereka dalam tempoh yang



ditetapkan serta mencapai kelayakan akademik yang memuaskan, sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Kerajaan akan menentukan jumlah pinjaman kepada seseorang penuntut berdasarkan kepada kemampuan ibubapa. Pinjaman untuk menampung kos pengajian sepenuhnya hanya akan diberi kepada penuntut-penuntut yang ibubapanya tidak berkemampuan. Bagi penuntut-penuntut yang ibubapanya berkemampuan, Kerajaan akan hanya memberi pinjaman untuk menampung sebahagian daripada kos pengajian mereka. Ini adalah bertujuan untuk mendapatkan sumbangan dan kerjasama di kalangan ibubapa yang berkemampuan untuk turut sama membiayai kos pengajian anak-anak mereka dan tidak semata-mata bergantung kepada Kerajaan sahaja.

Penuntut-penuntut yang melanjutkan pelajaran mereka di bawah Skim Pinjaman akan mendapat kebebasan untuk berkhidmat dengan mana-mana pihak tanpa terikat dengan perkhidmatan Kerajaan. Oleh itu di samping Kerajaan dapat memenuhi keperluan tenaga manusia untuk sektor awam, ianya juga dapat memenuhi keperluan tenaga manusia terlatih untuk negara keseluruhannya. Memandangkan kepada beban kewangan Kerajaan yang tinggi dalam membiayai pengkajian penuntut-penuntut dan juga kebaikan-kebaikan yang akan diperolehi dengan Skim Pinjaman Pelajaran ini, maka adalah perlu bagi sesebuah Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan ditubuhkan berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1987 untuk membolehkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pertahanan memberi bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman kepada penuntut-penuntut tanpa dikenakan sebarang cagaran, sebarang faedah dan bayaran perkhidmatan. Tabung Pusingan

Pinjaman Pelajaran Persekutuan ini akan digunakan bersama oleh JPA, Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Pertahanan dan bagi maksud pengurusan dan kawalan tabung tersebut tiga akaun amanah yang berasingan akan diwujudkan. Dengan demikian JPA, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pertahanan boleh dipertanggungjawabkan atas pengurusan dan pengendalian akaun amanah masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bukit Bintang!

5.57 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan usul ini secara ringkas.

Saya menyokong usul:

- (a) bahawa Jadual Kedua kepada Akta Acara Kewangan 1957 dipinda untuk menubuhkan Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan; dan
- (b) bahawa ketetapan ini dianggap telah berkuatkuasa mulai daripada 1hb Januari, 1987.

Adalah menjadi pandangan saya supaya Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan ini ditadbirkan dengan penuh adil bagi membantu kesemua penuntut-penuntut yang sangat-sangat memerlukan bantuan untuk memajukan pelajaran mereka tanpa mengira kaum. Penubuhan Tabung ini adalah sangat wajar dengan masanya untuk membantu

semua pelajar yang memerlukan dan yang menghadapi masalah kewangan bagi meneruskan pelajaran mereka.

Tadi saya mendengar bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada menerangkan bahawa pihak Kerajaan bercadang untuk menggunakan skim pinjaman ini untuk membiayai biasiswa-biasiswa, untuk membolehkan para penuntut mengikuti kursus-kursus dengan tujuan ataupun selaras dengan dasar untuk latihan tenaga di negara kita. Cuma satu perkara yang saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu, sama ada pihak swasta diajak untuk menyumbang kepada Tabung Pusingan ini sebagai usaha untuk membantu lanjutan pelajaran untuk tujuan dan objektif yang tadi telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Yang akhirnya, saya juga suka mencadangkan di sini, bahawa apabila Tabung ini telah ditubuhkan dan beroperasi sepenuhnya, maka Kementerian yang berkenaan hendaklah menyediakan dan mengemukakan laporan dari masa ke semasa di Parlimen mengenai pengurusan tabung ini, untuk pengetahuan semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.59 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta membahaskan satu Akta Acara Kewangan Jadual Kedua seksyen 10 (4) (a), bagi tujuan untuk menubuhkan Tabung Pusingan Pelajaran Persekutuan dan di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik beberapa perkara untuk pertimbangan pihak Kerajaan.

Pertama, kita mengalu-alukan langkah Kerajaan untuk menubuhkan Tabung Pusingan Pinjaman Persekutuan ini bagi tujuan mungkin untuk menggantikan sistem dermasiswa yang diamalkan selama ini bagi membantu pelajar-pelajar kita melanjutkan pelajaran keluar negeri.

Dalam perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik kepada empat perkara yang pertama, dalam kita menentukan pelajar-pelajar diberi peluang untuk mendapat pinjaman daripada Tabung ini ialah memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar supaya apabila mereka memperolehi pinjaman dan setelah lulus mendapat ijazah ataupun sebagainya supaya ada komitmen bagi mereka membayar balik pinjaman yang telah diberikan. Ini bagi membolehkan pelajar-pelajar yang akan datang menikmati kemudahan yang sama oleh kerana bidang pinjaman ataupun kemudahan biasiswa pelajaran mungkin makin sehari tidaklah semudah yang pernah kita perolehi di tahun-tahun yang lalu.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal menentukan siapakah yang perlu mendapat pinjaman ini, memang pada prinsipnya kita menyokong ianya harus didasarkan kepada kriteria tertentu, terutamanya dari segi kelulusan pelajar masing-masing serta bidang-bidang kursus yang diperlukan untuk memenuhi kehendak tenaga manusia bagi membangunkan negara ini, tetapi kita sedar bahawa pelajar-pelajar bumiputera masih lagi ketinggalan dalam bidang pelajaran tinggi, terutamanya dalam bidang-bidang profesional ataupun ilmu teknologi yang boleh diperolehi daripada luar negeri. Oleh sebab itulah Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan ini haruslah memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar bumiputera, lebih-lebih lagi kepada pelajar-pelajar yang datang daripada keluarga miskin, keluarga yang tidak berupaya yang kita dapati

sekarang ini sudah ada anak-anak Melayu kita, anak-anak bumiputera kita hasil daripada kemajuan pelajaran yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan selama ini, terutama di luar bandar, sudahpun boleh maju dan berupaya bertanding dengan lain-lain pihak, malah kita dapati jika diberi peluang yang secukupnya, anak-anak Melayu mendapat kelulusan yang tinggi apabila menduduki peperiksaan. Ini terbukti amat nyata beberapa tahun kebelakangan ini anak-anak Melayu telah mendapat bukan sahaja keputusan yang cemerlang, tetapi memenangi beberapa medal yang dikeluarkan oleh universiti-universiti, terutamanya di United Kingdom dan Amerika Syarikat. Maka sebab itulah saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat dan pihak Kerajaan supaya menentukan Tabung Pusingan Pinjaman ini dapat memberi erti kepada sumbangan untuk meningkatkan lagi pelajaran dan pendidikan anak-anak bumiputera sesuai dengan kehendak memenuhi matlamat dan Dasar Ekonomi Baru.

Yang ketiga, dalam menarik perhatian kesedaran para pelajar, pelajar-pelajar yang akan berkesempatan menerima pinjaman ini juga harus diberi kesedaran yang secukupnya, iaitu apabila mereka memperolehi pinjaman dan mendapat kelulusan kelak. Ini tidak bererti bahawa mereka akan memperolehi jaminan pekerjaan sebagaimana yang lazimnya.

Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini mengenai dengan peristiwa tunjuk perasaan yang diadakan pada 27hb Jun, 1987, bertempat di Lemal, Pasir Mas di waktu sehari sebelum pilihanraya kecil Bukit Tuku. Pelajar-pelajar ataupun siswazah-siswazah yang mengambil bahagian ini adalah terdiri daripada siswazah-siswazah

yang menganggur, yang tidak ada pekerjaan. Saya kita tidak ada pihak yang tidak bersimpati dengan siswazah-siswazah ini, lebih-lebih lagi apabila mereka pulang ke tanahair untuk berdikari mencari nafkah hidup menampung keperluan keluarga, terutamanya anak dan isteri ataupun sebagainya, tetapi langkah yang mereka ambil semata-mata kerana masalah pengangguran adalah satu tindakan yang kita kira bertentangan dengan idealisme perjuangan siswazah ataupun pelajar-pelajar waktu berada di menara gading. Pelajar-pelajar patut diberi peluang memperolehi pinjaman melalui Tabung ini adalah harus terdiri daripada pelajar-pelajar yang mempunyai idealisme cita-cita nasional negara, iaitu mereka diberi pinjaman dan mereka harus membayar balik pinjaman dan mereka harus kembali untuk membangunkan negara ini dengan semangat yang berdikari dan dengan kemampuan yang diberi kepada mereka untuk memperolehi pendidikan yang tinggi. Adalah sesuatu yang amat kesal kalaulah mereka bertindak semata-mata kerana masalah pekerjaan yang mereka perlukan di mana kita turut bersimpati, tetapi amat memalukan, amat mengaibkan bagi generasi muda yang diberi pelajaran yang begitu tinggi, manakala negara kita kaya dengan berbagai bahan mentah, berbagai kemudahan infrastruktur pembangunan dan masih banyak peluang-peluang yang ada di sekitar, tidak mampu tampil hadapan untuk membuktikan kepada masyarakat bahawa negara selama ini telah berkorban begitu banyak untuk menampung pelajaran mereka dan mereka haruslah mampu menunjukkan budi mereka kembali dengan berdikari dan sambil berdikari dapat membayar balik pinjaman yang telah diperolehi daripada Tabung ini, mudah-mudahan nanti pelajar-pelajar lain pula mendapat peluang yang sama untuk mengikuti jejak langkah mereka yang diberi peluang ini.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa yang saya sebutkan tadi sekali gus juga mencerminkan bahawasanya pelajar-pelajar yang dihantar ke luar negeri mungkin tidak diberi kesedaran yang secukupnya, walaupun saya percaya memang pihak Kementerian Pendidikan, pihak JPA ataupun mana-mana agensi yang mengendalikan ataupun menghantar pelajar-pelajar luar negeri mengadakan berbagai-bagai kursus. Walau bagaimanapun, saya percaya mereka yang mengambil bahagian ini mungkin telah dihasut oleh pihak-pihak tertentu bagi mempengaruhi suasana pilihanraya di Bukit Tuku, sebab ianya diadakan di saat-saat para pengundi hendak membuang undi di waktu pilihanraya kecil Bukit Tuku baru-baru ini. Penjelasan ini perlu diberi oleh kerana ianya berlaku di sempadan kawasan yang saya wakili, iaitu di Pasir Mas.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyatakan pandangan ini supaya Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan kali ini yang akan dianjurkan ini dengan memakan belanja yang tidak sedikit, ianya dapat diertikan dalam ertikata yang sepenuhnya untuk kepentingan para pelajar dan pembangunan negara pada masa akan datang.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini bagi meminda seksyen 10 (4) (a) Akta Acara Kewangan, 1957 bagi tujuan menubuhkan Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kepong.

6.08 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, tujuan penubuhan nilai tabung sumber asal dan pada hari ini kelak dan terutama sekali syarat-syarat kegunaan Tabung Pusingan ini

perlu diteliti. Sekian lama ini perhatian banyak tertumpu kepada pemberian biasiswa di peringkat Kerajaan Persekutuan, sementara pinjaman pelajaran dari sektor ini adalah sama ada bagi penuntut-penuntut ITM atau wujud apabila penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri menghadapi kenaikan yuran, seperti dalam tahun 1982 \$3 juta disediakan bagi penuntut-penuntut Malaysia di Britain dan baru-baru ini \$250,000 disediakan bagi mereka yang belajar di Australia.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan Kerajaan untuk mengadakan satu Tabung Pusingan Pinjaman ini sudah agak terlewat, akan tetapi ia merupakan satu langkah yang baik ke arah yang betul. Walaupun lewat, tetapi langkah ke arah yang betul juga. Mengadakan Tabung ini akan menjimatkan perbelanjaan tahunan Kerajaan yang memerlukan kira-kira \$100 juta setahun. Kami sekurang-kurangnya dapat menjimatkan sebahagian daripada \$1.2 billion dalam pertukaran asing setiap tahun bagi pembiayaan pelajar-pelajar kita di luar negeri. Yang perlu ditekankan di sini, memang ada setengah-setengah pemegang biasiswa daripada negara ini yang tidak berusaha, berikhtiar dengan bersungguh-sungguh di luar negeri sehingga membazirkan wang rakyat. Wang yang diijamatkan ini boleh juga dilaburkan kepada projek-projek lain yang akan mendatangkan kadar pulangan sosial yang lebih tinggi dari pemberian biasiswa yang didapati hanya membawa kadar pulangan kurang daripada 5%. Aspek inilah yang tidak dititikberatkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi. Sungguh malang, kerana beliau nampaknya tidak begitu faham dari segi kewangan Tabung Pusingan ini.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, apa fasal apabila dia sedang berucap dia alih-alih menyentuh Pasir Mas ini? (*Ketawa*) Saya rasa Yang Berhormat dari Kepong ini tiada modal, jadi alih-alih dia pusing kepada Pasir Mas.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, dia hanya menyentuh apa yang Yang Berhormat kata tadi. Itu tidak salah.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kita ini tahu menggunakan masa, kita menyebut hanya perkara-perkara yang kita rasa perlu dan kita tinggalkan sedikit kerana takut Ahli Yang Berhormat dari Kepong tiada modal. Kalau kita beri peluang, janganlah hendak mengada-ngada pula.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas itu kadang-kadang langkahnya tidak begitu bijak. Saya hanya menyentuh kekurangan fahaman beliau ke atas aspek kewangan bagi Tabung Pusingan kerana aspek kewangan ini adalah penting. Saya tiak dengar dia menyebutkan, kita boleh mengurangkan pertukaran asing. Mungkin dia tidak tahu. Sebab dalam universiti pada beberapa tahun yang lepas, dia hanya kacau sahaja di dalam universiti. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak payahlah Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat dari Kepong hendak kena sepak. Apa "kacau-kacau universiti" ini? Saya ada di Dewan yang mulia ini, saya mewakili kawasan saya dan saya

bercakap apa yang saya patut cakap. Nampaknya dia henak personalise pula, ini kacau.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan, Yang Berhormat, Jangan usik dia.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dia ingat hendak sepak orang situ, dia hendak sepak orang sini. Saya kata ini Dewan yang mulia, takkan hendak sepak orang dengan kehendak sahaja. Di Universiti dahulu itu, dia buat begitu. Sebab itulah nampaknya, dia tidak begitu minat hendak mempelajari . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Sudahlah. Teruskan, Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat dari Marang pun bangun juga.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak, dia bangun untuk lain. Yang Berhormat teruskan, habiskan ucapan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Kerajaan sudah sedar sejak awal-awal lagi akan betapa membebankan untuk membiayai pemberian biasiswa setahun demi setahun, negara kita mungkin tidak perlu membuat pinjaman dari luar dan dalam negeri yang begitu banyak seperti yang terjadi sekarang di mana rakyat terpaksa menanggung beban hutang luar yang terkumpul sejumlah \$51 billion. Itulah sebab saya kata Yang Berhormat dari Pasir Mas dan Marang pun kurang faham dalam hal ini. Bagi dia hutang luar negeri tidak. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, apa kena mengena dengan Marang, saya tidak bercakap pun atas tajuk ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia silap, Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Minta dia minta maaf, saya tuntutan dia minta maaf. Saya tidak bercakap lagi. Tunggulah saya bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak apa Yang Berhormat, dia silap nama sahaja, Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Silap, tidak mengapa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan, Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Sebab itulah dia dari kawasan "marah", bersikap begitu—memang dari kawasan "marah"nya.

Dengan hutang luar negeri yang terkumpul sejumlah \$51 billion dan dalam negeri sebanyak \$45.698 billion, menjadikan hampir \$100 billion jumlah hutang. Terlalu banyak. Perbelanjaan yang kurang sihat ini juga dengan secara tidak langsung mencatatkan kebolehan Kerajaan untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan menyelesaikan masalah pengangguran graduan dan siswazah yang berpuluh-puluh ribu itu. Setakat ini dianggarkan lebih kurang 36,000 siswazah yang menganggur. Itu pun Yang Berhormat dari Pasir Mas kurang faham.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Kepong, bukan saya tidak faham hal kewangan. Saya yakin kepada pihak Kerajaan mengenai hal-hal menguruskan soal kewangan ini. Sebab itu saya tidak menyentuh soal kewangan. Apakah Yang Berhormat dari Kepong merasa kesal apabila Kerajaan membelanjakan wang beratus juta ringgit untuk menghantar

pelajar-pelajar ke luar negeri? Adakah Yang Berhormat dari Kepong kesal? Kalau kesal, tolong nyatakan kesal, supaya seluruh pelajar-pelajar di tanahair ini tahu bahawa Yang Berhormat dari Kepong tidak mempunyai isi hati, perasaan bersimpati dengan pelajar-pelajar miskin untuk mendapat biasiswa daripada Kerajaan. Faham?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, saya membenarkan Yang Berhormat melanjutkan ucapan dengan tidak menyentuh Pasir Mas ataupun Marang. Teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan menyentuh, cuma hendak sebutkan sedikit iaitu saya suka sentuh hal pengangguran siswazah, tetapi terbang ke Amerika pula dia, jadi susah sedikit hendak bercakap begitu.

Saya akan menyentuh mengenai pelajar-pelajar miskin dalam beberapa minit lagi. Dengan pengangguran siswazah yang berpuluh-puluh ribu orang, itu menjadikan masalah sosio-ekonomi yang serius. Semua ini berlaku, pada pendapat saya, diakibatkan oleh sikap Kerajaan yang tidak begitu teratur, sikap yang tidak begitu munasabah, yang tidak dapat menyelidik dengan teliti sama ada pelajar-pelajar di dalam dan di luar negeri sekarang ini memenuhi keperluan gunatenaga negara. Itu satu bidang, satu aspek yang hendaklah dititikberatkan. Kita hendak mengetahui tenaga kerja di negara ini. Kajian dengan teliti dan MAMPU pun hendaklah ada di dalam kajian itu. Aspek ini adalah penting di dalam usaha untuk membahaskan Tabung Pusingan ini dengan lebih bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, setakat menukar biasiswa menjadi pinjaman adalah tidak cukup. Kerajaan harus mengubah pandangannya terhadap membenarkan universiti-universiti

asing menubuhkan cawangan-cawangan mereka di Malaysia seperti yang dicadangkan oleh Universiti Murdoch di Australia Barat.

Di sini saya hendak menekankan, kita hendaklah meneliti dengan lebih mendalam sama ada negara ini mempunyai suasana yang sesuai, mempunyai syarat-syarat yang sesuai, untuk membenarkan universiti antarabangsa, universiti asing yang mempunyai taraf yang tinggi untuk menubuhkan cawangan di Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ringkaskan Yang Berhormat, kita tidak ada banyak masa.

**Dr Tan Seng Giaw:** Banyak lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Cuba.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya akan cuba berikhtiar. Pandangan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan, Datuk Wira Abdul Rahman Arshad yang mengatakan bahawa Kerajaan tidak akan membenarkan universiti-universiti asing menubuhkan cawangan-cawangan mereka di Malaysia kerana negara kita sudah pun mempunyai bilangan kolej swasta yang mencukupi bagi kursus-kursus "A" Level ataupun kursus yang setanding dengan STPM (Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia) . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya beri 5 minit lagi, Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Macam mana, Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Cuba Yang Berhormat, kalau cuba boleh.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tabung pusingan yang akan . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sekarang Yang Berhormat buang masa sahaja, teruskan—5 minit.

**Dr Tan Seng Giaw:** Pandangan Ketua Pengarah tersebut amatlah salah dan mengecewakan. Sekurangnya beliau hendaklah mempunyai sikap yang lebih liberal, lebih terbuka untuk mempertimbangkan perkara seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan harus sedar bahawa di negara Jepun sendiri universiti-universiti Amerika Syarikat telah membina sekurang-kurangnya 60 buah cawangan di sana yang termasuk universiti-universiti terkemuka seperti Harvard dan Stanford. Kerajaan Jepun bukan sahaja mengharapkan penubuhan cawangan-cawangan seperti ini akan menjimatkan perbelanjaan menghantarkan rakyat sendiri ke Amerika Syarikat, akan tetapi juga ingin membuka peluang-peluang pendidikan ini kepada penuntut-penuntut dari negara lain termasuk daripada ASEAN. Mereka ada buat perjanjian untuk menerima pelajar-pelajar daripada Asia terutamanya ASEAN. Itulah satu perbuatan negeri Jepun untuk menarik perhatian, untuk menarik wang daripada negara-negara lain.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Untuk penjelasan. Apakah Yang Berhormat daripada Kepong sekarang bersetuju dengan dasar "Pandang ke Timur"?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat ada beri jalan atau tidak?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Lain kali Yang Berhormat minta dahulu, dapat kebenaran dahulu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sebab Yang Berhormat dari Pasir Mas membuang masa saya, saya memerlukan banyak masa lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tengok, Yang Berhormat. Macam ini.....

**Dr Tan Seng Giaw:** Dia cakap Pandang ke Timur.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Kalau hendak Pandang ke Timur, jadi satu aspek yang positif ini kita hendak pandanglah. Bukan sahaja pandang, kita hendak mempunyai sikap hendak belajar yang baik. Yang Berhormat dari Pasir Mas pandang yang buruk sahaja semata-mata.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, jika Kerajaan tidak keberatan untuk menjalankan rancangan-rancangan "twinning" (kembar) amalan universiti kembar dengan universiti-universiti asing, misalnya "twinning programme" di antara MBA, Ohio University dengan ITM di sektor swasta pada kebelakangan dua tahun ini, apakah sebab-sebab bagi keenggannya untuk mengkaji terlebih dahulu kebaikan mengadakan cawangan universiti-universiti asing yang mempunyai taraf antarabangsa di Malaysia?

Berbalik kepada syarat-syarat kegunaan Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran, kami selalu menyeru Kerajaan supaya melakukan pemilihan mereka yang berjaya menerima pinjaman dan biasiswa dengan adil dan saksama. Pemilihan calon yang berjaya seharusnya diasaskan kepada pencapaian akademik, latarbelakang keluarga atau kedesakan keperluan kewangan

seseorang itu. Apa maksud saya ialah berilah kepada pelajar-pelajar yang berpotensi, yang benar-benar miskin, yang mempunyai ibubapa yang tidak berkemampuan. Pihak Kerajaan hendaklah meneliti latarbelakang. Kalau ada tuduhan bahawa sikap Kerajaan yang memilih kasih itu, terutamanya di dalam satu Laporan dari Suruhanjaya Pertukaran Pelajaran Malaysia/Amerika yang mengatakan bahawa bilangan pelajar keturunan Melayu adalah 48% dari jumlah besar penuntut Malaysia di Amerika berbanding dengan 44% keturunan Cina dan 6% keturunan India. Dari jumlah ini, 49% adalah pemegang biasiswa Kerajaan dan selebihnya adalah pelajar persendirian. Saya tidak tahulah kalau dari segi komposisi kaum yang dapat biasiswa ini, angka-angka yang sebenarnya. Hendaklah saya menekankan di sini, pelajar-pelajar yang benar-benar miskin yang terdiri dari semua kaum hendaklah diberi peluang.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kenyataan yang perlu juga dikemukakan di sini adalah ramai dari pelajar-pelajar Malaysia berasal dari negeri Selangor 22.1% dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 18.7%, manakala mereka yang datang dari negeri-negeri Sarawak, Kedah dan Sabah termasuk Terengganu juga dan Kelantan adalah yang paling kurang mendapat biasiswa. Jelas sekali mereka yang berupaya untuk menuntut di luar negeri adalah dari negeri-negeri yang secara perbandingannya adalah lebih maju dari segi perkembangan ekonomi dan kemudahan pendidikan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, habiskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sudah 7 minit.



**Dr Tan Seng Giaw:** Oleh itu kita boleh juga melihat mereka yang datang dari negeri yang lebih mundur kurang menerima kemudahan pendidikan yang baik, yang menerima bantuan kewangan Kerajaan juga sebahagian besarnya terdiri daripada mereka yang datang dari keluarga yang lebih kaya. Pendek kata, usaha-usaha Kerajaan menjayakan matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat, besar kemungkinannya jatuh kepada mereka yang lebih kaya dan dipengaruhi oleh perbezaan kaum. Bukti yang lebih muktamad mengenai yang kedua itu adalah kes kenaikan yuran di Australia yang sebahagian besar penuntut Malaysia adalah penuntut persendirian bukan Melayu yang sering menghadapi masalah membayar yuran. Oleh itu kami ingin menegaskan di sini bahawa bantuan kewangan, baik sekalipun pinjaman, harus diagihkan dengan lebih adil dan saksama mengikut kedesakan keperluan calon serta pencapaian akademiknya. Usaha-usaha untuk memperbetulkan ketidakseimbangan sosio-ekonomi hendaklah diadakan. Akan tetapi usaha ini tidak seharusnya mewujudkan perbezaan yang terlalu nyata.

Akhirnya syarat-syarat dan bentuk-bentuk Tabung Pusingan Pinjaman tersebut hendaklah dikaji semula dari masa ke semasa untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar yang benar-benar miskin yang berpotensi yang tidak akan diketepikan. Pelajar-pelajar dengan ibubapa yang berkemampuan tidak seharusnya merampas peluang daripada pelajar-pelajar yang benar-benar miskin.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sudahlah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya harap, sebab kita tidak ada banyak masa, saya minta Menteri menjawab.

**Tuan P. Patto:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak Payah.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin petik ini berkait dengan sama ada perkara yang dibawa ini sah atau tidak sah dari segi undang-undang. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua sendiri pun memahami perkara ini oleh kerana penguatkuasaan adalah dibelakangkan dalam soal ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Adakah ini point of order. Yang Berhormat?

**Tuan P. Patto:** Sebagai penjelasan daripada Tuan Speaker. Tuan Speaker sebagai seorang peguam pun faham dan saya minta kerjasama menggunakan budibicara Tuan Speaker supaya membenarkan perbahasan dilanjutkan esok. Terima kasih.

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Duduk Yang Berhormat. Saya harap kita sudah cukup jam.

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak ada jam sekarang, duduk sekarang!

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Mana tidak ada jam. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sudah tidak ada masa Yang Berhormat. Tidak ada masa. Yang Berhormat, duduk! Yang Berhormat Menteri.

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3), saya mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### UCAPAN PENANGGUHAN

#### RANCANGAN HIBURAN DI RTM

6.30 ptg.

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang berucap mengenai program TV pada hari ini untuk mendapat perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Program meliputi TV3 dan RTM.

Bagi TV3 pada hari itu kalau rancangan berakhir pada pukul 12.00 malam maka jumlah minit tayangan program hiburan selama 290 minit. Kalau tempoh tamat siaran itu lewat daripada pukul 12.00 malam, maka ini bererti lebih daripada 300 minit sedangkan program yang bukan hiburan hanya sekadar 72 minit. Maksud yang bukan hiburan itu. Tuan Yang di-Pertua, termasuklah "Negaraku" dan acara susunan rancangan. Kalau ini dimaksudkan dalam program hiburan maka tentulah kurang dari 75 minit. Manakala RTM Rangkaian 1 pada hari yang sama hiburan ialah 240 minit, yang lain cuma 160 minit. Catatan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hitung dari program TV di akhbar.

Tuan Yang di-Pertua, memadailah saya kemukakan program satu hari yang saya kira boleh mencerminkan program harian TV di negara ini. Dan

ini tentunya tidak dikira hari kelepasan am seperti Hari Raya. Hari Kebangsaan dan hari-hari cuti yang lain apabila siaran TV bermula dari pagi hingga larut malam yang berjumlah minit siaran hiburannya akan lebih panjang lagi. Dari sini dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa fungsi penyiaran pandang dan dengar melalui RTM dan TV3 adalah mengutamakan peranan untuk memberi hiburan dan peranan ini jauh mengatasi peranan menyebarkan maklumat, pendidikan dan kritikan.

Sememangnya peranan kritikan itu sesuatu yang sukar untuk mengharapkan dapat diutarakan melalui media elektronik negara ini kerana peranan mengkritik diri sendiri belum digalakkan, tetapi nyatalah secara rambang penyiaran negara ini lebih tertumpu kepada hiburan.

Saya tidak berupaya untuk mencegah dan menghalang program-program seperti ini diteruskan dan saya tidak mampu untuk mencadangkan supaya program hiburan ditiadakan terus tetapi sesuai dengan sebuah negara yang penduduknya ramai beragama Islam dan walaupun tidak Islam, majoritinya adalah orang timur yang mempunyai budaya yang lembut dan sopan maka rancangan hiburan yang berlebihan dan tidak ditapis adalah tidak sesuai dengan keperluan penonton negara ini.

Saya ingin menarik perhatian kepada program yang disusun untuk Hari Raya Aidilfitri yang lalu. Melihat kepada rancangan yang disusun mengikut taraf saya sebagai pak lebai kampung tetapi tidak tahulah pula Ustaz Azhar, saya tidak dapat hendak mengatakan rancangan tadi pun unsur-unsur kelemahan dari sudut persembahan dan hiburan tentulah sangat menghairah dan menggiurkan. Demikianlah saya kesan dari reaksi penonton yang terdiri dari kanak-kanak, muda-mudi dan juga orang

dewasa. Gambaran umumnya saya dapati orang agak keberatan untuk berkunjung ke rumah jiran dan taulan kerana sayang hendak meninggalkan program TV yang kononnya baik-baik belaka. Dan walaupun mereka berkunjung ke rumah orang lain masing-masing menghalakan perhatian kepada TV dan tujuan ziarah yang penting tadi habis ditelan oleh tayangan TV. Akhirnya kebanyakan rumah didatangi oleh kanak-kanak dan akhirnya juga jadilah Hari Raya Aidilfitri sebagai hari hiburan bukan hari ibadah. Sekiranya kita dapat mendengar satu khutbah yang disediakan oleh JAWI dalam bulan Ramadhan yang lalu berhubung dengan budaya hiburan dan lain-lain cabang budaya yang menyesatkan, jelaslah Allah mengutuknya.

Orang yang khutbah itu adalah tepat dan ia adalah dianggap rasmi kerana JAWI adalah badan yang dinaungi sepenuhnya oleh Kerajaan. Sebagaimana rasminya RTM pada Kerajaan demikianlah rasminya JAWI pada sisi Kerajaan tetapi khutbah JAWI ini tidak menjadi panduan kepada RTM dalam menyiapkan program menyambut hari ibadat kepada Hari Raya Aidilfitri yang lalu. Kalau hiburan itu diharam oleh Allah bila-bila masa adakah wajar pula pada hari ibadat yang khusus itu disambut dengan acara yang sedemikian rupa. Malah hiburannya lebih galak dari lain-lain masa. Saya tidak tahulah takut ada Ustaz celup boleh bertanggungjawab. Hendaklah difahami bahawa sesuatu yang diharamkan oleh Allah adalah satu perintah larangan. Perintah larangan kalau dilakukan juga maka ia boleh membawa kepada syirik dan sebagainya. Moga-moga Allah lindungi kita dari durjana itu.

Akibat dari siaran hiburan yang disalurkan itu walaupun benar pada penglihatannya memberi kerehatan dan ketenangan tetapi di sebalik

ketenangan pada kulit sahaja itu tertonjol unsur-unsur kelemahan yang lebih membahayakan iaitu ia meleakkan penonton, mengkhayalkan, memberahikan menyebabkan penonton mengabaikan tanggungjawab dan kemudian mendedahkan penonton kepada serba kemungkinan apabila keupayaan mengawal diri boleh dilemahkan.

Bahan-bahan hiburan yang dihidangkan akhir-akhir ini baik sebelum dan sesudah Yang Berhormat Menteri baru mengambilalih tugas terlalu menonjol dan menjolok mata. Pesta pertandingan tarian rancak sedunia adalah contoh yang baik sebagai bukti, jelas ia bukan sekadar bercanggah dengan Islam malah ia juga tidak sesuai dengan Islamisasi Kerajaan kiranya di antara keduanya ada perbezaan.

Persembahan RTM dan TV3 menyebabkan Islam keperibadian timur dan keperibadian orang Malaysia tercemar. Akhlak orang ramai, kanak-kanak dan orang dewasa terpengaruh dan dipengaruhi oleh akhlak yang rosak dari akhlak asing yang sudah musnah itu. Masyarakat barat yang sering bangga dengan peradaban dan budayanya satu masa dahulu sudah menyedari bahawa kebudayaan dan tata hidup telah dimusnahkan oleh budaya Hollywood dan Las Vegas. Antara agensi-agensi yang menyumbangkan kemusnahan itu ialah program TV dan video. Mereka sedar kini bahawa landaan budaya musnah itu sudah tidak dapat dikawal lagi. Penyelesaian dan kehampaan budayawan barat yang liberal dahulu itu tidak pernah mahu diambil sebagai pengajaran, sedangkan kalau kita sempat berbual dengan golongan konservatif dari barat nyatalah mereka menghadapi 1,001 penyesalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk membela budaya dan sistem panggung wayang atau

pagawam. Ia pun gejala pemusnah juga tetapi akibat tayangan TV seluruh sistem panggung wayang terpaksa ditutup kerana panggung wayang sudah ditempatkan dalam setiap rumah. Orang-orang yang tua yang dianggap kunu dahulu memandang seorang terhadap kewujudan panggung wayang disebabkan pada pandangan mereka ada kesan negatif kepada akhlak dan susila seseorang tetapi kini kesan negatif tadi telah terdedah kepada setiap orang dan setiap anggota rumah kerana semua rumah sudah menjadi panggung wayang dan setiap ahli dalam rumah menjadi penonton termasuklah kanak-kanak yang baru lahir. Di panggung wayang orang tertentu sahaja yang pergi tetapi TV terdedah kepada orang-orang yang tidak mampu keluar rumah sama ada kanak-kanak mahupun orang tua yang sudah lumpuh yang sudah dilambai oleh tanah kubur. Bahan siaran TV selain daripada yang dirancang dari negara.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Saya minta supaya dapat saya.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak boleh Yang Berhormat. Teruskan jawapan.

6.38 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas perhatian serta teguran Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa mengenai pengaruh TV di kalangan masyarakat kita di Malaysia ini.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa TV adalah alat komunikasi moden yang memberi kebebasan

kepada penonton- penonton untuk memilih program-program dan rancangan-rancangan yang disukai. Kita di Malaysia ini boleh melihat rangkaian-rangkaian TV bukan sahaja rangkaian RTM1 dan 2 tetapi juga kita dapat melihat rangkaian TV3. TV Singapura bagi penonton di kawasan selatan dengan berbagai-bagai rangkaiannya. TV Thailand bagi mereka di kawasan sempadan di Kelantan, Perak, Kedah dan Perlis dan juga TV Brunei bagi sebahagian Sabah dan Sarawak. Semua rangkaian ini merebut penonton untuk menyaksikan program masing-masing.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa TV juga adalah merupakan alat selain daripada sebahagiannya untuk menghibur tetapi kepentingan negara adalah diutamakan iaitu untuk memberi pendidikan, pelajaran dan penerangan juga untuk menyampaikan maklumat-maklumat kepada rakyat. Sekiranya orang ramai melarikan diri dari menonton program yang kita sediakan dan mereka memilih program-program dari rangkaian TV-TV yang lain atau menggunakan video sebagai pilihan mereka maka sudah tentu hasrat dan tujuan untuk menyampaikan maklumat, penerangan, pelajaran dan pendidikan kepada rakyat tidak akan tercapai. Memang kita tidak dapat menafikan bahawa rancangan-rancangan RTM terutamanya rancangan-rancangan yang diimport dari barat masih menjadi objek keraguan, kebimbangan dan keresahan orang ramai di Malaysia ini. Keadaan ini bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi berlaku juga di barat sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat baru sekejap tadi.

Mereka mempersoalkan tentang cerita-cerita yang terselit nilai-nilai anti moral seperti hubungan lelaki dengan perempuan, keganasan, kekejaman, cerita-cerita khayalan yang berlebihan dan lain-lain unsur moral di kaca TV. Trend yang tidak

sihat ini telah mempengaruhi dunia industri filem TV dan kita di Malaysia sedikit sebanyak tidak dapat mengelak dari gejala pencemaran ini. Lebih-lebih lagi program-program kita belum mencukupi untuk dipenuhi dengan program-program tempatan semata-mata dan terpaksa mengimport program-program dari luar untuk memenuhi airtimes kita

Walau bagaimanapun, perlu saya tegaskan di sini bahawa hasil dari dasar penapisan filem kita yang ketat, pencemaran di kaca TV di negara kita adalah pencemaran yang minima jika dibandingkan dengan TV di luar negeri. Sungguhpun banyak filem yang telah diharamkan tayangan menerusi kaca TV akibat dasar penapisan kita dan dasar penapisan ini akan terus diperketatkan.

Memperkatakan bahawa kita tidak mempunyai penapisan langsung adalah tidak benar. Tetapi penapisan yang ketat ini pun tidaklah dapat menyelesaikan masalah kerana penonton masih dapat mencari pilihan mereka melalui rangkaian TV yang lain ataupun melalui penggunaan video. Di samping kita menghitung dan menyenaraikan nilai-nilai negatif yang terdapat dalam kaca TV adalah tidak wajar dan tidak adil jika tidak disebutkan sebahagian kebaikan-kebaikan program yang ditayangkan oleh RTM.

Walaupun kebaikan-kebaikan ini bagi kita juga belum memuaskan tetapi dari segi perbandingan secara insaf dan jujur, kebaikan itu telah meningkat dari masa ke semasa. Nilai-nilai yang baik, nilai-nilai murni, panduan-panduan yang boleh dijadikan contoh teladan bagi kehidupan seharian rakyat telah banyak ditonjol dan diselitkan melalui program-program tempatan dan program-program tempatan ini pula ditayangkan di waktu siaran utama (prime time).

Di samping itu kita juga membawa masuk filem-filem dari Timur Tengah yang berunsurkan drama dan sejarah yang boleh dijadikan pengajaran dan pendidikan. Kita juga mempunyai program-program khas seperti program-program membaca Al-Quran, kuliah agama, syarahan-syarahan yang boleh mendorong orang ramai beribadat dan berakhlak, memberi nasihat mengenai bahaya penagihan dadah. Mengajak kita bersopan santun dan bersatu-padu, mengajar muqaddam kepada anak-anak kita, maklumat-maklumat tentang pertanian, kesihatan dan sebagainya.

Jika kita perhatikan secara objektif nilai-nilai yang positif ini yang telah diresapkan di dalam berbagai-bagai program dan yang telah ditonjolkan di dalam program-program yang berasingan dan kita bandingkan pula dengan unsur-unsur negatif yang ada maka secara jujur dan insafnya bahawa RTM kita masih dapat mengekalkan keutuhan yang terbaik di kawasan ini walaupun masih ada yang belum memuaskan. Terserahlah kepada penonton- penonton sendiri untuk membuat penilaian dan membuat pilihan program-program yang hendak dilihatnya.

Berhubung dengan program hari raya, kita akan membuat penelitian dari masa ke semasa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan, bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.....

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Yang di-Pertua, masih ada lagi satu ucapan penangguhan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia tidak ada di sini.

**Tuan Hu Sepang:** Tetapi belum kita dengar dia dipanggil.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak payah buang masa.

**Tuan Hu Sepang:** Oh! macam ini. (Ketawa)

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga jam 3.00 petang esok, Jumaat, 10hb Julai, 1987.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.42 petang.*